

PENDEKATAN DAKWAH KEPADA NON-MUSLIM DI
BRUNEI: KAJIAN TERHADAP PUSAT DA'WAH
ISLAMIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HAJAH NURUL AKMAL BINTI HAJI ZOLKEPLI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2019

**PENDEKATAN DAKWAH KEPADA NON-MUSLIM DI
BRUNEI: KAJIAN TERHADAP PUSAT DA'WAH
ISLAMIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

HAJAH NURUL AKMAL BINTI HAJI ZOLKEPLI

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

PENDEKATAN DAKWAH KEPADA NON-MUSLIM DI BRUNEI: KAJIAN TERHADAP PUSAT DA'WAH ISLAMIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ABSTRAK

Sejak kemasukan Agama Islam ke Brunei Darussalam beberapa dekad kebelakangan ini dakwah Islam tidak diabaikan, pelbagai usaha dilakukan untuk mengembangkan Agama Islam. Pendidikan agama disusun atur, gerakan dakwah semakin giat dijalankan, dan Pusat Da'wah Islamiah telah ditubuhkan. Pusat ini merupakan satu institusi gerakan dakwah yang berperanan besar dalam menyebarkan dakwah Islam di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini bertujuan mengkaji pendekatan dakwah kepada *non-Muslim*, mengenal pasti pelaksanaan pendekatan dakwah Pusat Da'wah Islamiah terhadap non-Muslim di Brunei dan mengenal pasti masalah pelaksanaan pendekatan dakwah Pusat Da'wah Islamiah terhadap *non-Muslim* di Brunei. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan metode perpustakaan dan metode kajian lapangan yang menjadikan temubual sebagai instrumen utama penyelidikan. Hasil kajian mendapati pendekatan dakwah Islam yang digunakan di Negara Brunei Darussalam masih boleh diperluaskan lagi terutama sekali dakwah Islam kepada *non-Muslim*.

Kata kunci: Dakwah, Pendekatan dakwah, Masalah pelaksanaan pendekatan dakwah, *non-Muslim*, Pusat Da'wah Islamiah, Brunei, Negara Brunei Darussalam.

DA'WAH APPROACHES TOWARDS NON-MUSLIMS IN BRUNEI: A STUDY AT PUSAT DA'WAH ISLAMIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

ABSTRACT

Since the introduction of Islam in Brunei Darussalam, the development of da'wah has become more active with all efforts and strategies implemented in order to spread the teaching of Islam in the country. The development can be attributed with the establishment of Islamic Da'wah Centre as well as proper Islamic education and religious activities. With the establishment of the centre, it has become an institution that has played a major role in the expansion of Islam in Brunei Darussalam. Hence, this study was proposed to discuss the effective strategy in da'wah or religious propagation towards *non-muslims* as the focus group in Brunei Darussalam. This study aims to examine the approach of *non-Muslims* to da'wah, and to identify the implementation and problems of Islamic Da'wah Centre approach to *non-Muslims* in Brunei. The research was carried out by using library research and field study with questionnaires as the main instrument in this study. The results showed there are still more possibilities in improving the methods and strategies used by the Brunei religious organization.

Keywords: Da'wah, Strategy in da'wah, Problems in da'wah, *non-Muslim*, Islamic Da'wah Centre, Brunei, Negara Brunei Darussalam.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Segala puji hanya bagi Allah iaitu Tuhan yang menciptakan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W berserta seluruh ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Alhamdulillah dapat juga saya menyiapkan disertasi yang telah diusahakan selama ini bagi menyempurnakan pencarian ilmu saya di peringkat sarjana.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu Dr. Muhammed Yusof yang telah banyak membimbing, membantu dan menjayakan kajian saya sehinggalah ia dibukukan menjadi satu disertasi yang amat bermakna dalam bidang ilmu. Tidak lupa juga saya rakamkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah di Akademi Pengajian Islam khususnya di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan yang membantu dan mencurahkan segala ilmu sepanjang pengajian saya di Universiti Malaya sehingga berjaya.

Demikian juga jutaan penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pengajian Islam yang membiayai saya sepanjang pengajian dan memberi saya kepercayaan dan peluang untuk menimba ilmu di negeri perantauan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya tujukan kepada Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam serta semua agensi-agensi kerajaan sama ada yang terlibat secara langsung atau pun tidak yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang proses kajian dijalankan.

Di sebalik kejayaan saya adalah kerana insan ini. Justeru, ungkapan penghargaan khusus kepada suami tercinta iaitu Mohammad Redzuan Meludin yang memberi motivasi dan galakan sepanjang penyediaan disertasi ini. Insan ini tidak pernah berputus

asa memberikan nasihat dan kata-kata semangat. Tidak ketinggalan kepada kedua anak saya yang dikasihi Muhammad ‘Aqiel Rayyan Mohammad Redzuan dan Nayla Nur Inara Mohammad Redzuan yang menjadi kekuatan dan keazaman saya untuk menyempurnakan disertasi ini. Penghargaan yang paling istimewa dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya iaitu Haji Zolkepli Haji Yusof dan Sharifah Hajah Zaliha Shaikh Haji Ibrahim yang amat saya sayangi dan kasihi. Kedua insan ini tidak pernah mengenal erti penat lelah dalam memberi dorongan dan sokongan serta mendoakan kejayaan saya sepanjang perjalanan saya dalam menuntut ilmu.

Tidak lupa juga penghargaan kepada abang-abang dan adik-adik serta anak-anak buah saya yang memberi kegembiraan dan menyuntik semangat kepada saya sepanjang pengajian. Begitu juga penghargaan ditujukan kepada rakan seperjuangan saya sama ada yang berada di tanah air atau pun di seberang laut yang memberi saya nasihat dan inspirasi semasa pengajian saya di Malaysia ini.

Akhirnya, jasa dan kerjasama serta pertolongan tidak kira sama ada yang terlibat secara langsung atau pun tidak yang diberikan oleh semua pihak amatlah saya ingati dan hargai. Hanya Allah yang mampu membalas jasa baik yang diberikan. Saya doakan semoga Allah memberi kita kekuatan dalam memperjuangkan Islam di muka bumi ini dan menganugerahkan keberkatan serta kesejahteraan di dunia dan di akhirat, Amin.

Hajah Nurul Akmal binti Haji Zolkepli
Emel: nurulakmal.zolkepli@hotmail.com

11hb Jamadil Akhir 1440 H
16hb Februari 2019 M

DAFTAR ISI KANDUNGAN

Halaman Tajuk.....	ii
Perakuan Keaslian Penulisan.....	iii
Abstrak.....	iv
Abstract.....	v
Penghargaan.....	vi
Daftar Isi Kandungan.....	viii
Senarai Rajah.....	xi
Senarai Kependekan.....	xii
Panduan Transliterasi.....	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.3 Permasalahan Kajian.....	5
1.4 Objektif Kajian.....	7
1.5 Batasan Kajian.....	7
1.6 Kepentingan Kajian.....	8
1.7 Kajian Lepas.....	9
1.8 Metodologi Kajian.....	13
1.8.1 (a) Kaedah Penyelidikan Perpustakaan.....	13
1.8.1 (b) Kaedah Penyelidikan Lapangan.....	13
1.8.2 Analisis Data.....	15
BAB 2: PENDEKATAN DAKWAH KEPADA <i>NON-MUSLIM</i>.....	16
2.1 Pendahuluan.....	16

2.2 Dakwah Islam Secara Umum.....	16
2.1.1 Definisi Dakwah.....	19
2.1.2 Hukum Dakwah.....	21
2.3 Kepentingan Dakwah Islam Kepada <i>Non-Muslim</i>	26
2.3.1 Untuk Membetulkan Akidah Dan Menikmati Keimanan Yang Sebenar....	27
2.3.2 Untuk Menolak Syubhah.....	28
2.3.3 Untuk Memastikan Keutuhan Ummah.....	29
2.4 Pendekatan Dakwah Islam Kepada <i>Non-Muslim</i>	30
2.4.1 Lisan (<i>Al-Qawl</i>)	35
2.4.2 Penulisan (<i>Al-Kitabah</i>)	37
2.4.3 Teladan (<i>Al-Hal</i>)	37
2.4.4 Harta (<i>Al-Mal</i>)	40
2.5 Masalah Dakwah Islam Kepada <i>Non-Muslim</i>	52
2.5.1 Masalah Dalaman.....	52
2.5.2 Masalah Luaran.....	55
2.6 Kesimpulan.....	56
BAB 3: PENDEKATAN DAKWAH PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEPADA	
<i>NON-MUSLIM</i> DI BRUNEI.....	58
3.1 Pendahuluan.....	58
3.2 Pusat Da'wah Islamiah.....	58
3.2.1 Sejarah Pertubuhan Pusat Da'wah Islamiah.....	59
3.2.2 Peranan Pusat Da'wah Islamiah.....	61
3.2.3 Struktur Pusat Da'wah Islamiah.....	63
3.3 Bahagian Pengembangan Da'wah.....	67
3.3.1 Unit Da'wah Khas.....	68

3.3.2 Aktiviti Unit Da'wah Khas.....	68
3.4 <i>Non-Muslim</i> Di Brunei Darussalam.....	71
3.4.1 Iban.....	71
3.4.2 Dusun.....	72
3.4.3 Murut.....	73
3.4.4 Cina.....	74
3.4.5 Lain-Lain Bangsa.....	76
3.5 Pendekatan Dakwah Pusat Da'wah Islamiah Kepada <i>Non-Muslim</i>	76
3.5.1 Lisan (<i>Al-Qawl</i>)	76
3.5.2 Penulisan (<i>Al-Kitabah</i>)	81
3.5.3 Teladan (<i>Al-Hal</i>)	82
3.5.4 Harta (<i>Al-Mal</i>)	83
3.6 Kesimpulan.....	85
BAB 4: MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PUSAT DA'WAH ISLAMIAH DALAM PELAKSANAAN PENDEKATAN DAKWAH ISLAM KEPADA <i>NON-MUSLIM</i> DI BRUNEI DARUSSALAM.....	86
4.1 Pendahuluan.....	86
4.2 Masalah Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Pusat Da'wah Islamiah.....	86
4.2.1 Masalah Dalaman.....	87
4.2.2 Masalah Luaran.....	102
4.3 Kesimpulan.....	104
BAB 5: PENUTUP.....	105
5.1 Pendahuluan.....	105
5.2 Rumusan.....	105

5.2.1 Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Pusat Da'wah Islamiah kepada <i>Non-Muslim</i>	105
5.2.2 Masalah Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Pusat Da'wah Islamiah kepada <i>Non-Muslim</i>	107
5.3 Saranan.....	108
5.3.1 Ahli Akademik Dan Pelajar.....	108
5.3.2 Pusat Da'wah Islamiah.....	109
5.3.3 Pendakwah.....	110
BIBLIOGRAFI	113
LAMPIRAN	119

SENARAI RAJAH

- 1.1 Carta Pengislaman Di Brunei Darussalam Dari Tahun 2010 Hingga 2016.....6
- 3.1 Kekerapan Aktiviti Ceramah Dakwah Pada Tahun 2010 Hingga 2016.....79
- 3.2 Kekerapan Aktiviti Ziarah Dakwah Pada Tahun 2010 Hingga 2016.....84

Universiti Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

Abd	- Abdul
c.	- Cetakan
Dr	- Doktor
ed.	- Edisi
et. al	- <i>Editors</i> atau buku yang dihasilkan oleh empat penulis atau lebih
Hj	- Haji
Hjh	- Hajah
<i>Ibid</i>	- <i>Ibidem</i> bermaksud pada rujukan sama seperti sebelumnya
j.	- Jilid
JPKE	- Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi
JMBRAS	- <i>Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society</i>
KDYMM	- Kebawah duli Yang Maha Mulia
Mohd	- Mohammad
Muhd	- Muhammad
NBD	- Negara Brunei Darussalam
Pg	- Pengiran
Prof	- Professor
SAW	- Sallahu Alaihi Wa Salam
SWT	- Subhanahu Wa Taala
Sdn. Bhd.	- Sendirian Berhad
t.p	- Tanpa Penerbit
t.t	- Tanpa Tarikh
terj.	- Terjemahan
Vol	- <i>Volume</i>

PANDUAN TRANSLITERASI

Kosonan

ARAB	ROMAN	ARAB	ROMAN	ARAB	ROMAN
اء	a, 'a	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	s{	م	m
ج	j	ض	d{	ن	n
ح	h{	ط	t{	هـ	h
خ	kh	ظ	z{	و	w
د	d	ع	'	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h,t
ر	r	ف	f		

Vokal

VOKAL PANJANG	TRANSLITERASI	CONTOH	TRANSLITERASI
اى	a<	كُبْرَى، بَابُ	<i>Baḥ, Kubra<</i>
ي	i<	وَكَيْلٌ	<i>Wakiḥ</i>
و	u<	سُورَةٌ	<i>Surāḥ</i>

Diftong

Diftong	TRANSLITERASI	CONTOH	TRANSLITERASI
اَوْ - َو	aw	قَوْلٌ	<i>Qawl</i>
اَيَّ - َي	ay	حَيْرٌ	<i>Khayr</i>
اُوَّ - ُؤ	uww	قُوَّةٌ	<i>Quwwah</i>
اَيَّيَّ - َيَّ	iy, i<	عَرَبِيٌّ	<i>`Arabiy/i<</i>

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dakwah merupakan dasar yang penting dalam menyebarkan agama Islam. Dakwah dalam arti kata yang lain merupakan suatu ajakan untuk melaksanakan ajaran-ajaran Islam, mengajak untuk berbuat kebaikan dan melarang dari membuat kejahatan.¹ Peranan dan tanggungjawab dalam melaksanakan dakwah telah ditugaskan kepada umat Islam umumnya dan para pendakwah khususnya berdasarkan kemampuan mereka. Allah SWT telah berfirman:

يَا أَيُّهَا الرَّسُولُ بَلِّغْ مَا أُنزِلَ إِلَيْكَ مِنْ رَبِّكَ وَإِنْ لَمْ تَفْعَلْ فَمَا بَلَّغْتَ رِسَالَتَهُ وَاللَّهُ يَعْصِمُكَ مِنَ

النَّاسِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Al-Maidah 5: 67

Terjemahan: Wahai Rasul, sampaikan apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu, dan jika kamu tidak melakukan berarti kamu tidak menyampaikan risalah-Nya. Allah menjagamu dari bahaya manusia, sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang kafir.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah Ta'ala telah memerintahkan agar umat Islam menyebarkan syiar Islam di muka bumi ini. Allah juga berjanji akan menjaga sesiapa yang menyampaikan syiar Islam dari bahaya manusia. Hakikat penerokaan ilmu tidak pernah membezakan siapakah penuntutnya, akan tetapi para pendakwah hendaklah

¹ Fathi Yakan, *Menuju Kepada Islam Mengajak Umat Ke Jalan Allah*, terj. Dra. Chadidjah Nasution (Selangor Farul Ehsan: Thinker's Library SDN BHD, 1994), 5.

menjadi orang yang bijaksana dan seorang ilmuwan, agar mahir menyampaikan pendapat dan pengertiannya. Dalam usaha mengembangkan agama Islam, para pendakwah haruslah mengetahui bagaimana caranya memulai kehidupan menurut syariat Islam.² Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan dalam menjalankan misi dakwah ini.

Mengikut kajian sejarah, permulaan kedatangan Islam ke Brunei Darussalam ialah pada abad ke 13 apabila penemuan batu nisan “Tuan P’u” yang dikatakan seorang keturunan Cina Islam.³ Menurut sumber Cina dan Arab ramai pedagang Arab dan Farsi Islam pergi ke Canton (Cina Selatan) atas tujuan perdagangan di Negeri Cina.⁴ Maka, sudah setentunya pedagang-pedagang arab ini bukan sahaja bergiat dalam bidang perniagaan malah menyampaikan dakwah Islam di kalangan orang Cina. Kemudiannya orang Cina datang ke Brunei Darussalam sekaligus mempengaruhi unsur-unsur keislaman kepada penduduk tempatan di Brunei Darussalam.⁵

Walaupun pada masa tersebut kehidupan beragama Islam masih di peringkat permulaan, namun ia tidak menghalang ajaran Islam ini terus berkembang. Pada abad ke-14, kerajaan Brunei pada masa itu diperintah oleh Awang Alak Betatar, yang seterusnya dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah setelah memeluk agama Islam.⁶ Perkembangan Islam semakin menonjol apabila Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien, Sultan Brunei yang ke 28⁷ menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara yang berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jama‘ah seperti yang dicatatkan dalam perlembagaan

² Fathi Yakan, *Menuju Kepada Islam Mengajak Umat Ke Jalan Allah*, terj. Dra. Chadidjah Nasution, 125.

³ Haji Mohammad Bin Haji Abd Rahman, *Islam Di Brunei Darussalam*, c.3, (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei, 2005), 59.

⁴ Wang Gungwu, *The Nanhai Trade*, *JMBRAS*, Vol. XXXI, Pt. 2, (1958), 1-135.

⁵ Haji Mohammad Bin Haji Abd Rahman, *Islam Di Brunei Darussalam*, 53-53.

⁶ Haji Mohammad Bin Haji Abd Rahman, *Islam Di Brunei Darussalam*, V.

⁷ Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien menaiki takhta pada tahun 1950 dan menjadi sultan Brunei yang ke 28. Baginda memerintah kerajaan Brunei selama 17 tahun iaitu bermula pada tahun 1950 hingga 1967. Baginda mangkat pada tahun 1986.

Brunei 1959.⁸ Pemerintahan Brunei berubah berlandaskan ajaran-ajaran Islam hingga ke hari ini.

Perubahan menuju kepada kehidupan berlandaskan syariat Islam bukanlah suatu jalan yang mudah. Ia memerlukan suatu organisasi yang menggerakkan tugas dan peranan dakwah Islam itu. Justeru, baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam⁹ telah mengarahkan penubuhan *Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam* sebagai nadi utama gerakan dakwah Islamiah. Ia merupakan sahutan kepada seruan baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan kebesaran Allah dan sentiasa mengingati Allah.¹⁰

1.2 Latar Belakang Kajian

Setelah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Sultan Brunei yang ke 28 mangkat pada tahun 1986 Masihi, usaha baginda diteruskan oleh anakanda baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengembangkan agama Islam. Antaranya adalah penubuhan Pusat Da'wah Islamiah pada 1 Muharram 1406 Hijrah bersamaan dengan 16 September 1985 Masihi¹¹ bersempena dengan perasmian penubuhan Pusat Da'wah Islamiah iaitu:

⁸ Haji Mohammad Bin Haji Abdul Rahman, "Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam", (Kertas Kerja Seminar Kepimpinan Islam Serantau, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Jun 1999), 14.

⁹ Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ialah sultan Brunei yang ke 29. Baginda ditabalkan menjadi sultan pada tahun 1967. Pemerintahan baginda masih kekal hingga sekarang.

¹⁰ Haji Mohammad Bin Haji Abdul Rahman, *Merealisasikan Negara Zikir Melalui Pendidikan*, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2011), 1.

¹¹ Haji Awang Abdul Aziz Bin Awang Juned, *Islam Di Brunei Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkih Mu'izzadin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-*

“Memantapkan dan mempertahankan perkembangan syiar Islam selaras dengan perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi negara. Islam juga dijadikan amalan cara hidup yang sempurna selaras dengan Melayu Islam Beraja.”¹²

Pusat Da'wah Islamiah Brunei Darussalam mula menjalankan operasinya pada 18 Rabiul Akhir 1405 bersamaan dengan 1 Januari 1985. Penubuhan Pusat Da'wah Islamiah ini adalah merupakan satu usaha penting untuk menyebarkan kefahaman agama Islam dan ajaran-ajarannya bagi memenuhi kewajipan pelaksanaan konsep '*Al-Amru bi Al-Ma'ruf Wa An-Nahyu An Al-Munkar*' di negara ini.

Struktur perjalanan pusat ini adalah di bawah kawalan seorang Pengarah yang bertanggungjawab secara langsung kepada Setiausaha Tetap. Pengarah pula dibantu oleh seorang Penolong Pemangku Pengarah, beberapa orang Pegawai Kanan, pegawai-pegawai, kakitangan dan lain-lain kategori tenaga yang diperlukan.¹³ Secara umum, pusat ini telah dibahagikan kepada tujuh bahagian dan setiap bahagian diketuai oleh seorang pegawai kanan, Bahagian-bahagian tersebut ialah:

1. Bahagian Pentadbiran.
2. Bahagian Kajian dan Penerbitan.
3. Bahagian Penapisan dan Pameran.
4. Bahagian Pengembangan Dakwah.

Pertuan Negara Brunei Darussalam, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1992), 80.

¹² Jabatan Penerangan, “Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Da'wah Islamiah Pada 1 Muharram 1406 / 16 September 1985”, dalam *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987*, (cet. ke-1, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2017), 69 -71.

¹³ Norasidah binti Haji Duraman, (Pusat Dakwah Islamiah Unit Penapisan dan Kawalan Terbitan-terbitan, Latihan Industri, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2009), 3.

5. Bahagian Penyebaran Dakwah.
6. Bahagian Pembangunan Muallaf.
7. Bahagian Media.

1.3 Permasalahan Kajian


Sejak kedatangan Agama Islam ke Brunei Darussalam, dakwah Islam tidak diabaikan, bahkan pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengembangkan Agama Islam. Pendidikan agama disusun atur, gerakan dakwah semakin giat dijalankan dan ajaran Islam semakin berkembang terutama setelah Pusat Da'wah Islamiyah telah ditubuhkan.

Pada tahun 2011, dianggarkan penduduk Brunei Darussalam berjumlah seramai 393,372 orang yang terdiri dari 203,149 orang lelaki dan 190,223 orang perempuan. Mengikut Akta Kebangsaan Brunei 1961, Melayu Brunei yang rasmi terdiri dari 7 puak iaitu Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Bisaya dan Murut. Majoriti penduduk yang tinggal di Brunei Darussalam adalah berbangsa Melayu dengan jumlah seramai 258,465 orang. 40,534 orang telah direkodkan dari bangsa Cina yang merupakan bangsa ke dua terbesar selepas bangsa Melayu dan diikuti lain-lain bangsa sebanyak 94,373 orang. Walaupun mengikut geografi, Daerah Belait adalah daerah yang terbesar di Brunei Darussalam namun Daerah Brunei Muara yang merupakan daerah paling kecil di Brunei Darussalam mencatatkan penduduk yang terbesar iaitu seramai 279,925 orang disusuli Daerah Belait seramai 60,744 orang, Daerah Tutong seramai 43,852 orang dan Daerah Temburong seramai 8,852 orang.¹⁴

¹⁴*Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2011* (Brunei Darussalam: Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, 2012), 7.

Jika dilihat dari sudut penerimaan dakwah *non-Muslim* kepada dakwah Islam jumlah keseluruhan bangsa yang memeluk agama Islam masih dalam lingkungan yang mendatar tidak menunjukkan peningkatan.

Rajah 1.1: Carta Pengislaman Di Brunei Darussalam Dari Tahun 2010 Hingga 2016



Sumber: Pusat Da'wah Islamiah, Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan jadual ini, jumlah yang paling banyak memeluk agama Islam semenjak permulaan abad ke-21 ialah pada tahun 2010 iaitu seramai 647 orang. Manakala jumlah yang sedikit dicatatkan pada tahun 2012 iaitu sebanyak 470 orang. Secara umumnya jumlah orang yang menerima agama Islam tidak menentu dari tahun ke tahun. Justeru, boleh dikategorikan bahawa penerimaan agama Islam di Negara Brunei Darussalam ditahap yang rendah dan belum memuaskan walaupun aktiviti-aktiviti dakwah giat dilakukan.

Oleh yang demikian, pendekatan dakwah yang digunakan oleh Pusat Da'wah Islamiah untuk menarik minat *non-Muslim* kepada Islam perlulah diperbaiki dan

dipertingkatkan. Begitu juga permasalahan pelaksanaan pendekatan dakwah yang dihadapi sekaligus menjadi halangan dakwah Islam itu diterima. Justeru, satu kajian haruslah dilaksanakan untuk mengetahui tentang pendekatan dakwah dan demi merungkai masalah itu.

1.4 Objektif Kajian

- i) Mengkaji pendekatan dakwah kepada *non-Muslim*.
- ii) Mengenal pasti pelaksanaan pendekatan dakwah Pusat Da'wah Islamiah terhadap *non-Muslim* di Brunei.
- iii) Mengenal pasti masalah pelaksanaan pendekatan dakwah Pusat Da'wah Islamiah terhadap *non-Muslim* di Brunei.

1.5 Batasan Kajian

Kajian yang dikaji menumpukan kepada satu gerakan dakwah yang bernaung di bawah kerajaan Brunei Darussalam iaitu Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam. Pilihan ini adalah kerana Pusat Da'wah Islamiah merupakan nadi utama dalam menggerakkan dakwah Islam di Negara Brunei Darussalam. Justeru itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti pendekatan dakwah yang diguna pakai oleh pusat ini serta mengkaji permasalahan dalam pelaksanaan pendekatan dakwah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Dari sudut tempat kajian, pengkaji hanya memfokuskan kajian kepada Bahagian Pengembangan Dakwah, Unit Khas Dakwah, Pusat Dakwah Islamiah. Kajian dijalankan berdasarkan tempoh pendekatan dakwah yang digunakan dari tahun 2010 hingga tahun 2016.

1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan pembacaan dan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, kajian tentang pendekatan dakwah serta permasalahan dalam pelaksanaan pendekatan dakwah di Negara Brunei Darussalam belum mendapat sambutan. Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat menyumbangkan kepada perkara-perkara berikut:-

- i) Kajian ini dapat dilihat dari sudut akademik, ahli akademik dan juga pelajar dapat menjadikannya sebagai satu sumber atau rujukan dalam memperluaskan ilmu pengetahuan dan pemahaman tentang peranan Pusat Da'wah Islamiah. Sekaligus, menjadikannya sebagai langkah ke arah penambahbaikan strategi dakwah Islam.
- ii) Kajian ini juga dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada badan gerakan dakwah di Negara Brunei Darussalam terutama kepada Pusat Da'wah Islamiah.
- iii) Selain itu juga, kajian ini juga boleh membantu badan gerakan dakwah luar negara khususnya di alam Melayu seperti Malaysia untuk mengetahui pendekatan dakwah yang diusahakan oleh Negara Brunei Darussalam.
- iv) Memudahkan para pendakwah di Negara Brunei Darussalam dalam pemilihan dan penggunaan strategi dan melicinkan misi dakwah Islam sebenar.

1.7 Kajian Lepas

Untuk memperluaskan lagi agama Islam di Brunei Darussalam, kajian telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Namun kajian yang dibuat kebanyakannya bersifat umum yang berkaitan dengan perkembangan dakwah di Brunei Darussalam.

Kertas kerja Hajah Rasinah binti Haji Ahim (2010)¹⁵ ada menyebutkan tentang Pusat Da'wah Islamiah tetapi tidak menyentuh mengenai pendekatan dakwah yang digunakan dalam berdakwah kepada *non-Muslim*. Perbincangan kajian ini lebih memfokuskan kepada penerimaan dan kefahaman masyarakat Dusun dan Murut tentang Islam.

Manakala kajian Dayang Latifah binti Haji Ismail (2002)¹⁶ telah memberi gambaran umum tentang unit Bahagian Penyebaran Dakwah iaitu salah sebuah bahagian di Pusat Da'wah Islamiah. Di dalam kajian ini juga lebih memfokuskan perbincangan kepada peranan bahagian ini dalam penyebaran dakwah di Negara Brunei Darussalam tetapi tidak menyebutkan akan pendekatan dakwah yang digunakan.

Adapun penulisan Haji Mohammad Amin bin Haji Abdul Rahim (2012)¹⁷ memberikan huraian perihal kedatangan Islam ke Brunei Darussalam, perkembangan dakwah secara menyeluruh serta penyebaran Islam di Negara Brunei Darussalam ada dijelaskan. Perlaksanaan dakwah melalui pendekatan dakwah dan strategi dakwah yang digunakan juga dibincangkan. Kemudahan dan Permasalahan dakwah juga turut dijelaskan di dalam kajian ini.

¹⁵ Hajah Rasinah binti Haji Ahim, "Penerimaan dan Kefahaman tentang Islam dalam Kalangan Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam" (Tesis Doktor Falsafah, UM, 2010).

¹⁶ Dayang Latifah binti Haji Ismail, "Bahagian Penyebaran Da'wah di Pusat Da'wah Islamiah dan peranannya dalam penyebaran Da'wah Di Negara Brunei Darussalam" (Akademi Pengajian Brunei, Maktab Sultan Haji Umar Ali Saifuddin, 2002).

¹⁷ Haji Mohd Amin bin Haji Abd Rahim, "Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam" (Tesis Doktor Falsafah, USM, 1997).

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian di Brunei Darussalam ini, tidak terdapat kajian yang menyentuh secara mendalam tentang pendekatan dakwah kepada *non-Muslim*, cabaran-cabaran dan permasalahan yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Isamiah khususnya kepada unit Bahagian Penyebaran Dakwah Negara Brunei Darussalam. Akan tetapi, kajian mendapati terdapat beberapa buah buku yang membincangkan tentang dakwah kepada *non-Muslim* yang boleh dijadikan rujukan pengkaji ketika menjalankan kajian. Walaupun begitu terdapat beberapa kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji berkaitan dengan pendekatan dakwah, cabaran dan masalah dakwah Islam dalam konteks Negara Malaysia yang dapat dijadikan rujukan pengkaji ketika menjalankan kajian di Negara Brunei Darussalam.

Antaranya ialah artikel Mohd Faridh Hafez Mhd Omar, Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy (2016)¹⁸ kertas kerja ini telah memperlihatkan perjalanan tugas dakwah dua organisasi iaitu PERKIM dan MACMA. Kejayaan mengekalkan dua organisasi dakwah ini sehingga kini terhasil daripada tiga faktor utama iaitu kepimpinan yang berkesan, komitmen yang berterusan dan keupayaan memahami budaya masyarakat Cina itu sendiri. Selain itu juga kertas kerja ini telah menjelaskan cabaran dalam meningkatkan kefahaman masyarakat bahawa memeluk Islam bukan bererti meninggalkan budaya bangsa selama mana ia tidak bertentangan dengan akidah.

Artikel yang lain iaitu artikel Erny Izatun Salwa Kamaruddin, Muhammed Yusof (2016)¹⁹ kertas kerja ini telah memperlihatkan perkembangan dan kemajuan masyarakat

¹⁸ Mohd Faridh Hafez Mhd Omar, Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, "Sumbangan Organisasi Cina-Muslim Dalam Keharmonian Beragama di Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan dan cabaran PERKIM dan MACMA", (International Da'wah Conference on Minority Group 2016 (10 November 2016: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)).

¹⁹ Erny Izatun Salwa Bt Kamaruddin, Muhammed Yusof, "Pendekatan Dakwah Kepada Pelancong Bukan Islam di Masjid-Masjid Sekitar Lembah Klang", (International Da'wah Conference on Minority Group 2016 (10 November 2016: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)).

Islam di negara yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Ini membuatkan masyarakat luar tertarik untuk datang ke Malaysia. Apabila melihat masjid menjadi tempat tumpuan dan mendapat sambutan dari setiap pelancong luar negara JAKIM tertarik untuk menyebarkan dakwah melalui institusi masjid. Inilah peluang yang harus dimanfaatkan oleh para pendakwah. Selain itu juga kertas kerja ini cuba untuk menjelaskan konsep dan pendekatan dakwah yang digunapakai oleh para pendakwah kepada pelancong bukan Islam di masjid sekitar lembah klang.

Manakala kertas kerja Abd Aziz bin Mohd Zin (2016)²⁰ kertas kerja ini telah memperlihatkan pendekatan dan strategi yang bertujuan untuk mempengaruhi pelbagai golongan supaya dapat memahami, menerima dan menghayati agama Islam ini. Artikel ini cuba untuk menjelaskan kepada pendakwah akan pendekatan dan strategi yang sesuai dalam dakwah bagi masyarakat minoriti hari ini kian tersebar luas dan ia perlu kepada kekuatan penyebaran dakwah agar mampu untuk menarik dan mempengaruhi sasaran dakwah.

Artikel Mariam Abd Majid, Marlon Pontino Guleng (2016)²¹ telah memperlihatkan pelbagai pendekatan dan medium yang boleh digunakan dalam pelaksanaan dakwah, namun kesesuaian pemilihan pendekatan dan medium perlu dititikberatkan agar usaha dakwah dapat dilaksanakan dengan baik dan berjaya.

²⁰ Prof. Dr. Abd Aziz bin Mohd Zin, "Dakwah dan Golongan Minoriti: Pendekatan dan Strategi", (International Da'wah Conference on Minority Group 2016 (10 November 2016: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)).

²¹ Mariam Abd Majid, Marlon Pontino Guleng, "Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia", *Jurnal Hadhari* 8 (2016).

Artikel Abdul Ghafar Don, Hailan Hj Salamon (2009)²² telah memperlihatkan konsep dan tuntutan dakwah dalam kalangan pendakwah. Selain itu juga artikel ini cuba untuk menjelaskan kepada pendakwah agar dapat menguasai pendekatan dakwah dengan betul dan memahami bahawa dalam melakukan tugas dakwah pelbagai cabaran dan halangan akan dihadapi.

Manakala kertas kerja JAKIM (2011)²³ cuba untuk memperlihatkan konsep dakwah kepada *non-Muslim* secara menyeluruh, serta turut memfokuskan kepada peranan pendakwah dalam melakukan tugas dakwah.

Adapun begitu terdapat juga beberapa kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji berkaitan dengan pendekatan dakwah, cabaran dan masalah dakwah Islam dalam konteks Negara Indonesia yang dapat dijadikan rujukan pengkaji ketika menjalankan kajian di Negara Brunei Darussalam. Antaranya ialah artikel Abdi Syahrial Harahap²⁴ menyentuh mengenai kewujudan Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) sebagai salah satu organisasi dakwah. Kajian ini juga ada menyebutkan tentang pendekatan dakwah yang digunakan dalam berdakwah kepada *non-Muslim*. Perbincangan kajian ini lebih memfokuskan kepada permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) dalam melaksanakan tugas dakwah.

Kesimpulannya, setelah membaca dan meneliti terhadap kajian-kajian lepas tentang Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam, aspek dari segi pendekatan dakwah serta masalah dalam perlaksanaan pendekatan dakwah belum disentuh oleh pengkaji tempatan. Ada pun kajian mengenai pendekatan dakwah, masalah dan cabaran berdakwah

²² Abdul Ghafar Don, Hailan Hj Salamon, "Dakwah kepada *Non-Muslim* di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran", *Jurnal Al-Hikmah* 1 (2009).

²³ Jabatan Kemajuan Islam, "Dakwah Kepada *Non-Muslim* Di Malaysia: Peranan Pendidik Muslim" (Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Islam 2011 (23-24 Februari 2011: Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

²⁴ Abdi Syahrial Harahap, "Pelaksanaan Dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Medan Sumatera Utara: Kajian Tentang Masalah Dan Cabaran", (Tesis Doktor Falsafah, UM, 2015).

di Malaysia dan Indonesia sudah lama dan banyak dikaji. Kajian-kajian yang sudah dibuat ini dijadikan sebagai rujukan utama dan panduan pengkaji ketika menjalankan kajian.

Justeru kajian ini merupakan sebagai langkah permulaan dalam pengkajian yang khusus terhadap pendekatan dakwah serta masalah dalam pelaksanaan pendekatan dakwah yang dihadapi oleh bahagian Penyebaran Dakwah Pusat Da'wah Islamiah di Negara Brunei Darussalam.

1.8 Metodologi Kajian

Penyelidikan yang sempurna dan berkualiti tertakluk pada pengumpulan data dan kaedah penyelidikan.²⁵ Oleh yang demikian, untuk menjalankan kajian ini agar objektif yang ingin dicapai berhasil, pengkaji menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan.

1.8.1 (a) Kaedah Penyelidikan Perpustakaan

Berpandukan kaedah penyelidikan perpustakaan ini, pengkaji mengumpulkan segala bahan-bahan yang ada kaitan dengan kajian yang dibuat. Bahan-bahan ini termasuklah Buku, Jurnal, Dokumentasi, Tesis dan Laporan Penyelidikan.

1.8.1 (b) Kaedah Penyelidikan Lapangan

Penyelidikan lapangan merupakan kaedah yang menjadi tumpuan pengkaji semasa membuat kajian. Dalam kaedah ini pengkaji mengaplikasikan metode temubual. Soalan temubual adalah berbentuk semi berstruktur.

²⁵ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Kuala Lumpur: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 67.

Oleh itu, pengkaji mengadakan sesi temubual bersama pegawai yang bertanggungjawab dalam Unit Penyebaran Dakwah Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam. Manakala soalan-soalan yang digunakan adalah mengikut kesesuaian objektif kajian yang telah pengkaji tetapkan. Data daripada temubual telah ditranskripsikan dan kemudian, semua data tersebut akan dikodkan dan dianalisis secara tematik untuk menentukan idea yang berbeza dan berulang dengan menggunakan Model Interaksi Miles dan Huberman.²⁶

Dalam membuat soalan temubual, pengkaji telah membahagikan kepada beberapa bahagian iaitu A, B dan C. Bahagian A adalah soalan yang berkaitan dengan demografi responden iaitu jantina, umur, jabatan/unit dan jawatan yang dipegang.

Pada bahagian B pula, soalan kaji selidik yang berkaitan dengan permasalahan yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam dalam berdakwah kepada *non-muslim* dengan mengajukan 4 soalan yang berkaitan dengan pendakwah, sasaran dakwah, mesej dakwah dan juga metodologi dakwah.

Adapun di Bahagian C, pengkaji membuat sesi temubual dengan mengemukakan 6 soalan kepada pegawai yang bertanggungjawab dalam Unit Penyebaran Dakwah Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam mengenai pengalaman mereka dalam menjalankan tugas dakwah. Pendapat dan cadangan pembaikan dari mereka turut disoal pada bahagian ini.

Bagi memudahkan pengkaji menjalankan kajian yang dibuat dengan lancar, pengkaji terlebih dahulu memaklumkan dan meminta kebenaran dari Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam. Perkara ini amat penting bagi melicinkan

²⁶ Miles, M.B., & Huberman, A.M. 1994. *Qualitative data analysis*. Second Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.

perjumpaan pengkaji untuk sesi temubual dengan pegawai yang terlibat kerana ia melibatkan jumlah masa dan tenaga kerana kebanyakannya mereka bertugas di luar pejabat.

Proses pengumpulan data dan kaji selidik serta sesi temubual telah berjalan selama 7 bulan iaitu pada November 2016 hingga Julai 2017 melibatkan 10 orang pegawai.

1.8.2 Analisis Data

Analisis bermaksud aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah. Data pula ialah bahan mentah yang tidak memberi sebarang maklumat yang berguna tentang sesuatu masalah kajian kecuali setelah dianalisis. Oleh yang demikian, penganalisan data melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan.²⁷

Ada pun dalam proses analisis data kajian yang diperolehi dibentang secara deskriptif dengan menghuraikan masalah pendekatan dakwah kepada *non-Muslim* yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam. Data daripada temubual telah ditranskripsikan dan kemudian, semua data tersebut dikodkan dan dianalisis secara tematik untuk menentukan idea yang berbeza dan berulang dengan menggunakan Model Interaksi Miles dan Huberman.²⁸

²⁷ Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, 309.

²⁸ Miles, M.B., & Huberman, A.M. 1994. *Qualitative data analysis*. Second Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.

BAB 2: PENDEKATAN DAKWAH KEPADA *NON-MUSLIM*

2.1 Pendahuluan

Kajian ini menghuraikan mengenai dakwah Islam secara umum. Ini merangkumi definisi dakwah dan hukum dakwah secara menyeluruh. Kepentingan dakwah Islam kepada *non-Muslim* juga ada dihuraikan satu persatu. Dalam bab ini juga kajian membincangkan mengenai pendekatan dakwah Islam kepada *non-Muslim*. Tidak ketinggalan perbincangan tentang masalah dakwah Islam secara umum.

2.2 Dakwah Islam secara Umum

Allah telah menciptakan semua makhluknya tidak lepas dari berhajat kepada sesuatu. Manusia memerlukan sesuatu untuk memenuhi keperluan hidup. Fitrahnya manusia adalah lemah.²⁹ Seperti firman Allah Ta'ala:

وَحُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا ﴿28﴾

Surah An-Nisaa` 4: 28

Terjemahan: Manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.

Berdasarkan ayat ini Allah telah menyifatkan manusia sebagai makhluk yang lemah dan memerlukan sesuatu untuk menghadapi kelemahan ini. Justeru, Allah telah menurunkan agama Islam sebagai panduan. Islam adalah satu agama yang *syumul*³⁰ merangkumi di dalamnya *din wa al-daulah*³¹. Sifatnya telah membuktikan kewujudannya sejak dari Adam dicipta sehingga ke hari ini. Islam membawa erti keamanan,

²⁹ دعوة للرسول لى الله تعالى غلبت ها وتاخرها، محمد رحب للذي يوى

³⁰ *Syumul* bermaksud menyeluruh

³¹ *Din wa al-daulah* bermaksud agama dan negara.

kesejahteraan dan keselamatan ukhrawi dan duniawi. Syariat Islam sewajarnya diguna pakai dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu Allah SAW telah menurunkan kitab-Nya yang suci agar dapat menjadi panduan dan petunjuk kepada manusia sejagat seperti dalam firman Allah Ta'ala:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Al-Baqarah 2: 2

Terjemahan: Kitab Al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa.

Ayat di atas menjelaskan bahawa Al-Quran adalah panduan yang lengkap untuk kehidupan manusia sepanjang masa. Tidak ada keraguan pada Al-Quran kerana ia merupakan petunjuk dari Allah. Panduan dan petunjuk agama Islam yang terdapat di dalam kitab-Nya tidak akan tersebar luas jika tidak disampaikan kepada sekalian manusia. Oleh yang demikian, tugas menyampaikan dan menyebarkan panduan itu ditugas khas oleh Allah kepada rasul-rasul-Nya³² agar dapat menuju ke arah kesejahteraan hidup di dunia mahupun akhirat disamping mencapai keredhaan Allah SWT. Dakwah merupakan satu pekerjaan yang mulia dan tinggi di sisi Allah SWT. Ia merupakan salah satu sifat orang mukmin sejati yang benar-benar mahu menegakkan agama Islam di muka bumi ini. Mukmin yang sejati tidak akan wujud kecuali dengan melaksanakan dakwah di jalan Allah SWT. Oleh yang demikian, Allah SWT mensifatkan orang yang beriman sebagai

³² Abd Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1992), 43.

umat yang terbaik kerana mengerjakan kebaikan dan menjauhi kejahatan seperti di dalam firmanNya:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ

الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿110﴾

Surah Ali-Imran 3:110

Terjemahan: Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman. Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman sebagaimana yang semestinya, tentulah iman itu menjadi baik bagi mereka. Tetapi di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik.

Allah telah menggambarkan dalam ayat ini tentang akhlak umat Islam yang terbaik iaitu mengajak orang untuk berbuat kebaikan dan kebajikan serta melarang untuk membuat sebarang perkara yang tidak elok. Di samping itu, perkara utama yang wujud dalam keperibadian umat ialah beriman kepada Allah. Justeru, kepentingan dakwah *Amar Ma'ruf Nahi Mungkar* atau dakwah di jalan Allah haruslah ada pada diri setiap umat Islam untuk menjadi mukmin yang sejati. Secara umum dakwah bukanlah sekadar mengajak manusia kepada agama Allah tetapi ia haruslah diiringi dengan uslub dan tatacara yang baik agar dapat mempengaruhi orang yang diseru.³³

³³ Abd Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 76.

2.2.1 Definisi Dakwah

Dari segi bahasa perkataan dakwah diambil dari bahasa Arab yang bermaksud seruan atau ajakan untuk cenderung kepada sesuatu.³⁴ Dalam Kamus Dewan pula dakwah membawa erti menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.³⁵

Manakala dari segi penggunaan istilah pula, para ilmuan Islam berbeza pendapat dalam mendefinisikan pengertian dakwah itu. Kepelbagaian ini berlaku disebabkan tumpuan pendekatan yang dilihat dalam membuat istilah di samping keluasan Islam yang boleh dilihat dari pelbagai sudut. Menurut Dr. Yusuf al-Qardawi, dakwah kepada Allah bermakna berusaha mengajak orang lain kepada agama Allah, mengikut petunjuk-Nya, melaksanakan manhaj yang ditetapkan-Nya di muka bumi, mengesakan-Nya di dalam ibadat, memohon pertolongan serta kepatuhan, menyucikan diri dari semua thagut yang ditaati selain Allah, memberi hak kepada orang yang telah ditetapkan haknya oleh Allah, menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta berjihad di jalan Allah.³⁶

Syeikh Muhammad Ghazali pernah menyebutkan makna dakwah sebagai satu program lengkap yang terkandung di dalamnya semua pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi membolehkan mereka melihat matlamat dari kehidupan mereka, dan juga supaya mereka boleh menemukan tanda-tanda perjalanan yang lurus.³⁷

Dr. Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni pula menghuraikan dakwah bererti tuntutan dan galakan ke atas sesuatu, dan dorongan untuk melakukan.³⁸

³⁴ Ibn Faris al-Qazwini, *Mu`jam Maqayis al-Lughah*, (Mesir: Maktabah Mustafa, t.t), 2: 279.

³⁵ Kamus Dewan ed. ke-4, (cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa, 2013), 305.

³⁶ Yusuf al-Qardawi, *Thaqafatul al-Da`iyyah*, (cet. ke-2, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1978), 5.

³⁷ Muhammad Ghazali, *Ma`a Allah Dirasat Fi al-Da`wah wa al-Du`at*, (Dimasq: Dar al-Qalam, 1989), 14.

³⁸ Mohammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila Ilmi ad-Dakwah*, (cet. Ke-4, 2010), 16.

Abd Aziz Mohd Zin pula menjelaskan erti dakwah ialah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredhaan Allah.³⁹

Di samping itu juga, sebahagian para ilmuan mendefinisikan dakwah sebagai satu agama yang dipenuhi di dalamnya peraturan-peraturan kehidupan manusia sama ada rohani dan jasmani mahupun dunia dan akhirat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada utusannya Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada sekalian umat manusia.⁴⁰

Dakwah merupakan satu seruan yang terancang, yang teratur dan rapi serta mempunyai strategi yang tersendiri. Ia haruslah mengandungi pengajaran ilmu-ilmu yang boleh memberi manfaat dan kegunaan serta kesempurnaan hidup seorang hamba manusia.⁴¹

Kesimpulan dari segi pengertian istilah dakwah merupakan suatu usaha penyebaran dan pengembangan Islam kepada seluruh manusia sama ada dakwah kepada masyarakat *Muslim* mahupun *non-Muslim*.⁴²

Perbezaan definisi Dakwah ini pada hakikatnya adalah sama iaitu ajakan untuk melaksanakan agama Allah SWT yang diturunkan kepada umat manusia dengan pengutusan Nabi Muhammad SAW yang mencakupi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Adapun kepelbagaian pengertian ini boleh dijadikan satu alternatif bagi seorang

³⁹ Abd Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1992), 2.

⁴⁰ Mohd Rosmizi Abd Rahman *et al.*, *Agama-Agama Di Dunia*, (cet. Ke-2, Negeri Sembilan: Universiti Sain Islam Malaysia, 2012), 13.

⁴¹ Fathi Yakan, *Bagaimana Menyeru Kepada Islam*, terj. Ibnu Qasim dan Abu M. Baqir, (Dewan Pustaka Fajar, sept 1987), 5.

⁴² Abdullah Muhammad Zin, "Dakwah Kepada Masyarakat Non-Muslim di Malaysia: Konsep Dan Metod (Seminar Dakwah dan Kepimpinan, Peringkat Kebangsaan ke-2, Bangi, 2-3 oktober 1993), 5.

pendakwah untuk menerangkan pengertian Islam bersesuaian dengan keadaan orang yang didakwah mengikut tahap kefahaman mereka.⁴³

2.2.2 Hukum Dakwah

Dakwah merupakan satu ibadah dalam Islam, tugas mengajak umat seharusnya dilaksanakan oleh umat Islam dengan bersungguh-sungguh, mengerah tenaga serta waktu dan pemikiran kita⁴⁴ baik secara individu mahupun berkumpulan (organisasi). Seperti firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ ﴿104﴾

Surah Ali-Imran 3: 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu (umat Islam) satu golongan yang mengajak (manusia) kepada kebajikan dan menyuruh (mereka berbuat) kebaikan dan melarang (mereka) dari berbuat kejahatan. Dan mereka itu adalah orang yang berjaya.

Di dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan umat Islam untuk membawa manusia ke jalan yang benar dan mencegah mereka dari tersasar ke jalan yang salah. Kewajipan dakwah ke atas umat Islam ini telah disepakati oleh ulama. Namun tahap kewajipan ini masih menjadi persoalan apakah ianya wajib fardu `ain atau wajib fardu kifayah.

a) Fardu `Ain

⁴³ Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Da`wah*, (Beirut: Mu`asisah al-Risalah Nasyirun, 2012), 17.

⁴⁴ Fathi Yakan, *Bagaimana Menyuru Kepada Islam*, terj. Ibnu Qasim dan Abu M. Baqir, (Dewan Pustaka Fajar, sept 1987), 5.

Wajib ke atas orang Islam melaksanakan tugas dakwah mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing seperti mengingati solat. Setiap orang Islam mengetahui tentang kewajipan solat justeru sesiapa yang melihat orang yang lalai atau meninggalkan solat maka wajib ke atasnya menegur atau mengajak orang tersebut untuk menunaikan solat.

b) Fardu Kifayah

Hukum wajib fardu kifayah berlaku jika seseorang itu mempunyai kepakaran dalam bidang yang tertentu. Kewajipan ini sering dikaitkan dengan para ulama yang mahir dan mempunyai pengetahuan agama yang mendalam. Maka hukum fardu kifayah terletak pada orang yang benar-benar mempunyai ilmu Islam yang luas dan mendalam.⁴⁵

Sebahagian para ilmuan berbeza pendapat dalam menghukumkan tugas dakwah itu seperti berikut⁴⁶:

I. **Golongan Pertama** bersepakat menghukumkan dakwah sebagai fardu kifayah ke atas umat Islam berdasarkan dalil ayat Al-Quran berikut:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ ﴿104﴾

Surah Ali-Imran 3: 104

⁴⁵ Abdullah Muhammad Zin, "Dakwah Kepada Masyarakat Non-Muslim di Malaysia: Konsep Dan Metod (Seminar Dakwah dan Kepimpinan, Peringkat Kebangsaan ke-2, Bangi, 2-3 oktober 1993), 6.

⁴⁶ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 352-356.

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu (umat Islam) satu golongan yang mengajak (manusia) kepada kebajikan dan menyuruh (mereka berbuat) kebaikan dan melarang (mereka) dari berbuat kejahatan. Dan mereka itu adalah orang yang berjaya.

Kalimah (مِّنكُمْ) bererti sebahagian. Perintah ayat tersebut menunjukkan bahawa makna sebahagian itu ditujukan kepada sebahagian daripada orang Islam sahaja. Mengajak kepada melakukan kebaikan dan memberi nasihat dan petunjuk ke arah kebajikan, menyuruh mereka berbuat kebaikan dan melarang mereka dari berbuat kejahatan maka yang demikian itu adalah perbuatan yang sangat terpuji membawa kepada kejayaan.⁴⁷

II. **Golongan Kedua** bersepakat memberi hukuman dakwah sebagai fardu `ain ke atas seluruh umat Islam berdasarkan dalil ayat Al-Quran di bawah ini:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ آمَنَ أَهْلُ

الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿110﴾

Surah Ali-Imran 3: 110

Terjemahan: Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman. Dan kalaulah

⁴⁷ Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, 24.

Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman sebagaimana yang semestinya, tentulah iman itu menjadi baik bagi mereka. Tetapi di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang yang fasik.

Ayat ini menjelaskan mengenai dua perkara; pertama tentang umat Nabi Muhammad SAW yang merupakan sebaik-baik umat dan kedua, tentang tugas umat ini, iaitu menyuruh melaksanakan kebaikan dan mencegah melakukan kemungkaran.⁴⁸ Ayat ini menunjukkan satu perintah ke atas setiap umat Islam untuk melaksanakan dakwah kepada Allah dan hal ini dijelaskan lagi atas hujah berikut:

1. Lafaz (كتم) bererti keseluruhan. Ini menunjukkan bahawa makna keseluruhan itu ditujukan kepada seluruh umat Islam.
2. Lafaz (خير) yang bermaksud sebaik-baik umat jelas disebut dengan disertakan ayat perintah melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran bukan dengan ayat perintah menyuruh melaksanakan yang lainnya. Jelas bahawa perintah tersebut merupakan perkara penting dan wajib dilaksanakan oleh seluruh umat Islam.⁴⁹

III. **Golongan Ketiga** berpendapat bahawa tugas melaksanakan dakwah akan menjadi wajib pada perkara yang diperintahkan untuk melakukan sesuatu yang wajib dan perintah larangan ke atas sesuatu yang haram. Manakala dakwah akan menjadi *sunat* pada perkara yang harus dan larangan ke atas sesuatu yang dikeji.⁵⁰

Setelah diteliti ketiga-tiga pendapat golongan di atas tadi hukum wajib fardu `ain dalam melaksanakan tugas dakwah haruslah dilaksanakan mengikut kemampuan masing-

⁴⁸ Abd Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1992), 22.

⁴⁹ Hasan Abd. Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, (cet. Ke-1, Kaherah: Jamiah Al-Azhar, 1987), 25-26.

⁵⁰ Hasan Abd. Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, 26-27.

masing dan bukan tanpa adanya pengetahuan tentang agama Islam. Seperti contoh mengerjakan solat fardu lima waktu; setiap orang Islam mengetahui akan wajibnya menunaikan solat. Justeru, sesiapa yang melihat orang yang lalai atau tidak mengerjakan solat maka hukum wajib fardu `ain ke atasnya menegur atau mengajak orang tersebut untuk menunaikan solat.

Adapun mengenai perkara yang tidak memiliki ilmu pengetahuan padanya seperti menjelaskan Islam secara mendalam atau hukum-hukum yang berhubung kait dengan apa yang terdapat di dalam kitab Allah dan Sunnah Rasulullah SAW para pendakwah haruslah mempunyai kefahaman yang mendalam dan baik tentang agama Islam. Ini sangat penting lebih-lebih lagi dalam hal berdakwah kepada *non-Muslim* khususnya agar misi dakwah itu dapat dicapai sepenuhnya. Oleh yang demikian memadailah hukum wajib fardu kifayah dalam melaksanakan tugas dakwah itu.

Di sini tugas dakwah dipikul oleh para ulama ataupun ustaz dan ustazah yang lebih arif dan mempunyai ilmu pengetahuan di dalam sesuatu bidang yang mereka ketahui kerana para pendakwah yang jahil boleh mengadakan kebohongan terhadap Allah Ta`ala, maka ini boleh mendatangkan kemudaratan kepada dirinya juga kepada orang lain. Oleh itu Allah telah melarang berbuat sedemikian seperti terdapat dalam firmanNya:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ

ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿125﴾

Surah An-Nahl 16:125

Terjemahan: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan pelajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia jua yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat petunjuk.

Dalam ayat ini, Allah telah mengajarkan kepada Nabi Muhammad SAW mengenai metode dakwah iaitu dengan menggunakan kebijaksanaan dan peringatan. Jika orang yang didakwah menentang, maka berbahaslah dengan mereka dengan cara yang baik agar mereka dapat menerima ajaran Islam. Secara kesimpulannya tugas dakwah adalah wajib syarie, ianya bertanggungjawab terhadap mempraktikkan dan mempertahankan Islam. Apa pun status kewajipan berdakwah, seorang mukmin hendaklah melakukannya, kerana jika ianya fardu `ain dan kita tidak melakukannya kita akan berdosa, jika kita melakukannya kita telah melangsaikan kewajipan. Dan kalau ianya fardu kifayah dan kita melakukannya kita akan mendapat pahala.

2.3 Kepentingan Dakwah Islam Kepada *Non-Muslim*

Diciptakan manusia berkeadaan dhaif dan lemah, kelemahan manusia dapat dilihat dari segi zahir mahupun batin. Zahirnya jasad manusia mudah rosak jika bersentuh dengan benda keras atau tajam. Manusia juga lemah dalam melawan hawa nafsu. Ia lebih suka melayani hawa nafsu dari akal. Manusia suka melakukan perkara-perkara yang tidak baik atau yang dilarang oleh Allah S.W.T.⁵¹

⁵¹ Syed Othman Al-Habshi, "Peranan Dakwah Membasmi Kemiskinan dan Kejahilan", (Kertas Kerja Kongres Dakwah Islamiah SeMalaysia, UUM, YADIM, 10-12 Ogos 1990), 7.

Justeru, manusia perlu kepada saling nasihat menasihati antara satu sama lain. Manusia mudah leka dan lalai sehingga kadangkala boleh membawa kepada jurang kemaksiatan. Maka bimbingan atau dalam erti kata lain perlunya dakwah kepada manusia setiap masa.⁵² Lebih-lebih lagi kepada golongan *non-Muslim* yang jiwa mereka lebih rapuh dan naif akan ajaran Islam. Dakwah kepada golongan *non-Muslim* mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Adapun kepentingan melaksanakan dakwah kepada *non-Muslim* adalah bertujuan:⁵³

2.3.1 Untuk membetulkan akidah dan menikmati keimanan yang sebenar.

Kehidupan di dunia ini adalah bersifat sementara manakala kehidupan akhirat adalah berupa kehidupan yang hakiki. Oleh yang demikian segala perbuatan yang dibuat oleh setiap manusia akan dihisab di akhirat kelak. Justeru, pegangan agama setiap individu merupakan satu faktor utama untuk menentukan kejayaan hidup.

Rasulullah SAW mengarahkan supaya akidah dibina atas hujah yang kukuh dan dalil yang dapat diterima oleh akal tanpa hanya berpegang pada warisan atau taklid kepada nenek moyang terdahulu.⁵⁴ Maka, tuntutan ilmu menjadi pegangan utama untuk membolehkan manusia membuat perbezaan antara yang benar dan salah. Dan menyampaikan ilmu itu adalah wajib. Ilmu dan dakwah merupakan satu yang berkaitan, tanpa ilmu dakwah tidak dapat dilakukan dan tanpa dakwah ilmu tidak dapat disampaikan. Di sini dapat dilihat bahawa dengan menyampaikan dakwah kepada *non-*

⁵² Norsaida binti Shari, *Dakwah PERKIM Kepada Non-Muslim: Satu Kajian Di Pulau Pinang*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1992), 38.

⁵³ Wahbah Al-Zuhaili, *Kewajipan Memahami Bukan Islam Tentang Islam*, terj. Dr. Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari, (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2004), 67.

⁵⁴ Wahbah Al-Zuhaili, *Kewajipan Memahami Bukan Islam Tentang Islam*, 46.

Muslim khususnya dapat menyalurkan informasi-informasi tentang agama Islam sebenar sekaligus membawa manusia ke jalan yang diredhai oleh Allah SWT.

2.3.2 Untuk menolak syubhah.

Sejak zaman Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam, baginda sering kali ditentang oleh musuh-musuh Islam, Hal ini berlarutan sehingga ke hari ini tidak kira serangan musuh secara terang-terangan atau secara sembunyi. Bahkan terdapat juga di antara mereka yang memutarbelitkan agama Islam sehingga mengelirukan penganut-penganut agama lain yang berkeinginan untuk memasuki agama Islam. Oleh yang demikian, seruan dakwah harus dilaksanakan untuk menguatkan kefahaman *non-Muslim* tentang ajaran-ajaran Islam. Memberikan kefahaman kepada non-Muslim merupakan pekerjaan utama para rasul utusan.

Setiap rasul adalah nabi dan tidak semua nabi adalah rasul. Allah SWT telah memuliakan para rasul-rasulNya dengan memberikan sifat utama ini. Allah SWT telah memerintahkan Rasulullah SAW menyatakan kepada umatnya seperti yang terdapat pada surah Al-Imran ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Surah Ali-Imran 3:31

Terjemahan: Katakanlah: "Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Ayat ini menjelaskan bahawa orang yang benar-benar yakin dengan agama Islam hendaklah ikut apa yang diajak oleh Nabi Muhammad SAW dan menghindari dari apa

yang dilarang. Jika berbuat demikian, maka akan mendapat rahmat dan pengampunan dosa dari Allah SWT. Oleh kerana itu, sejak dari awal lagi para sahabat mengikuti baginda SAW dan membantu dalam menjalankan tugas dakwah Islam. Dalam hal ini dapat dilihat bahawa jalan dakwah merupakan jalan Rasulullah SAW dan jalan orang yang mengikuti baginda. Adalah mustahak bagi umat Islam untuk meneruskan jalan Rasulullah SAW ini.

2.3.3 Untuk memastikan keutuhan ummah.

Keutuhan ummah menjadi faktor utama dalam menjadikan sesebuah negara yang aman dan damai. Keamanan tidak akan dapat dicapai kecuali dengan tolong-menolong dalam hal kebaikan, tegur-menegur dalam permasalahan, berpegang kepada kebenaran dan bantu-membantu di antara satu sama lain. Hal ini seperti di dalam firmanNya:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ﴿٢﴾

Surah Al-Maidah 5:2

Terjemahan: Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.

Ayat tersebut menjelaskan tentang saranan untuk tolong-menolong antara satu dengan yang lain dalam membuat kebajikan untuk kepentingan umat. Dalam hal yang sama, dilarang sama sekali untuk tolong-menolong dalam membuat perkara yang menjerumus kepada kerosakan. Maka dari itu, dakwah kepada *non-Muslim* sangat perlu untuk merealisasikan keamanan yang ingin dicapai sekaligus boleh menjadikan sesebuah negara baldatun toyyibah.

2.4 Pendekatan Dakwah Islam Kepada *Non-Muslim*

Jika dilihat dari sudut dakwah, kegiatan berdakwah ditujukan kepada dua golongan sama ada kepada golongan umat Islam sendiri atau kepada golongan *non-Muslim*. Ada pun dakwah kepada golongan umat Islam adalah bertujuan untuk menguatkan pegangan dan keimanan mereka. Ia juga boleh diistilahkan sebagai *islah* iaitu memperbaiki seseorang *Muslim* jika ia melakukan sebarang kesalahan dari sudut akidah, akhlak, pergaulan dan sebagainya. Manakala dakwah kepada golongan *non-Muslim* bertujuan untuk membawa mereka kepada agama fitrah iaitu agama Islam dan kemudian menyeru mereka kepada penghayatan ajaran-ajaran Islam dalam segala urusan hidup dan seterusnya menerima Islam sebagai pegangan mereka.⁵⁵

Dakwah kepada *non-Muslim* seharusnya tidak diambil ringan, lebih dari itu ia hendaklah menjadi salah satu keutamaan dan diambil berat oleh para pendakwah untuk melaksanakan tugas mereka walaupun banyak kesukaran dan cabaran yang bakal dihadapi oleh para pendakwah mahupun badan gerakan dakwah Islam. Golongan non-Muslim berhak mendapatkan nikmat Islam seperti hak kejiranan dan hak untuk mendengar dan memahami ajaran Islam. Allah telah berfirman di dalam kitabNya berkaitan dengan perkara ini:

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلَامَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا

يَعْلَمُونَ ﴿6﴾

Surah Al-Taubah 9: 6

⁵⁵ Abd Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1992), 6.

Terjemahan: Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarliah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).

Jelas ayat di atas ini menunjukkan bahawa kenikmatan yang ada pada Islam itu hendaklah disampaikan dan dijelaskan kepada *non-Muslim* khususnya di muka bumi ini agar mereka memahami hakikat sebenar Islam itu. Justeru, untuk mencapai matlamat dakwah satu strategi dakwah yang sesuai hendaklah direncanakan agar keberkesanan dakwah itu dapat dicapai.

Dari zaman para Nabi AS sehinggalah ke hari ini Allah SWT telah mengajar hamba-Nya satu *manhaj*. *Manhaj* itu lebih dikenali dengan ‘*manhaj rabbani*’. Ini jelas dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam surah An-Nahl:-

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ

ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿125﴾

Surah An-Nahl 16: 125

Terjemahan: Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan pelajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih

mengetahui orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk.

Jelas dari ayat ini dapat difahami bahawa cara berdakwah yang harus dilakukan oleh setiap pendakwah ialah sepertimana yang diajarkan oleh Allah SWT iaitu dengan cara berikut:

a) Hikmah

Hikmah mempunyai pengertian yang sangat luas dan sukar untuk menentukan makna hikmah secara teori. Namun secara mudah untuk difahami hikmah bererti bijaksana manakala bijaksana bererti sesuatu yang sesuai. Kadangkala sesuatu itu sesuai bagi seseorang tetapi tidak bagi orang lain. Begitu juga kesesuaian sesuatu itu terjadi pada satu masa tetapi tidak pada masa lain. Oleh itu, hikmah berkait rapat dengan keadaan dan sasaran untuk menentukan ia bersesuaian.⁵⁶

Dengan berpandukan metode hikmah ini, pendakwah haruslah mempunyai kebijaksanaan berdakwah bersesuaian dengan keadaan mereka agar apa yang disampaikan tidak menjadi kejutan kepada mereka dan boleh diterima dengan baik.⁵⁷ Contohnya, manusia diciptakan dengan memiliki tahap pemikiran akal dan pemahaman yang berbeza. Golongan *non-Muslim* dengan golongan Islam mempunyai perbezaan dari segi kefahaman agama Islam. Sehubungan dengan itu, penjelasan mengenai Islam haruslah bersesuaian dengan pemikiran golongan *non-Muslim* sehingga tidak menyukarkan bagi mereka untuk memahami Islam.

⁵⁶ Abd Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah*, 8.

⁵⁷ Mohd Sabri Ismail, *Konsep Dakwah dan Strategi Perlaksanaan Menurut Surah An-Nahl: 125*, (Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn, 2004),12.

b) Nasihat yang baik

Nasihat yang baik ialah kata-kata yang disampaikan menarik orang ramai untuk meninggalkan keburukan dan seterusnya mewujudkan rasa keinginan untuk melakukan kebaikan.⁵⁸ Nasihat yang baik diiringi dengan berlemah lembut dapat memberikan petunjuk kepada hati yang sesat dan meresap ke dalam jiwa serta menghasilkan natijah dakwah yang lebih baik.⁵⁹ Firman Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ

وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿159﴾

Surah Ali-Imran 3: 159

Terjemahan: Maka dengan rahmat Allah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras dan berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari kamu. Kerana itu maafkanlah mereka dan mohonlah ampun bagi mereka serta bermesyuaratlah dengan mereka dalam berurusan. Kemudian apabila kamu bersepakat maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakal kepada-Nya.

Jelas disebutkan di dalam ayat ini, para pendakwah haruslah memberi pemahaman dan gambaran yang betul mengenai Islam dengan cara yang baik dan lemah lembut.

⁵⁸ Abdullah Muhammad Zin, "Dakwah Kepada Masyarakat Non-Muslim di Malaysia: Konsep Dan Metod (Seminar Dakwah dan Kepimpinan, Peringkat Kebangsaan ke-2, Bangi, 2-3 oktober 1993), 13.

⁵⁹ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, "Metodologi dakwah Kepada Non-Muslim Menurut Perspektif al-Quran", (Seminar Warisan al-Quran, Peringkat Kebangsaan, Pulau Pinang, 24-25 Okt. 2001), 3.

Tuturcara yang kasar haruslah di jauhi kerana dengan tutur kata yang baik dapat menghilangkan permusuhan.

c) Perdebatan yang baik

Metode perdebatan (*mujadalah*) dalam berdakwah adalah satu metode berbentuk perbincangan yang bertujuan untuk mencari kebenaran. Dengan cara ini dapat memberikan ruang kepada *non-Muslim* untuk berfikir tentang kebenaran yang dibawa oleh agama Islam berasaskan dalil-dalil yang kukuh.⁶⁰

Metode perdebatan ini haruslah diaplikasikan dengan adab-adab yang lurus iaitu dengan cara yang baik, lemah lembut dan menggunakan hujah yang rasional dan bukanlah dengan kekasaran mahupun kemarahan. Perkara-perkara yang menjadi sensitif kepada *non-Muslim* tidak seharusnya disentuh ketika berdebat dengan mereka. Hal ini sebagaimana diperintahkan Allah kepada hamba-Nya dalam firman-Nya:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِّكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ

إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَّرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿108﴾

Surah Al-An'am 6: 108

Terjemahan: Dan janganlah kamu menghina benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah kerana mereka kelak akan menghina Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka

⁶⁰ Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, "Metodologi dakwah Kepada Non-Muslim Menurut Perspektif al-Quran", 4.

kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali dan Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.

Dalam ayat ini, Allah SWT telah melarang orang Islam untuk tidak mencerca perkara-perkara yang dianggap tuhan yang menjadi pujaan orang bukan Islam serta ditegah dari memperlekehkan amalan-amalan mereka. Jika hal ini berlaku, ia akan mengakibatkan serangan balas dari mereka terhadap Islam dengan menghina Allah SWT dan agama Islam.

Oleh itu, metode perdebatan dengan *non-Muslim* ini bukanlah bertujuan untuk menghina pihak lawan tetapi adalah untuk memberi kefahaman yang jelas tentang kebenaran yang dibawa oleh agama Islam. Dakwah kepada *non-Muslim* ini boleh dilaksanakan dengan empat kaedah iaitu:

2.4.1 Lisan (*Al-Qawl*)⁶¹

Pada dasarnya dakwah menggunakan lisan adalah merupakan asas dalam menyampaikan dakwah Allah. Ini dapat dilihat pada kitab Al-Quran yang merupakan kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada sekalian umat manusia.⁶² Hal ini sejajar dengan firman Allah dalam surah Yunus:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ ﴿108﴾

Surah Yunus 10:108

⁶¹ Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, (cet. Ke-1, Kaherah: Jamiah Al-Azhar, 1987), 327.

⁶² Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Da`wah*, (Al-Manar, 1976), 447.

Terjemahan: Katakanlah: Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu kebenaran (Al Quran) dari Tuhanmu.

Dalam ayat ini Allah telah memerintahkan kepada rasulNya untuk menyampaikan kebenaran kepada umatnya melalui lisan atau percakapan. Percakapan yang digunakan hendaklah jelas, terang dan tidak mengandung kesamaran ataupun keraguan oleh pendengar. Seperti firman Allah di dalam surah Ibrahim:

﴿وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ فَوَمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ﴾ (4)

Surah Ibrahim 14:4

Terjemahan: Kami tidak mengutus seorang rasul pun, melainkan dengan bahasa kaumnya, supaya ia dapat memberi penjelasan dengan terang kepada mereka.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT mengutus seorang rasul dengan bahasa yang boleh difahami oleh kaumnya agar mesej dakwah yang ingin disampaikan boleh difahami oleh mereka dengan jelas. Bentuk penyampaian boleh dihasilkan pelbagai jenis seperti berikut⁶³:

- i. Khutbah
- ii. Belajar-Talaqqi
- iii. Muhadarah
- iv. Munazharah
- v. Nadwah

⁶³ Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, (cet. Ke-1, Kaherah: Jamiah Al-Azhar, 1987), 330.

Pendakwah memainkan peranan yang penting dalam mengungkapkan kata-kata yang lembut dan tenang. Selain itu juga bahasa yang digunakan hendaklah mudah untuk difahami oleh *non-Muslim* agar mesej dakwah itu sampai kepada mereka.⁶⁴

2.4.2 Penulisan (*Al-Kitabah*)⁶⁵

Dakwah melalui penulisan merupakan salah satu cara yang efektif dan memberi kesan kepada pembaca kerana peranannya yang cepat berkembang ke pelusuk dunia. Bentuk penulisan ini boleh dibuat dengan menghasilkan pelbagai jenis seperti berikut⁶⁶:

- i. Surat-surat yang ditulis untuk disampaikan kepada sasaran dakwah.
- ii. Kitab-kitab yang menerangkan tentang Islam.
- iii. Artikel yang membahaskan tentang perkara yang berkaitan dengan Islam.
- iv. Majalah dan surat khabar yang menyentuh hal-ehwal agama Islam.

Justeru, pendakwah haruslah menghasilkan penulisan dengan menggunakan bahasa yang mudah dan senang untuk difahami, makna yang jelas, tidak menyebutkan permasalahan yang rumit dan hendaklah ringkas dan padat.⁶⁷

2.4.3 Teladan (*Al-Hal*)⁶⁸

Salah satu cara yang disarankan dalam melaksanakan dakwah adalah dengan menonjolkan contoh teladan yang baik. Dengan menonjolkan contoh teladan yang baik dapat memperlihatkan kemuliaan agama Islam yang perlu diikuti. Contoh teladan yang baik akan meninggalkan pengaruh yang besar kepada orang lain untuk mengikuti sesuatu

⁶⁴ Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, 448.

⁶⁵ Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, 327.

⁶⁶ Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, 341-342.

⁶⁷ Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Da`wah*, 458.

⁶⁸ Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, 327.

cara hidup yang ditunjukkan.⁶⁹ Antara dakwah sebegini yang boleh dilakukan adalah seperti berikut:

a) Dakwah Melalui Keperibadian Pendakwah (Qudwah Hasanah)

Akhlak ialah tingkahlaku yang dipengaruhi oleh nilai-nilai yang diyakini oleh seseorang dan sikap yang menjadi sebahagian daripada keperibadiannya. Nilai-nilai dan sikap itu pula merupakan cerminan terhadap akidahnya. Akhlak yang baik dan akhlak yang buruk merupakan dua jenis tingkahlaku yang berlawanan terhasil daripada dua sistem nilai yang berbeza. Kedua-duanya memberi kesan secara langsung terhadap individu dan masyarakat. Akhlak yang mulia dan murni menjadi penggerak kepada kemajuan dan kesempurnaan hidup.

Dengan menonjolkan akhlak yang baik, keperibadian yang mulia dan tatacara kehidupan Islam yang sebenar akan dapat memberi kesan yang positif terhadap natijah dakwah terhadap golongan *non-Muslim*. Kejayaan yang dikecapi oleh Nabi Muhammad SAW dalam menyebarkan Islam menjadi satu teladan yang baik kepada pendakwah. Baginda memiliki sifat yang agung sehingga baginda dikatakan bersifat Al-Quran. Dengan sikap baik yang baginda miliki menyebabkan dakwah itu berkesan dan orang ramai mudah tertarik melalui perwatakan baginda sepertimana dinyatakan Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Surah Al-Qalam 68: 4

⁶⁹ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 222.

Terjemahan: Dan sesungguhnya pada diri engkau wahai Muhammad terdapat akhlak yang agung.

Berdasarkan ayat ini Allah SWT telah mengangkat darjat Nabi Muhammad SAW kerana terdapat dalam keperibadian baginda sifat-sifat yang mulia dan agung. Oleh yang demikian, tidak hairanlah agama Islam dapat disebarkan dengan baik pada zaman baginda. Seorang pendakwah haruslah mempunyai akhlak yang baik kerana ia melambangkan dakwah yang dibawanya. Tidak cukup dengan akhlak yang baik, Pendakwah juga haruslah menzahirkan persamaan di antara perkataan yang dilontarkan dan perbuatan yang dibuat.⁷⁰ Dengan pendedahan akhlak yang diajarkan oleh Islam ini tanpa disedari ia merupakan satu pendekatan dakwah secara halus dan perlahan kepada *non-Muslim*. Di samping itu juga seorang pendakwah yang memiliki status yang tinggi haruslah menonjolkan dirinya seiring dengan darjat agung dan mulianya agama Islam itu sendiri.⁷¹

Justeru, seorang pendakwah haruslah berfikiran positif dan baik terhadap *non-Muslim* lebih-lebih lagi ketika berurusan dengan mereka agar imej Islam sebenar dapat dilihat oleh mata mereka sendiri.

b) Dakwah Melalui Imej Umat Islam

Sejak dari fitrah lagi konsep agama Islam yang ingin disampaikan memang berkonsep kesederhanaan, mudah dan praktikal. Realiti hari ini, terdapat segelintir umat Islam yang terlalu taksub dengan agama dan bertindak ekstrim sehingga menjadikan *non-Muslim* berfikiran negatif dengan apa yang dibawa oleh agama Islam.

⁷⁰ Wahbah Al-Zuhaili, *Kewajipan Memahamkan Bukan Islam Tentang Islam*, 121.

⁷¹ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 223.

Ajaran-ajaran Islam seharusnya dipraktikkan di dalam kehidupan mereka walau di mana sahaja mereka berada. Imej Islam bukan sahaja ditonjolkan oleh masyarakat Islam yang tinggal di negara-negara Islam malah umat Islam yang berhijrah di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Perancis, Britain, Jepun, China dan sebagainya juga harus menghidupkan tatacara Islam yang lurus dalam kehidupan seharian mereka. Ini kerana golongan Muslim yang berhijrah ke negara *non-Muslim* khususnya di Barat mempunyai pontensi untuk memperbetulkan kefahaman yang salah terhadap Islam. Lebih dari itu, golongan Muslim ini dianggap sebagai cermin yang menggambarkan dunia Islam sebenar walaupun hanya dianggap agama yang minoriti oleh *non-Muslim*.⁷²

2.4.4 Harta (*Al-Mal*)⁷³

Berdakwah dengan menggunakan harta boleh dilakukan dengan memberikan kepada seseorang ganjaran kerana telah melakukan suatu perbuatan. Penggunaan harta dalam kegiatan dakwah merupakan suatu pendekatan yang sangat berkesan, terutama yang berbentuk positif. Berdakwah dengan harta juga tidak semestinya suatu yang berbentuk kewangan, bahkan boleh juga dalam bentuk sumbangan tenaga dan masa.

Terdapat juga pendapat yang mengatakan pendekatan dengan cara ini adalah cara dakwah yang tidak bermoral. Para pendakwah sepatutnya tidak terikut-ikut dengan cara golongan pendakwah Kristian menyebarkan agama mereka, iaitu dengan memberikan bantuan material sebagai suatu cara pemujukan. Akibatnya keislaman yang diterima semata-mata adalah kerana mengejar ganjaran yang ditawarkan⁷⁴. Walau bagaimanapun

⁷² Muhammad Nur Manuty, "Permasalahan Imej Islam Di Dunia Modern" (Seminar Kefahaman Orang-Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Pembangunan Imej Islam, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1993), 2.

⁷³ Haji Mohd.Amin bin Haji Abdul Rahim, *Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam*, (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011), 101-102.

⁷⁴ Haji Mohd.Amin bin Haji Abdul Rahim, *Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam*, 102.

sekiranya ganjaran yang diberikan dari perasaan ikhlas maka ia boleh dimanfaatkan dalam gerakan dakwah.

Pada zaman Rasulullah SAW, terdapat sebilangan daripada para sahabat memeluk agama Islam bukan berdasarkan keimanan, tetapi kerana tujuan-tujuan lain yang sebahagiannya berbentuk keduniaan dan kebendaan tetapi baginda Rasulullah tetap menerima mereka sebagai orang Islam⁷⁵.

Dakwah boleh dikatakan sebagai jihad. Jihad untuk menegakkan syiar Islam serta membenarkan agama Allah. Setiap kerangka sesuatu pekerjaan mempunyai pendekatan dan cara yang tertentu dan sesuai agar boleh mencapai objektifnya. Seorang doktor bedah haruslah mengetahui pekakas keperluan yang hendak digunakan sewaktu menjalankan pembedahan. Seorang guru pula haruslah mengetahui cara bagaimana untuk mengatasi dan berdepan dengan pelajar yang bermasalah. Begitu juga dengan seorang pendakwah hendaklah mengenalpasti pendekatan dakwah apa yang harus digunakan untuk menarik minat dan hati sasaran dakwahnya⁷⁶.

Oleh itu, pendekatan dakwah terdapat pada semua bahagian komponen dakwah. Ia tidak tertentu pada gaya persembahan atau cara persembahan isi kepada sasaran, tetapi juga pada isi kandungan dakwah itu sendiri, saluran dan strategi.

a) Isi Kandungan⁷⁷

Dalam proses dakwah, isi kandungan merupakan salah satu faktor yang utama untuk menjayakan misi dakwah. Isi kandungan dakwah boleh digambarkan seperti ubat yang

⁷⁵ Haji Mohd.Amin bin Haji Abdul Rahim, *Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam*, 101-102.

⁷⁶ Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Da`wah*, (Al-Manar, 1976), 404-405.

⁷⁷ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 83.

menyelesaikan sesuatu penyakit. Isi dakwah yang hendak disampaikan hendaklah bersesuaian dengan keadaan sasaran dakwah.

b) Cara Penyampaian⁷⁸

Banyak cara penyampaian yang boleh digunakan oleh seorang pendakwah ketika menjalankan tugas dakwah sama ada kepada komuniti Islam mahu pun bukan Islam. Dalam menyampaikan dakwah kepada *non-Muslim* khususnya, cara penyampai haruslah dititik beratkan agar keberkesanan dakwah itu berhasil.

c) Media atau saluran⁷⁹

Dewasa kini, arus kemodenan kian berkembang dengan pesat. Agama Islam yang sifatnya Universal beredar mengikut perubahan zaman tanpa menghadapi permasalahan. Semakin dunia bergerak maju semakin canggih ciptaan teknologi. Justeru, sebagai umat Islam seharusnya tidak ketinggalan dalam menggunakan saluran-saluran media untuk menyebarkan dakwah Islam itu. Lebih-lebih lagi untuk berdakwah kepada golongan *non-Muslim*. Peranan media atau saluran sebagai medium dakwah boleh menembusi sasaran-sasaran dakwahnya dengan cepat dan efisien.

d) Strategi⁸⁰

Strategi atau metode adalah merupakan langkah pergerakan untuk memulakan sesuatu pekerjaan. Menurut Kamus Dewan, strategi juga membawa maksud ilmu tentang cara-cara merancang dan melaksanakan tindak-tanduk⁸¹. Adapun begitu, strategi yang digunakan haruslah bersesuaian dengan kehendak sesuatu pekerjaan itu. Jika strategi yang diatur bertepatan maka kejayaan akan lebih senang untuk diraih. Seorang tentera

⁷⁸ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 135.

⁷⁹ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 181.

⁸⁰ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 3.

⁸¹ Kamus Dewan ed. ke-4, (cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa, 2013), 1525.

apabila berada di medan perang jika ingin berjaya hendaklah mengatur beberapa langkah atau strategi agar dapat mencapai kemenangan. Begitu juga dengan pendakwah apabila berdepan dengan sasaran dakwah khususnya golongan *non-Muslim*, maka para pendakwah haruslah merencanakan langkah-langkah yang efisien agar boleh menarik sebanyak mungkin golongan *non-Muslim* untuk menerima dakwah Islam.

Di dalam setiap kaedah dakwah yang disebutkan di atas ini terkandung uslub pendekatan dakwah kepada *non-Muslim* sebagaimana berikut:

a. Jelas⁸²

Dalam berdakwah kepada *non-Muslim*, penerangan tentang Islam haruslah dalam keadaan jelas dan nyata. Jelas dan nyata merupakan salah satu tarikan perhatian manusia⁸³. Ini amat penting kerana jika mesej yang ingin disampaikan itu kabur atau samar-samar, ia boleh menjadikan *non-Muslim* itu susah untuk memahami agama Islam dan akhirnya mengagalkan pelaksanaan dakwah. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَاحْذَرُوا فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿٩٢﴾

Surah Al-Maidah 5:92

Terjemahan: Dan taatlah kepda Allah dan Rasul-Nya dan berhati-hatilah jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul kami hanyalah menyampaikan agama Allah dengan terang.

Dalam ayat ini Allah SWT telah menegaskan bahawa mesej dakwah yang disampaikan oleh para Rasul hendaklah terang dan nyata.

⁸² Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah Min Wasail Wa Asalib*, (Kaherah), 146.

⁸³ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 194.

b) Berperingkat-peringkat⁸⁴

Salah satu penyampaian dakwah yang digunakan oleh para Nabi Muhammad SAW pada zaman dahulu ialah dengan cara berperingkat. Berperingkat-peringkat dalam berdakwah adalah bermaksud berperingkat-peringkat dalam menyampaikan ajaran Islam. Contohnya ialah baginda terlebih dahulu menyeru orang bukan Islam untuk mengenali Allah SWT. Setelah mereka faham akan akidah dalam Islam ini, barulah diajarkan kepada mereka tentang perkara-perkara yang lain seperti ibadah dan akhlak⁸⁵.

Tidak syak lagi bahawa di dalam Al-Quran hukum pengharaman arak diturunkan secara berperingkat, pada permulaannya ialah seperti yang terdapat dalam firman Allah:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ ۖ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِنْ

نَفْعِهِمَا ﴿٢١٩﴾

Surah Al-Baqarah 2:219

Terjemahan: Mereka bertanya kepadamu tentang khamar dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya terdapat dosa yang besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya".

Ayat ini menjelaskan bahawa khamar iaitu sesuatu yang memabukan merupakan salah satu dosa besar walaupun terdapat manfaatnya kepada manusia. Kemudian Allah menurunkan ayat yang kedua untuk menasakh ayat pertama tadi iaitu dalam firmanNya:

⁸⁴ Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah Min Wasail Wa Asalib*, (Kaherah), 315.

⁸⁵ Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah Min Wasail Wa Asalib*, 316.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنتُمْ سُكَارَىٰ حَتَّىٰ تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ ﴿43﴾

Surah Al-Nisa 4:43

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu shalat, sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengerti apa yang kamu ucapkan.

Ayat ini menegaskan tentang larang orang yang mabuk untuk mendirikan solat kerana menjadikan si peminumnya tidak waras dan hilang akal. Dan kemudian Allah telah menurunkan ayat yang ketiga iaitu ayat yang terakhir bagi hukum pengharaman arak sekaligus menasakhkan ayat pertama dan kedua sebagaimana terdapat dalam firman Allah di dalam surah al-Maidah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ

لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ ﴿90﴾

Surah Al-Maidah 5:90

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah, adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.

Ayat ini menjelaskan tentang larangan untuk menghindari segala perkara yang boleh menghancurkan keperibadian seorang *muslim* termasuklah meminum arak kerana ia merupakan salah satu perbuatan syaitan. Ayat di atas menerangkan bahawa pentingnya

menggunakan pendekatan secara berperingkat-peringkat dalam berdakwah mengikut kesesuaian keadaan, peredaran zaman dan audien yang diseru⁸⁶.

c) Menarik⁸⁷

Penyampaian dakwah kepada *non-Muslim* haruslah mempunyai elemen tarikan. Unsur-unsur keistimewaan Islam haruslah ditonjolkan dengan penyampaian yang menarik. Yang sedemikian itu, orang bukan Islam akan berasa beruntung dan seronok untuk mengenali Islam. Sebagai contoh, para pendakwah boleh menceritakan tentang nikmat yang diberi oleh Allah Swt di dunia dan akhirat. Dan menjelaskan akan kelebihan dan keuntungan yang ada pada agama Islam⁸⁸.

d) Peringatan⁸⁹

Cara penyampaian dalam bentuk peringatan juga boleh digunakan oleh para pendakwah ketika melakukan tugas dakwah kepada *non-Muslim*. Peringatan sama ada berbentuk *Targib* iaitu setiap apa yang dapat menarik audien untuk menerima kebenaran dan tetap dalam kebenaran. Atau berbentuk *Tarhib* iaitu setiap apa yang dapat melahirkan rasa takut jika tidak menerima atau menolak kebenaran atau tidak tetap dalam kebenaran selepas menerimanya⁹⁰

Ini adalah untuk menimbulkan perasaan sama ada perasaan suka dan seronok sekaligus menimbulkan rasa beruntung menerima seruan Islam. Atau menimbulkan perasaan takut dan gentar yang akhirnya akan dapat membuka hati mereka untuk

⁸⁶ Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah Min Wasail Wa Asalib*, 317.

⁸⁷ Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah Min Wasail Wa Asalib*, 238.

⁸⁸ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 225.

⁸⁹ Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah Min Wasail Wa Asalib*, (Kaherah), 290.

⁹⁰ Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Da`wah*, 417.

menerima ajaran yang benar yang boleh menyelamatkan mereka dari azab siksaan yang pedih⁹¹. Sebagai contoh, pendakwah dapat menceritakan kepada *non-Muslim* tentang azab hari akhirat yang diturunkan oleh Allah SWT kepada mereka yang ingkar terhadap perintahNya. Sebagaimana dalam firman Allah di dalam surah al-Nisa:

﴿وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ نَارًا خَالِدًا فِيهَا وَلَهُ عَذَابٌ مُهِينٌ﴾ 14

Surah Al-Nisa 4: 14

Terjemahan: Dan barangsiapa yang mendurhakai Allah dan Rasul-Nya dan melanggar ketentuan-ketentuan-Nya, niscaya Allah memasukkannya ke dalam api neraka sedang ia kekal di dalamnya; dan baginya siksa yang menghinakan.

Dalam ayat ini Allah SWT telah memberi peringatan kepada sesiapa yang ingkar dengan ajaran-ajaran Islam akan dimasukan ke dalam neraka. Allah SWT juga menggambarkan betapa siksa dan hinanya bagi mereka yang berada di dalam neraka.

Adapun tujuan *Targib* adalah untuk mencapai keredhaan dan rahmat Allah serta memperoleh pahala di hari akhirat. Begitu juga *Tarhib* adalah untuk menzahirkan rasa takut akan kemurkaan Allah dan azab pembalasan di hari akhirat kelak⁹². Cara penyampaian sebegini sesuai jika diguna ketika menghadapi *non-Muslim* yang kuat menentang Islam.

⁹¹ Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah*, 305.

⁹² Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Da`wah*, 417.

e) Mudah

Fitrahnya seorang manusia tidak menyukai sesuatu yang susah dan payah. Bahkan sesuatu yang mudah senang untuk diterima dengan hati yang terbuka. Oleh itu, penyampaian dakwah kepada *non-Muslim* haruslah dalam bentuknya yang mudah untuk difahami oleh mereka dan bukan memberikan bebanan. Dan ia menjadi asas dakwah di dalam Islam⁹³. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah:

هُوَ اجْتَبَاكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ﴿٧٨﴾

Surah Al-Haj 22:78

Terjemahan: Dia telah memilih kamu dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.

Ayat di atas telah menjelaskan bahawa Islam tidak mewajibkan sesuatu yang membebankan atau yang memberatkan pengikutnya, kerana agama Islam itu mudah dan senang⁹⁴.

f) Rangsangan

Rangsangan ialah galakan untuk mengerjakan sesuatu kebaikan dengan menjanjikan imbalan atau balasan berupa kebaikan yang disukai oleh sasaran dakwah. Pendekatan dakwah kepada *non-Muslim* dengan menggunakan elemen rangsangan ini tidak dapat ditinggalkan dalam bidang dakwah.⁹⁵ Ini kerana fitrahnya manusia memang menyukai sesuatu yang indah. Allah telah berfirman di dalam surah Nuh:

⁹³ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 197.

⁹⁴ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*.

⁹⁵ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 160.

فَقُلْتُ لِلرَّحْمَنِ رَحِيمًا وَإِنِّي أَخَافُ أَنَّ يُسَلِّطَ عَلَيَّ سُلُطَانًا مُّجْرِمًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ

وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾

Surah Nuh 71: 10-12

Terjemahan: maka aku katakan kepada mereka: Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun. Nescaya Dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat, dan membanyakkan harta dan anak-anakmu, dan mengadakan untukmu kebun-kebun dan mengadakan (pula di dalamnya) untukmu sungai-sungai.

Jelas ayat di atas cuba menggalakkan sasarannya agar menerima ajaran yang dibawa oleh nabi iaitu berupa pengampunan Allah kepada mereka yang mana dengan pengampunan itu boleh menjauhkan mereka daripada azab Allah. Juga diberikan jaminan kepada mereka dengan hujan yang boleh memenuhi keperluan hidup, memberi kekayaan berupa harta dan anak yang banyak dan kebun-kebun yang mengalir di bawahnya sungai-sungai yang indah. Janji-janji jaminan seperti ini boleh merangsang seseorang untuk menerima seruan dakwah yang disampaikan.⁹⁶

g) Logik

Audien dakwah dapat menerima sesuatu hujah jika ia berunsur logik dan dapat dicapai oleh kemampuan akal. Dakwah tentang isu ketuhanan misalnya, jika disampaikan dengan elemen logik dan dapat diterima oleh akal *non-Muslim*, ia boleh membawa keberkesanan

⁹⁶ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*.

tujuan dakwah itu.⁹⁷ Antara contoh yang terbaik dalam hal ini ialah sepertimana yang dirakamkan dalam al-Quran tentang kisah Nabi Ibrahim A.S dengan kaumnya. Firman Allah SWT:

قَالُوا أَنْتَ فَعَلْتَ هَذَا بِالْهَيْتِنَا يَا إِبْرَاهِيمَ ﴿62﴾ قَالَ بَلْ فَعَلَهُ كَبِيرُهُمْ هَذَا فَاسْأَلُوهُمْ إِنْ كَانُوا

يَنْطِقُونَ ﴿63﴾ فَرَجَعُوا إِلَى أَنْفُسِهِمْ فَقَالُوا إِنَّكُمْ أَنْتُمُ الظَّالِمُونَ ﴿64﴾ ثُمَّ نَكَسُوا عَلَى رُءُوسِهِمْ لَقَدْ

عَلِمْتَ مَا هَؤُلَاءِ يَنْطِقُونَ ﴿65﴾ قَالَ أَفَتَعْبُدُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكُمْ شَيْئًا وَلَا

يَضُرُّكُمْ ﴿66﴾

Surah Al-Anbiyaa 21: 62-66

Terjemahan: Mereka bertanya: "Apakah kamu, yang melakukan perbuatan ini terhadap tuhan-tuhan kami, hai Ibrahim?" Ibrahim menjawab: "Sebenarnya patung yang besar itulah yang melakukannya, maka tanyakanlah kepada berhala itu, jika mereka dapat berbicara". Maka mereka telah kembali kepada kesedaran dan lalu berkata: "Sesungguhnya kamu sekalian adalah orang yang menganiaya (diri sendiri)", kemudian kepala mereka jadi tertunduk (lalu berkata): "Sesungguhnya kamu (hai Ibrahim) telah mengetahui bahwa berhala-berhala itu tidak dapat berbicara". Ibrahim berkata: Maka mengapakah kamu menyembah selain Allah sesuatu yang tidak dapat memberi manfaat sedikitpun dan tidak (pula) memberi mudharat kepada kamu?"

⁹⁷ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, 138.

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa Nabi Ibrahim AS tidak menggunakan kekerasan bahkan baginda menggunakan hujah yang logik agar pihak lawan dapat berfikir tentang berhala mereka yang tidak memberi apa-apa manfaat. Sememangnya hujah sebegini mampu memberikan kesan yang efektif jika digunakan berdakwah kepada *non-Muslim*.

h) Pembinaan hubungan⁹⁸

Asas kepada satu pembinaan hubungan adalah terhasil dari sifat percaya. Pengaruh dan kesan atas sifat percaya memainkan peranan yang besar⁹⁹ kerana dengan adanya kepercayaan, seruan dakwah akan menjadi mudah.

i) Pemberian hadiah

Fitrahnya manusia menyukai sesuatu yang menyenangkan hati tidak kiralah sama ada berbentuk pujian, janji yang manis, kata-kata indah, mahupun berupa pemberian. Pemberian hadiah mampu untuk menambat hati dan merapatkan hubungan. Nabi Muhammad SAW ada bersabda yang berbunyi:

"تَمَادُوا تَحَابُّوا"

“Saling menghadahilah kalian nescaya kalian akan saling mencintai.” (Sohih

HR. Al-Bukhari¹⁰⁰).

⁹⁸ Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah Min Wasail Wa Asalib*, (Kaherah), 251.

⁹⁹ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 222.

¹⁰⁰ Imam Bukhari, *Al-Adab Al-Mufrad: A Code for Everyday Living, The Example of The Early muslims*, (UK Islamic Academy), no. 594.

Hadis di atas menggalakkan untuk memberikan hadiah kepada orang lain kerana dengan memberi hadiah mampu menghilangkan perasaan marah dalam hati¹⁰¹.

2.5 Masalah Dakwah Islam Kepada *Non-Muslim*

Menurut Kamus Dewan definisi masalah adalah sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan). Dr. Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni¹⁰² ada menyebutkan di dalam kitabnya permasalahan dakwah itu tidak dapat dipisahkan dari dunia dakwah. Ulama ini membahagikan permasalahan itu kepada dua bahagian, iaitu:

2.5.1 Masalah Dalaman

Masalah dalaman ialah permasalahan yang timbul daripada pendakwah itu sendiri sama ada dari segi kefahaman dakwah, pendekatan dakwah yang digunakan dan juga gaya bahasa. Al-Bayanuni telah menggariskan masalah dalaman dalam proses dakwah iaitu pendakwah dan media dakwah¹⁰³:

a) Pendakwah

Banyaknya kesalahan daripada para pendakwah dalam menyampaikan erti sebenar agama Islam itu. Sebahagiannya ada yang menukarkan maksud Islam itu daripada dakwah ketuhanan yang memberi petunjuk dan dakwah warisan para nabi-nabi mulia kepada dakwah undang-undang perpecahan. Akhirnya, timbulnya sifat taksub, bongkak dan mencintai kebendaan dunia dalam diri pendakwah.¹⁰⁴

¹⁰¹ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 226.

¹⁰² Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, (Beirut: Al-Risalah), 345.

¹⁰³ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 352-356.

¹⁰⁴ Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Da'wah*, 480.

Penguasaan ilmu dalam isi dakwah yang kurang mencukupi. Ini mengakibatkan para pendakwah kurang komited dalam menjalankan tugas dakwah dan semakin memandang remeh dalam memahami kepentingan dakwah. Seorang pendakwah yang berilmu mempunyai tempat yang tinggi disisi Allah kerana mereka adalah pewaris para nabi dalam menjalankan misi dakwah. Oleh itu, ilmu adalah paling utama bagi setiap pendakwah.¹⁰⁵

Selain itu juga, kekurangan tenaga pendakwah merupakan salah satu faktor masalah dalaman institusi dakwah. Hal ini terjadi disebabkan pemikiran masyarakat Islam yang sempit. Mereka berpendapat dan menggambarkan bahawa tugas dakwah ini adalah tugas bagi golongan para ulama sahaja.¹⁰⁶

Kemahiran ilmu dakwah yang kurang lebih-lebih lagi dalam ilmu perbandingan agama sehingga terjadinya perselisihan di antara pendakwah-pendakwah dalam memahami perkara-perkara yang mempunyai persamaan. Terbatasnya pemikiran pendakwah dalam menyampaikan dakwah Islam. Penyampaian dakwah bukanlah hanya dengan sekadar menyampaikan bahkan hendaklah dengan menjelaskan, mengajarkan dan membimbing sehingga menjadikan Islam sebagai panduan kehidupan.¹⁰⁷

Ikatan ukhwah sesama pendakwah yang lemah ini membantutkan misi dakwah Islam. Lemahnya iman pendakwah dalam berpegang kepada Allah S.W.T dan kurang bertawakal kepadaNya ketika menjalankan dakwah Islam. Mereka lebih berpegang

¹⁰⁵ Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, 238.

¹⁰⁶ Haji Mohd.Amin bin Haji Abdul Rahim, *Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam*, 107.

¹⁰⁷ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 353-354.

kepada kebendaan dunia dan mengharapkan kepada seseorang yang mempunyai kekuasaan untuk menjayakan misi dakwah.¹⁰⁸

Penguasaan bahasa sasaran dakwah yang tidak diambil perhatian begitu juga dengan kebanyakan pendakwah mengetahui ilmu tentang dakwah akan tetapi kurang mempraktikkannya secara praktikal sehingga menjejaskan keberkesanan dakwah.

Para pendakwah kurang menilai perkara-perkara yang seharusnya diambil berat terlebih dahulu. Ketertiban sesuatu perkara yang kurang penting didahului oleh yang lebih penting dan menyebabkan timbulnya masalah besar dalam masyarakat yang di dakwah.¹⁰⁹

b) Medium Dakwah

Pendakwah tidak memanfaatkan kepelbagaian medium dakwah yang ada. Mereka hanya memfokuskan kepada satu atau dua medium sahaja seperti berdakwah melalui perdebatan dan penulisan.

Selain itu mereka tidak menekankan soal ketelitian dalam mengetahui keadaan sebenar. Kesalahan dalam pendekatan dakwah yang digunakan yang berulang-ulang dalam menjalankan dakwah dan kurang mengambil iktibar tentang pengalaman dan kesalahan-kesalahan lepas.¹¹⁰

Penelitian terhadap medium dakwah yang hendak digunakan adalah sangat penting dalam menjalankan misi dakwah. Jika dilihat medium dakwah para nabi terdahulu misalnya Nabi Ibrahim AS, baginda menggunakan medium perdebatan logik ketika berdebat tentang patung yang mereka sembah sebagai tuhan dan selepas itu barulah

¹⁰⁸ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 359.

¹⁰⁹ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 357.

¹¹⁰ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 355.

baginda mengajak untuk beriman kepada Allah. Dakwah Nabi Lut AS kepada umatnya, baginda memulakan dakwah dengan mengajak mereka untuk meninggalkan perbuatan terkutuk iaitu hubungan sesama jenis dan barulah mengajak mereka untuk beriman kepada Allah.¹¹¹ Dari sini dapat dilihat bahawa para nabi terdahulu mempelbagaikan medium dakwah mereka berdasarkan situasi sasaran dakwah.

c) Sumber Kewangan

Salah satu masalah dalaman ialah kekurangan sumber kewangan untuk menjalankan rancangan-rancangan dakwah. Ini bukan bermakna dakwah itu tidak dapat dilaksanakan akan tetapi disebabkan kurangnya sumber kewangan boleh membantutkan dan melambatkan misi dakwah Islam.¹¹²

Selain itu, penggunaan sumber dana kewangan tidak mengikut keutamaan sehingga menghabiskan dana kepada aktiviti yang kurang penting. Kurangnya sokongan daripada pihak atasan juga menyebabkan aktiviti-aktiviti dakwah itu lemah.¹¹³

2.5.2 Masalah Luaran

Masalah luaran ialah permasalahan yang timbul daripada luar pendakwah itu sendiri sama ada dari segi kefahaman dakwah, pendekatan dakwah yang digunakan, dan juga gaya bahasa. Dari aspek luaran, Al-Bayanuni menjelaskan masalah luaran di dua aspek iaitu sasaran dakwah dan gerakan bukan Islam¹¹⁴:

¹¹¹ Husin Hamid Umar Al-Dib, *Ithaf al-Abrar Bi Da'wah al-Mushthafin al-Akhyar*, (Kaherah), 15-16.

¹¹² Haji Mohd. Amin bin Haji Abdul Rahim, *Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam*, 111.

¹¹³ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 360.

¹¹⁴ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 367-369.

a) Sasaran Dakwah

Sasaran dakwah yang berfikiran negatif terhadap Islam disebabkan salah faham terhadap Islam, kesan daripada salah faham terhadap beberapa isu dalam Islam dan kelemahan orang Islam. Ini menjadikan sasaran dakwah sukar untuk menerima agama Islam.¹¹⁵

Selain itu juga, kepercayaan yang kuat kepada agama mereka menyebabkan tidak memberi ruang kepada pendakwah Islam untuk menerangkan mengenai Islam.¹¹⁶

Dari sudut geografi, penempatan sasaran dakwah yang jauh dari komuniti Islam atau tempat tinggal di kawasan-kawasan luar bandar menyukarkan para pendakwah untuk mendatangi mereka.

b) Gerakan bukan Islam

Gerakan atau kumpulan bukan Islam yang seperti Kristian, buddha dan aties misalnya yang masih berleluasa di sesuatu tempat. Mereka berusaha untuk menarik masyarakat untuk memeluk agama mereka dengan memberikan ganjaran kebendaan dan keduniaan yang menarik.¹¹⁷

2.6 Kesimpulan

Penyebaran ajaran-ajaran Islam ke seluruh pelusuk dunia adalah satu tanggungjawab yang perlu diambil berat dan diberi perhatian oleh setiap orang Islam di muka bumi ini. Di samping itu juga, dalam menjalankan tugas-tugas dakwah ini sudah pasti tidak akan

¹¹⁵ Muhd Qutb, *Salah Faham Terhadap Islam*, terj. Yusoff Zaky Yacob (Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd, 1994) 31.

¹¹⁶ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 371.

¹¹⁷ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, 373.

terlepas dari menghadapi dari pelbagai masalah. Tugas dakwah bukanlah sesuatu yang mudah tetapi jika ia dilakukan dengan penuh gigih dan kesabaran serta selalu bertawakkal kepada Allah SWT, misi dakwah pasti akan berjaya. Kejayaan dakwah ini akan berhasil dengan adanya pendekatan-pendekatan dakwah yang dirancang dan disusun awal terlebih dahulu sebelum bertindak. Akhirnya, usaha-usaha dakwah Islam hendaklah dijalankan walaupun zaman kini sering berubah-ubah dan pelbagai masalah yang dihadapi oleh pendakwah.

Universiti Malaysia

BAB 3: PENDEKATAN DAKWAH PUSAT DA'WAH ISLAMIAH KEPADA NON-MUSLIM DI BRUNEI

3.1 Pendahuluaan

Dalam bab ini pengkaji menghuraikan mengenai Pusat Da'wah Islamiah khususnya. Ini merangkumi mengenai sejarah pertubuhan pusat ini, peranannya dan struktur pusat ini. Pengkaji memfokuskan kepada satu bahagian yang terdapat di dalam struktur pPusat Da'wah Islamiah iaitu Bahagian Pengembangan Da'wah dan pengkaji membataskan kepada satu unit di bawahnya iaitu Unit Da'wah Khas. Dalam bab ini juga pengkaji membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Pusat Da'wah Islamiah. Pengkaji juga membincangkan hasil dapatan kajian mengenai pendekatan dakwah Pusat Da'wah Islamiah kepada *non-Muslim* di Negara Brunei Darussalam.

3.2 Pusat Da'wah Islamiah

Di era globalisasi ini pelbagai persoalan berlaku kepada masyarakat Islam di negara kita yang menuntut pendakwah-pendakwah agar berperanan aktif dalam bidang mereka terutama kepada golongan *non-Muslim*. Intitusi dakwah yang bernaung di bawah kerajaan kita Negara Brunei Darussalam iaitu Pusat Da'wah Islamiah memainkan peranan yang sangat besar dan lebih berpotensi untuk menembusi hati-hati sasaran dakwah. Ini kerana kerajaan akan menyokong segala usaha-usaha dan perancangan dakwah yang diharapkan. Justeru, segala cabaran dan permasalahan yang dihadapi tidak akan menjadi halangan besar.

Pendekatan yang bersesuaian dengan fitrah sasaran dakwah akan menjadikan dakwah Islam itu lebih berjaya dan berkesan. Dengan mengetahui pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh Pusat Da'wah Islamiah ini akan dapat memperkenalkan

panduan-panduan melahirkan para pendakwah yang lebih berkualiti dan efisien. Segala kekurangan dalam menarik audiens dakwah akan dapat diperbaiki dari masa ke semasa, sekaligus memperkemaskan lagi sistem dakwah di Negara Brunei Darussalam yang memerlukan penglibatan sesetengah pihak dalam beberapa tempat supaya pendakwah-pendakwah lebih mengetahui peranannya berpandukan situasi negara.

3.2.1 Sejarah Pertubuhan Pusat Da'wah Islamiah

Islam sudah lama betapak di Brunei Darussalam sejak abad ke 13 hingga ke hari ini. Perkembangan syiar Islam dapat dilihat dengan pesat lebih-lebih lagi semasa pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Sultan Brunei yang ke 28¹¹⁸. Baginda menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara yang berlandaskan Ahli Sunnah Wal Jama'ah seperti yang dicatatkan dalam perlembagaan Brunei 1959¹¹⁹. Hal ini di tegaskan lagi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu permasyhuran Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984:

“Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah...”¹²⁰

¹¹⁸ Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien menaiki takhta pada tahun 1950 dan menjadi sultan Brunei yang ke 28. Baginda memerintah kerajaan Brunei selama 17 tahun iaitu bermula pada tahun 1950 hingga 1967. Baginda mangkat pada tahun 1986.

¹¹⁹ Haji Mohammad Bin Haji Abdul Rahman, “Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam”, (Kertas Kerja Seminar Kepimpinan Islam Serantau, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Jun 1999), 14.

¹²⁰ Jabatan Penerangan, “Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam”, dalam *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin*

Rentetan dari perkembangan itu Islam terus maju dan kukuh sewaktu pemerintahan baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam¹²¹. Baginda telah mengarahkan penubuhan *Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam* sebagai nadi utama gerakan dakwah Islamiah. Penubuhannya merupakan sahutan kepada seruan baginda untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan kebesaran Allah dan sentiasa mengingati Allah.¹²² Hal ini berdasarkan titah baginda:

“Brunei adalah negara yang selalu bersama-sama dengan Ar-Rahman (Yang Maha Mengasihi), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan. Kerana itu Allah pun, dengan rahmat-Nya, memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana, dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan. Beta, insya-Allah, akan terus berazam untuk menjadikan Brunei Darussalam sebuah 'Negara Zikir' yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya di dalam surah al-Baqarah ayat 152 tafsirnya: “Kamu ingat Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula.”¹²³

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987, (cet. ke-1, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2017), 1-2.

¹²¹ Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ialah sultan Brunei yang ke 29. Baginda ditabalkan menjadi sultan pada tahun 1967. Pemerintahan baginda masih kekal hingga sekarang.

¹²² Haji Mohammad Bin Haji Abdul Rahman, *Merealisasikan Negara Zikir Melalui Pendidikan*, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2011), 1.

¹²³ Jabatan Penerangan, “Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi pada 10 Zulhijah 1428/19 Disember 2007”, dalam *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2007*, (cet. ke-1, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2016), 102-104.

Bertitik-tolak dari hasrat baginda sultan ini, maka sebuah institusi yang berperanan menyemai dan menyebarkan syiar Islam telah ditubuhkan. Institusi ini dikenali dengan Pusat Dakwah Islamiah. Institusi ini mula beroperasi pada 1 Januari 1985. Setelah 9 bulan Pusat Dakwah Islamiah ini beroperasi sebuah bangunan khas telah dirasmikan oleh baginda sultan Brunei pada 1 Muharram 1406 Hijrah bersamaan dengan 16 September 1985 Masihi¹²⁴ :

“Memantapkan dan mempertahankan perkembangan syiar Islam selaras dengan perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi negara. Islam juga dijadikan amalan cara hidup yang sempurna selaras dengan Melayu Islam Beraja.”¹²⁵

Penubuhan Pusat Dakwah Islamiah ini adalah merupakan satu usaha penting untuk menyebarkan kefahaman agama Islam dan ajaran-ajarannya bagi memenuhi kewajipan pelaksanaan konsep ‘*Al-Amru bi Al-Ma’ruf Wa An-Nahyu An Al-Munkar*’ di negara ini.

3.2.2 Peranan Pusat Da’wah Islamiah

Sememangnya Pusat Da’wah Islamiah dibina sebagai sebuah pusat institusi utama untuk mengembangkan Islam di Negara Brunei Darussalam. Institusi ini ditubuhkan dengan membawa misi dan visi sebagai asas agar keberkesanan dakwah Islam dapat dicapai. Institusi ini bermisikan untuk menyebarkan dan memantapkan ajaran serta penghayatan

¹²⁴ Haji Awang Abdul Aziz Bin Awang Juned, *Islam Di Brunei Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1992), 80.

¹²⁵ Jabatan Penerangan, “Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Da’wah Islamiah Pada 1 Muharram 1406 / 16 September 1985”, dalam *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987*, (cet. ke-1, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2017), 69 -71.

agama Islam kepada rakyat dan penduduk negara ini bagi kesejahteraan beragama dan bernegara menurut ahli Sunnah wal jamaah mazhab syafie.

Dari sudut visi pula, ialah untuk memperkasa kerasmian dan amalan agama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna bagi mencapai Negara Zikir dan *Baldatun Toiyyibatun Wa Rabbun Ghafur* (Negara yang aman makmur dan Tuhan yang Maha Pengampun)¹²⁶.

Dari sini dapat dirumuskan bahawa Pusat Da'wah Islamiah berperanan sebagai sebuah institusi yang boleh memberi sumbangan kepada perkembangan Islam. Sumbangan dalam bentuk mempertingkatkan pengetahuan, kesedaran dan penghayatan terhadap Islam. Usaha ini diteruskan sesuai dengan kehendak agama mengikut perkembangan semasa¹²⁷.

Di samping itu juga, Pusat Da'wah Islamiah berperanan untuk menyebarkan kefahaman agama Islam kepada *non-Muslim* agar mereka dapat mengetahui sekadarnya akan ajaran-ajaran Islam yang dianuti oleh golongan majoriti di negara ini. Bagi golongan Muallaf pula, Pusat Da'wah Islamiah menjadi rujukan utama bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap ajaran-ajaran Islam sekaligus meningkatkan kualiti kehidupan beragama saudara-saudara baru¹²⁸.

Institusi ini juga memegang peranan sebagai tali penghubung utama dengan negara-negara Islam yang lain dalam aspek penyebaran dan pengembangan agama Islam melalui

¹²⁶ Jabatan Penerangan, "Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Da'wah Islamiah Pada 1 Muharram 1406 / 16 September 1985", dalam *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987*, 56.

¹²⁷ *Ristaan Dan Harapan Kecemerlangan Dakwah Abad ke-21*, 3.

¹²⁸ *Rancangan Strategik Pusat Dakwah Islamiah 2010-2014*, (Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah), 13.

pertukaran maklumat yang berkaitan, perbincangan, seminar, persidangan dan sebagainya dengan menggunakan pelbagai saluran media sesuai dengan perkembangan semasa¹²⁹.

Dari semasa ke semasa, perbincangan agama menjadi semakin mencabar kerana perubahan kehidupan yang semakin drastik. Kajian dan penyelidikan yang mendalam terhadap sesuatu perbincangan harus diambil berat apatah lagi jika bersangkut-paut dengan hal ehwal agama. Dari sini Pusat Da'wah Islamiah memainkan peranan utama untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Antara peranan lain yang menjadi tugas institusi ini bergerak adalah usaha dalam menerbitkan bahan-bahan bacaan keagamaan yang berupa buku, majalah dan risalah. Dari usaha ini boleh membantu golongan *Muslim* untuk mendalami kefahaman agama Islam dan juga boleh menarik minat golongan *non-Muslim* untuk mempelajari agama Islam¹³⁰.

3.2.3 Struktur Pusat Da'wah Islamiah

Struktur perjalanan pusat ini adalah di bawah kawalan seorang Pengarah yang bertanggungjawab secara langsung kepada Setiausaha Tetap. Pengarah pula dibantu oleh seorang Penolong Pemangku Pengarah, beberapa orang Pegawai Ugama Kanan, pegawai-pegawai, kakitangan dan lain-lain kategori tenaga yang diperlukan.¹³¹ Secara

¹²⁹Rancangan Strategik Pusat Dakwah Islamiah 2010-2014.

¹³⁰Ristaan Dan Harapan Kecemerlangan Dakwah Abad ke-21, 4.

¹³¹ Ristaan Dan Pencapaian 25 Tahun Pusat Dakwah Islamiah, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah, 2011), 57.

umum pusat ini telah dibahagikan kepada tujuh bahagian dan setiap bahagian diketuai oleh seorang pegawai kanan, Bahagian-bahagian tersebut ialah¹³²:

a) Bahagian Pentadbiran.

Bahagian ini bertugas mengendalikan dan menguruskan kerja-kerja dan hal ehwal pentadbiran harian pejabat. Merancang, menyusun, membaiki dan menjalankan rancangan dan membaiki perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran, mendapatkan pembekalan alat-alat yang kekurangan termasuk mengawal dan membahagi tugas-tugas kakitangan di bahagian jabatan ini, membuat penilaian-penilaian dari masa ke semasa terhadap tugas-tugas yang telah dijalankan dan yang belum dijalankan untuk tindakan selanjutnya.

Bahagian pentadbiran ini adalah sebagai jentera dan nadi penggerak utama dalam melaksanakan dan menyempurnakan kelancaran semua urusan kegiatan harian dan semasa bagi Pusat Da'wah Islamiah keseluruhannya terutamanya di dalam bidang perjawatan dan kewangan.

Pada dasarnya bahagian ini diberikan peranan untuk mengawal kewangan, kerani, buruh, bangunan, pegawai dan kakitangan¹³³. Bahagian ini mengandungi 4 unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Kewangan, Unit Perancangan Dan Perkembangan, dan Unit Teknologi Maklumat¹³⁴.

b) Bahagian Kajian dan Penerbitan.

¹³² *Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, 6.

¹³³ *Ristaan Dan Harapan Kecemerlangan Dakwah Abad ke-21*, (Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah), 81.

¹³⁴ *Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, 6.

Bahagian ini bertanggungjawab menjalankan kegiatan penyelidikan dan kajian yang berbentuk ilmiah mengenai Islam sama ada dari segi fakta sejarah dan perkembangannya, penentuan hukum-hukum dan lain-lain lagi yang diambil daripada al-Quran, as-Sunnah, kitab-kitab lama dan sumber-sumber lain untuk kegunaan masyarakat Islam di negara ini yang biasanya bukan untuk kegunaan serta merta.

Di samping itu juga bahagian ini bertanggungjawab menjalankan dan membuat kajian mengenai masalah-masalah dan perkara-perkara yang berbangkit sama ada didengar melalui radio, televisyen atau yang didapati di dalam buku-buku, majalah, risalah, surat khabar dan lain-lain¹³⁵. Bahagian ini mengandungi 4 unit di bawahnya iaitu Unit Kajian dan Penyelidikan, Unit Penerbitan, Unit Pembahagian Dan Pemasaran, dan Unit Perpustakaan¹³⁶.

c) Bahagian Penapisan dan Pameran.

Bahagian ini menjalankan tugas-tugas menapis setiap bahan-bahan terbitan yang berunsur agama seperti buku-buku, majalah, akhbar, video, kaset dan sebagainya sama ada untuk persendirian, dijual atau disebar. Tugas penting bahagian penapisan ini adalah mengawal kemasukan bahan-bahan terbitan ke negara ini demi menjamin bahawa setiap terbitan tidak bercanggah dengan konsep Islam dan Negara¹³⁷.

Bahagian Pameran dihasratkan untuk dijadikan sebagai “Balai Pameran Tetap” maka ia akan menjadi “Rumah Sejarah Islam” bagi negara ini. Di mana ditempatkan dan disimpan serta dipamerkan kesan-kesan sejarah mengenai Islam dan perkembangannya

¹³⁵ *Ristaan Dan Harapan Kecemerlangan Dakwah Abad ke-21*, 27.

¹³⁶ *Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, 6.

¹³⁷ *Ristaan Dan Harapan Kecemerlangan Dakwah Abad ke-21*, 75.

di Negara Brunei Darussalam¹³⁸. Bahagian ini mengandungi 3 unit iaitu Unit Penapisan Terbitan-Terbitan, Unit Kawalan Terbitan-Terbitan, dan Unit Pameran¹³⁹.

d) Bahagian Pengembangan Da'wah.

Bahagian ini berperanan dalam hal-hal pengislaman sama ada di pejabat atau di luar pejabat. Di samping itu juga bahagian ini ditugaskan untuk memberikan bimbingan kepada saudara-saudara baru mengikuti bimbingan agama Islam bagi membolehkan mereka menguasai perkara-perkara yang bersangkutan dengan aqidah, amal ibadat dan cara hidup Islam¹⁴⁰. Bahagian ini mengandungi 5 unit iaitu Unit Da'wah Khas, Unit Pengislaman, Unit Da'wah Daerah Belait, Unit Da'wah Daerah Tutong, dan Unit Da'wah Daerah Temburong¹⁴¹.

e) Bahagian Penyebaran Da'wah.

Bahagian ini mengandungi 4 unit iaitu Unit Ceramah, Unit Kursus, Unit Belia, dan Unit Kaunseling¹⁴².

f) Bahagian Pembangunan Muallaf.

Bahagian ini mengandungi 3 unit iaitu Unit Tarbiyah Muallaf, Unit Kebajikan Muallaf, dan Unit Pengupayaan Muallaf.¹⁴³

g) Bahagian Media

¹³⁸ *Ibid.*, 21.

¹³⁹ *Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, 6.

¹⁴⁰ *Ristaan Dan Harapan Kecemerlangan Dakwah Abad ke-21*, 53.

¹⁴¹ *Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, 6.

¹⁴² *Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, 6.

¹⁴³ *Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam*, 6.

Bahagian Media berperanan menyebarkan ajaran-ajaran Islam kepada rakyat dan penduduk di Negara ini melalui media massa dan media baru seperti menerbitkan rancangan-rancangan agama di televisyen dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei, Mengelola rancangan-rancangan agama kelolaan di rangkaian radio: Nasional, Nur Islam dan Radio Pilihan, Bahagia Media ini juga berperanan dalam menyebarkan maklumat dan pengetahuan agama Islam yang tepat dan diiktiraf melalui internet, seterusnya menjadi sumber rujukan dan pegangan orang ramai bagi menjamin kehidupan sosial yang mantap, terarah dan terpelihara.¹⁴⁴

Bahagian ini mengandungi 3 unit iaitu Unit Televisyen, Unit Radio, dan Unit Media Baru.¹⁴⁵

3.3 Bahagian Pengembangan Da'wah

Seperti yang dinyatakan di dalam struktur Pusat Dakwah Islamiah terdapat 7 bahagian yang menjalankan peranan mengikut tugas masing-masing. Bahagian Pengembangan Da'wah adalah antara bahagian di bawah Pusat Da'wah Islamiah yang bertanggungjawab menyempurnakan dan mengendalikan urusan-urusan yang berkaitan dengan hal-ehwal penyebaran dan pengislaman sama ada di dalam pejabat mahupun di luar pejabat.

Bahagian ini dibahagikan kepada 5 unit kecil yang terdiri:¹⁴⁶

a. Unit Da'wah Khas

¹⁴⁴ Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 127.

¹⁴⁵ Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 6.

¹⁴⁶ Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam, 6.

- b. Unit Pengislaman
- c. Unit Da'wah Daerah Belait
- d. Unit Da'wah Daerah Tutong
- e. Unit Da'wah Daerah Temburong

Kajian akan memfokuskan kepada Unit Da'wah Khas kerana unit ini berhubungkait dengan penyebaran Islam di Brunei Darussalam.

3.3.1 Unit Da'wah Khas

Unit ini bertanggungjawab untuk berdakwah dengan bermacam cara bagi mengembangkan syiar Islam kepada masyarakat *non-Muslim* di Negara Brunei Darussalam, hingga dapat memahami dan menghayati hakikat agama Islam sebenar sama ada yang tinggal di kawasan bandar atau masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman.

3.3.2 Aktiviti Unit Da'wah Khas

Berdakwah memerlukan persediaan, sama ada oleh pendakwah mahupun untuk pelaksanaan dakwah.

Di antara persediaan yang perlu dimiliki oleh pendakwah ialah ilmu pengetahuan berhubung dengan mesej yang akan disampaikan dan juga cara penyampaian mesej tersebut. Selain dari itu pendakwah juga perlu memiliki iman yang mantap, akhlak yang mulia, penghayatan ajaran Islam, peribadi yang kukuh dan menarik, serta kesihatan dan kecergasan tubuh badan.

Perlaksanaan kegiatan dakwah pula memerlukan perancangan yang kemas, perbincangan awal di kalangan pendakwah berhubung dengan sesuatu kegiatan dakwah

yang akan dijalankan, dan juga persediaan barangan. Persediaan yang kemas biasanya memberikan hasil yang baik¹⁴⁷.

Berdakwah kepada golongan *non-Muslim* boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk aktiviti untuk mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan memperkenalkan agama Islam dan ajaran-ajarannya kepada mereka. Antaranya ialah¹⁴⁸:

1) Ziarah Da'wah ke kawasan Pedalaman dan kawasan Bandar

Aktiviti ini adalah bertujuan untuk menarik minat dan membuka minda masyarakat *non-Muslim* mengenali lebih dekat tentang Uagama Islam sekaligus mengeratkan lagi hubungan muhibbah diantara *non-Muslim*. Aktiviti ini merupakan rutin yang dilakukan sepanjang tahun. Kegiatan ini dilakukan sekurang-kurang dua kali sebulan. Aktiviti ini dilakukan secara berkumpulan Perkara ini ada dijelaskan di dalam temubual bersama Ustaz Hj Abd Aziz¹⁴⁹.

Ustazah Hjh Noraini Hj Saman¹⁵⁰ juga menambah ziarah yang dilakukan ini dilakukan sambil bersuai kenal dan bertanya perihal keluarga mereka.

2) Program kerja-kerja amal dan gotong-royong.

Seperti membuat atau membaiki rumah, membaiki jalan, menjalankan kempen kebersihan dan membersihkan tanah perkuburan. Aktiviti gotong-royong mengatam padi juga dilaksanakan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan rasa pemedulian Pusat Da'wah Islamiah. Aktiviti ini ada dijelaskan di dalam temubual

¹⁴⁷ Penulis tidak diketahui, *Proses Dakwah kepada Non-Muslim Di Negara Brunei Darussalam*, ed. Ke-1, (Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah, 1997), 7.

¹⁴⁸ Penulis tidak diketahui, *Proses Dakwah kepada Non-Muslim Di Negara Brunei Darussalam*, 119.

¹⁴⁹ Hj Abd Aziz Hj Abd Kahar (Pemangku Pengarah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 11 Disember 2012, Jam 11.00 pagi.

¹⁵⁰ Hajah Noraini binti Haji Saman (Pegawai Uagama, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 21 Jun 2017, Jam 10.30 pagi.

bersama Ustazah Hajah Ruzaimah Haji Ibrahim¹⁵¹. Aktiviti ini juga dapat dilihat sebagai satu usaha untuk menjinakkan mereka sebelum di dakwah.

3) Media.

Menyiarkan rancangan keagamaan di televisyen, radio dan media baru, sama ada yang berbentuk harian, mingguan atau bermusim.

4) Seminar dan ceramah yang bertujuan memberi kefahaman tentang Islam kepada mereka. Melalui program seperti ini masyarakat Cina dapat mengetahui banyak perkara tentang Islam termasuk keraguan mahupun salahfaham mereka terhadap Islam.¹⁵²

5) Lawatan Muhibbah ke tempat perkilangan, kedai-kedai dan syarikat syarikat yang dimiliki oleh bangsa Cina ataupun tempat-tempat yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai terdiri dari bangsa Cina. Kegiatan ini dilakukan sekurang-kurang dua kali sebulan.¹⁵³

6) Mengadakan aktiviti lawatan ke Pusat Da'wah Islamiah bagi penuntut-penuntut yang belum beragama Islam.¹⁵⁴ Lawatan ini mengandungi unsur dakwah yang berkesan kerana mereka diberi penerangan tentang kegemilangan Islam yang boleh menarik mereka untuk memahami Islam dan seterusnya menganutinya.

¹⁵¹ Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim (Pegawai Perkembangan, Bahagian Kajian Dan Penyelidikan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 7 Jun 2017, Jam 12.30 tengahari.

¹⁵² Penulis tidak diketahui, *Proses Dakwah Kepada Non Muslim Di Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, 1997), 21.

¹⁵³ Haji Abd Aziz bin Haji Abd Kahar (Pemangku Pengarah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 11 Disember 2012, Jam 11.00 pagi.

¹⁵⁴ Penulis tidak diketahui, *Proses Dakwah Kepada Non Muslim Di Negara Brunei Darussalam*, 20.

3.4 *Non-Muslim* Di Brunei Darussalam

Majoriti penduduk Negara Brunei Darussalam adalah beragama Islam. Tidak dinafikan terdapat golongan *non-Muslim* di negara ini namun golongan ini adalah golongan minoriti sahaja. Antaranya ialah Iban, Dusun, Murut dan Cina.

3.4.1 Iban

a) Latar Belakang Masyarakat Iban

Sejak dahulu puak Iban tinggal di kawasan-kawasan pedalaman. Mereka membina perkampungan dan rumah panjang di ulu-ulu sungai yang jauh dari bandar. Kebanyakan rumah panjang dibina di atas tanah tinggi atau bukit kerana di kawasan pedalaman sering berlaku banjir. Dengan cara ini mereka dapat menyelamatkan diri, binatang ternakan dan harta benda mereka dari musnah dilanda banjir.

Bagaimanapun perkembangan dan perubahan zaman telah banyak mengubah ciri kehidupan puak Iban. Kemudahan jalanraya dan bekalan elektrik, air dan telefon telah sampai ke sebahagian kawasan perkampungan itu. Rumah panjang yang lazimnya dibina berdasarkan kemudahan sungai, kini terdapat rumah panjang yang dibina berdasarkan kepada kemudahan yang disediakan. Sebahagian daripada mereka pula lebih suka tinggal di rumah persendirian dan tidak di rumah panjang.¹⁵⁵

b) Kepercayaan Masyarakat Iban

Terdapat beberapa kepercayaan berbentuk keagamaan di kalangan puak Iban. Antaranya ialah kepercayaan kepada tuhan yang mereka namakan 'Petara'. Mereka juga memiliki kepercayaan kepada petanda atau alamat yang menunjukkan sesuatu perkara (baik atau buruk) akan berlaku, kepercayaan ini dinamakan dengan 'Angai' atau augury atau omen.

¹⁵⁵ Penulis tidak diketahui, *Perkembangan Agama Islam Di Kalangan Puak Iban Di Negara Bunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, 1996), 3.

Bagi puak Iban yang masih berpegang kepada kepercayaan tradisi, mimpi mempunyai kedudukan yang sangat penting dalam menentukan tindak-tanduk mereka sehari-hari, serta mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kehidupan masa depan mereka.¹⁵⁶

3.4.2 Dusun

a) Latar Belakang Masyarakat Dusun

Masyarakat Dusun adalah merupakan salah satu puak jati Brunei. Istilah Dusun menurut Kamus Dewan ialah kampung yang terpencil.¹⁵⁷ Mereka tinggal di kawasan pedalaman. Perkampungan masyarakat Dusun biasanya terletak di kawasan bukit-bukau dan tebing-tebing sungai sesuai dengan kehidupan mereka yang lebih banyak bergantung kepada kerja-kerja bercucuk tanam dan menternak binatang¹⁵⁸. Kebanyakan mereka tinggal di rumah panjang akan tetapi pada masa sekarang keseluruhan mereka memiliki dan membina rumah persendirian dan berasingan¹⁵⁹

b) Kepercayaan Masyarakat Dusun

Pada dasarnya masyarakat Dusun tidak menganut sebarang agama, mereka memiliki kepercayaan warisan nenek moyang mereka¹⁶⁰. Namun, berbeza pada masa sekarang mereka lebih cenderung untuk menerima agama sebagai pegangan hidup. Mereka menganut pelbagai agama antaranya agama Islam dan Kristian¹⁶¹. Mereka mempercayai kewujudan tuhan yang memiliki suatu kuasa yang mereka panggil *Lo Tala*. Mereka

¹⁵⁶ Penulis tidak diketahui, *Perkembangan Agama Islam Di Kalangan Puak Iban Di Negara Bunei Darussalam*, 8-12.

¹⁵⁷ Kamus Dewan, ed. ke-4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 373.

¹⁵⁸ Matussin Haji Md.Tahir, "Puak Dusun dan Adatnya", *Beriga*, Bil. 13, (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, Okt-Dis 1986), 16.

¹⁵⁹ Haji Mohd Amin Haji Abd Rahim, "Dakwah Kepada Orang Bukan Islam Di Negara Brunei Darussalam", (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 1997), 136.

¹⁶⁰ Chong Ah Fok, "Institusi Keluarga Puak Dusun", *Beriga*, Bil. 53, (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka), 72.

¹⁶¹ Hajah Rasinah binti Haji Ahim, "Penerimaan dan Kefahaman tentang Islam dalam Kalangan Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam", (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2010),

meyakini bahawa segala yang wujud dan yang terjadi di muka bumi ini diciptakan oleh tuhan¹⁶².

3.4.3 Murut

a) Latar Belakang Masyarakat Murut

Masyarakat Murut juga merupakan salah satu puak jati Brunei. Istilah Murut adalah berasal dari kata nama binatang atau disandarkan kepada nama orang¹⁶³. Masyarakat Murut yang ada di negara ini terbahagi kepada dua kumpulan iaitu mereka yang datang dari Daerah Lawas dan kini menetap di Daerah Temburong juga menggelarkan diri mereka sebagai '*Lun Bawang*'. Manakala kumpulan yang kedua pula adalah mereka yang datang dari Daerah Baram. Mereka pernah mendiami Daerah Tutong dan digelar sebagai kaum '*Tering*' dan '*Madie*'¹⁶⁴.

Masyarakat Murut pada asalnya tinggal jauh di pedalaman. Namun, pada masa sekarang mereka secara beransur-ansur telah mula berpindah untuk tinggal berdekatan dengan kawasan bandar agar membolehkan mereka menikmati kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan seperti elektrik, air, telefon dan jalan raya¹⁶⁵.

Masyarakat Murut dan Dusun tidak mempunyai jauh perbezaan, kehidupan mereka adalah dengan menghasilkan tanaman padi, memburu ternakan dan menangkap ikan. Kebanyakan mereka tinggal di rumah panjang yang dinamakan dengan '*Rumah Besar*'.

¹⁶² Dayang Hajah Tuming binti Abdullah, *Kepercayaan Puak Dusun di Brunei, Kepercayaan Masyarakat Cina, Iban dan Dusun di Negara Brunei Darussalam*, (Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah), 46.

¹⁶³ "Muzium Journal", (Brunei Darussalam: Jabatan Muzium), 1.

¹⁶⁴ Haji Abd Karim bin Haji Abd Rahman, "Puak Tutong: Satu perbincangan Tentang Sejarah dan Latar Belakangnya", *Beriga*, (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka), 24.

¹⁶⁵ Haji Mohd Amin Haji Abd Rahim, "Dakwah Kepada Orang Bukan Islam Di Negara Brunei Darussalam", 138.

Pada masa ini mereka lebih selesa membina rumah yang berasingan tetapi berdekatan di antara satu sama lain¹⁶⁶.

b) Kepercayaan Masyarakat Murut

Mempercayai roh dan benda-benda ghaib merupakan pegangan Masyarakat Murut di Brunei Darussalam. Mereka sangat menekankan pantang larang kehidupan seharian sehingga menamakannya dengan *bian*¹⁶⁷. Dari sudut agama, Masyarakat Murut sangat sensitif dan tidak berfikiran terbuka. Ini menjadikan amat sukar untuk mengetahui kepercayaan keagamaan mereka¹⁶⁸. Namun begitu, mengikut kajian yang pernah dijalankan keseluruhan Masyarakat Murut yang menganut agama Kristian berpegang kepada mazhab Sidang Injil Borneo (SIB) yang sekarang ini dikenali dengan Majlis Injil Borneo (MIB) iaitu salah satu cabang mazhab Protestan¹⁶⁹. Menurut catatan sejarah, Agama Kristian Berjaya mempengaruhi kalangan Masyarakat Murut di sekitar tahun 1970an¹⁷⁰.

3.4.4 Cina

a) Latar Belakang Masyarakat Cina

Berdasarkan laporan banci penduduk di Brunei Darussalam dari tahun 2001 hingga 2011, pertumbuhan penduduk bangsa Cina di Brunei Darussalam semakin meningkat iaitu dari

¹⁶⁶ Haji Mohd Amin Haji Abd Rahim, "Dakwah Kepada Orang Bukan Islam Di Negara Brunei Darussalam", 196.

¹⁶⁷ Norsharita binti Abdullah, "Fonologi Bahasa Lun Bawang (Murut)", (Latihan Ilmiah B.A, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, 1995/996), 10.

¹⁶⁸ Haji Mohd Amin Haji Abd Rahim, "Dakwah Kepada Orang Bukan Islam Di Negara Brunei Darussalam", 197.

¹⁶⁹ Tajudin bin Parang, *Pandangan Orang Murut Terhadap Agama Islam*, (Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah, 1993), 1.

¹⁷⁰ Kementerian Hal Ehwal Ugama, *Perkembangan Agama Kristian di Temburong*, (Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah, 1996), 3.

37,056 orang pada tahun 2001 kepada 40,534 orang pada tahun 2011. Ini merupakan satu kenaikan yang positif iaitu sebanyak 0.9%.¹⁷¹

Bangsa Cina merupakan bangsa kedua terbesar selepas bangsa Melayu. Ada pun Daerah Brunei Muara merupakan daerah yang menjadi tumpuan tempat tinggal kebanyakan bangsa Cina dengan jumlah seramai 26,632 orang iaitu lebih separuh dari jumlah keseluruhan bangsa tersebut. Manakala Daerah Belait mencatatkan seramai 11,215 orang dan Daerah Tutong seramai 2,454 orang. Hanya sedikit sahaja bangsa Cina yang direkodkan di Daerah Temburong iaitu seramai 233 orang.¹⁷²

b) Kepercayaan Masyarakat Cina

Secara umumnya, masyarakat Cina boleh menerima apa jua bentuk kepercayaan agama asalkan tidak menyimpang dari menyeru berbuat baik dan percaya kepada tuhan. Namun pada umumnya, kebanyakan mereka mengikut adat kepercayaan yang diwarisi oleh nenek moyang mereka sejak dulu lagi.¹⁷³

Bagi golongan bangsa Cina di Brunei Darussalam, kebanyakan mereka menganut agama Buddha. Ini dapat dilihat dari laporan banci penduduk yang merekodkan seramai 26,248 orang bangsa Cina menganuti agama Buddha manakala agama Kristian dianuti oleh seramai 8,355 orang bangsa Cina. Tidak dinafikan terdapat juga bangsa Cina yang memeluk agama Islam dan menjadikannya sebagai panduan tatacara kehidupan mereka

¹⁷¹ Laporan Banci Penduduk dan Perumahan (BPP) 2011, 14-15.

¹⁷² Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2011* (Brunei Darussalam: Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, 2012), 13.

¹⁷³ Hj Abd Kadir Leong, *Kehidupan Agama Orang Cina*, (Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, 2005), 1-2.

walaupun golongan yang beragama Islam ini adalah golongan minoriti dengan catatan 3,414 orang.¹⁷⁴

3.4.5 Lain-lain Bangsa

Lain-lain bangsa yang dimaksudkan ialah Filipina dan Thailand. Kebanyakan mereka adalah pendatang asing yang menetap di Brunei sebagai pekerja.

3.5 Pendekatan Dakwah Pusat Da'wah Islamiah Kepada *Non-Muslim*

Untuk memastikan dakwah Islam berjalan dengan lancar pendekatan yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan keadaan dan tempat. Pusat Da'wah Islamiah juga tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan pendekatan dakwah Islam di Brunei Darussalam. Antara pendekatan-pendekatan dakwah yang digunakan adalah:

3.5.1 Lisan (*Al-Qawl*)

Dakwah menggunakan lisan ini adalah pendekatan dakwah yang sering digunakan oleh para pendakwah. Percakapan yang digunakan hendaklah jelas, terang dan tidak mengandungi kesamaran ataupun keraguan oleh pendengar agar mesej dakwah itu sampai kepada mereka. Pusat Da'wah Islamiah juga tidak ketinggalan dalam menggunakan pendekatan dakwah ini. Antaranya:

a) Mudah

Pengambilan pendakwah yang pandai berbahasa Cina sebagai satu langkah permulaan agar kegiatan dakwah Islamiah kepada masyarakat Cina lebih cergas dan licin. Antara penda'wah tersebut ialah Ustaz Haji Abdul Kadir Leong yang mula berkhidmat pada awal tahun 1990 dan Ustaz Kamal Leong pada awal tahun 1991.

¹⁷⁴ Laporan Banci 2011, 122.

Menurut Ustaz Muhammad Asrul Nizam menyatakan bahawa perbezaan pertuturan bahasa antara daie dan mad'u merupakan salah satu faktor yang menyebabkan misi dakwah itu kurang berkesan. Oleh yang demikian, satu strategi yang digunakan oleh Pusat Da'wah Islamiah Brunei untuk mencapai keberkesanan dakwah Islam kepada *non-Muslim* ialah dengan mendatangkan pendakwah yang terdiri dari bangsa *non-Muslim* itu sendiri agar mudah memahamka ajaran-ajaran Islam kepada mereka.¹⁷⁵

Dalam perkara ini, Ustazah Hajah Siti Rasidah juga menyatakan bahawa dalam memudahkan ajaran-ajaran Islam difahami oleh sasaran dakwah dengan baik dan tepat, Pusat Da'wah Islamiah menitikberatkan bahasa yang digunapakai oleh golongan *non-Muslim*. Tidak syak lagi apabila disampaikan mesej dakwah itu dalam bahasa mereka sudah pasti memudahkan sasaran dakwah memahami perkara-perkara yang disampaikan oleh pendakwah.¹⁷⁶

b) Jelas

Mengadakan rancangan dalam Bahasa Mandarin juga adalah salah satu cara yang efektif untuk memberikan kefahaman yang jelas dan tepat kepada masyarakat Cina. Antara rancangan itu adalah 'Mengenal Islam' dan juga 'Sejarah Islam'. Pendekatan ini merupakan program da'wah mingguan yang dijalankan sepanjang tahun 2010 hingga 2016.

¹⁷⁵ Muhammad Asrul Nizam bin Haji Ahmad (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

¹⁷⁶ Hajah Siti Rasidah binti Haji Asmat (Pegawai Mubaligh, Unit Da'wah Temburong, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 21 November 2017.

I. 'Mengenal Islam'

Siaran ini adalah dalam bahasa Mandarin dan ianya berbentuk mingguan berepisod. Tujuannya adalah untuk memberikan kemudahan pengetahuan dan penjelasan kepada pendengar mengenai hukum-hakam yang terkandung dalam Islam. Rancangan ini disiarkan sepanjang tahun 2010-2016.

II. 'Sejarah Islam'

Siaran ini adalah dalam Bahasa Mandarin dan ia berbentuk mingguan berepisod. Tujuannya adalah untuk memberikan maklumat dan pedoman kepada pendengar mengenai sejarah Islam. Rancangan ini disiarkan sepanjang tahun 2010-2016.

Dalam temubual bersama Ustaz Mohammad Fathi Foad menjelaskan bahawa pada masa kini Pusat Da'wah membuat satu program khas dakwah Islam kepada masyarakat Cina di Negara Brunei Darussalam yang disiarkan dalam bahasa Mandarin. Strategi ini digunakan oleh Pusat Da'wah Islamiah Brunei agar masyarakat ini jelas memahami isi kandungan dakwah.¹⁷⁷


c) Peringatan

Ceramah yang bertujuan sebagai peringatan untuk memberi kefahaman tentang Islam kepada *non-Muslim*. Melalui program seperti ini mereka dapat mengetahui banyak perkara tentang Islam termasuk keraguan mahupun salahfaham mereka terhadap Islam.¹⁷⁸ Pusat Da'wah Islaiah menggunakan aktiviti ceramah sebagai salah satu metode yang menjelaskan tentang Islam. Aktiviti ini dilakukan sepanjang tahun 2010 hingga 2016.

¹⁷⁷ Mohammad Fathi Foad (Pegawai Ugama, Bahagian Media, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 24 Mac 2017.

¹⁷⁸ Penulis tidak diketahui, *Proses Dakwah Kepada Non Muslim Di Negara Brunei Darussalam*, 21.

Rajah 3.1: Kekerapan Aktiviti Ceramah Dakwah Pada Tahun 2010 hingga 2016



Sumber: Pusat Da'wah Islamiah Brunei Darussalam, 2017

Berdasarkan rajah di atas ini, didapati Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam lebih memfokuskan aktiviti ceramah sempena hari-hari kebesaran Islam seperti Awal Tahun Baru Hijrah, Maulud Nabi Muhammad SAW, Israk dan Mikraj dan sebagainya. Jumlah tertinggi ialah pada tahun 2010 dengan catatan 941 aktiviti ceramah.

Perkara ini bertepatan dengan keadaan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa memeriahkan dan membesarkan acara-acara kebesaran Islam dengan aktiviti-aktiviti keagamaan.

d) Berulang-ulang

Mengadakan siaran media yang berulang-ulang juga adalah salah satu cara yang efektif untuk memberikan kefahaman secara perlahan-lahan. Pendekatan ini merupakan program da'wah mingguan yang dijalankan sepanjang tahun 2010 hingga 2016. Antara rancangan-rancangan televisyen ialah:

I. ‘Fadhilat Sembahyang’

Rancangan ini berbentuk promo disiarkan setiap kali sebelum azan berkumandang. Objektifnya adalah untuk memberikan maklumat kepada penonton sama ada yang beragama Islam atau pun tidak. Rancangan ini bertujuan agar dapat menyalurkan maklumat mengenai fadhilat sembahyang melalui Hadith yang disiarkan sebelum dan selepas azan.

II. ‘Wardatul Islam’

Rancangan ini disiarkan secara ulangan, tiada rakaman baru dibuat. Tujuan rancangan ini dirakamkan agar dapat memberi maklumat kepada penonton mengenai ajaran dan pengetahuan Islam melalui ceramah dan isu semasa.

III. ‘Permata Iman’

Rancangan ini adalah nama baru bagi Rancangan Pedoman Aqidah. Rancangan ini berbentuk siaran mingguan, ia telah dirakam dengan format yang baru iaitu terdapat seorang Pengerusi, seorang Penceramah, Penonton, Soal Jawab sebanyak 2 soalan bagi setiap episode. Tujuan rancangan ini disiarkan agar dapat mengukuhkan dan memantapkan akidah umat Islam di negara ini, sekaligus menyalurkan maklumat Islam bagi mengelakkan dari terjebak kepada ajaran sesat. Juga, ingin membantu orang bukan Islam mengetahui dan memahami aqidah Islam.

IV. ‘Cinta Ilahi’

Rancangan ini adalah nama baru bagi Rancangan al-Islam. Rancangan ini juga disiarkan dalam bentuk mingguan. Objektif rancangan ini disiarkan adalah untuk menarik dan meningkatkan minat orang ramai termasuk *non-muslim* dan golongan

terpelajar yang kurang memahami Bahasa Melayu supaya mereka berjinak-jinak dengan ajaran Islam dengan cara mengikuti rancangan-rancangan keagamaan dalam Bahasa Inggeris di televisyen. Rancangan ini juga dihasratkan agar menjadi salah satu wadah dalam bentuk pemahaman ilmu agama supaya audiens tahu mengenai ajaran-ajaran Islam sebenar terutama tentang kesedaran hidup beragama yang aman, damai dan harmoni.

Antara rancangan-rancangan radio pula ialah:

V. 'Majalah Ugama'

Rancangan ini dilaksanakan dalam bentuk mingguan berepisod. Ia disiarkan melalui rangkaian Nasional sepanjang tahun 2010-2016. Rakamannya dijalankan di Studio Radio Pusat Da'wah Islamiah.

VI. 'Bimbingan Agama'

Rakaman ini dilaksanakan dalam bentuk mingguan berepisod dan disiarkan dalam rangkaian Nur Islam, pada setiap hari Selasa sepanjang tahun 2010-2016.

VII. 'Tafsir Al-Qur'an'

Rakaman ini juga dilaksanakan dalam bentuk mingguan berepisod dan disiarkan dalam rangkaian Nur Islam, pada setiap hari Selasa sepanjang tahun 2010-2016.

3.5.2 Penulisan (*Al-Kitabah*)

Pendakwah haruslah menghasilkan penulisan dengan menggunakan bahasa yang mudah dan senang untuk difahami, makna yang jelas. Pusat Da'wah Islamiah juga ada menggunakan dakwah penulisan ini akan tetapi belum ada penerbitan majalah dakwah

Islam yang khusus kepada *non-Muslim*. Salah satu bentuk penulisan dakwah yang dihasilkan pusat ini ialah penghasilan majalah Al-Huda. Majalah diterbitkan dalam bentuk bulanan dan ini merupakan satu usaha dakwah Islam ditujukan kepada semua penduduk di Negara Brunei Darussalam yang beragama Islam atau tidak.

Ustaz Mohammad Fathi Foad menjelaskan bahawa dakwah melalui penulisan merupakan salah satu pendekatan dakwah yang digunakan oleh Pusat Da'wah Islamiah Brunei. Namun pada masa ini dakwah melalui penulisan dalam pelbagai bahasa masih ditahap yang rendah.¹⁷⁹

Ustazah Hajah Siti Rasidah juga menyatakan bahawa pendekatan bil kitabah ini tidak dapat digunakan secara meluas kepada sasaran dakwah khasnya bagi golongan yang tidak ada pendidikan sekolah. Hal ini biasanya didapati dari kalangan mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Oleh yang demikian, penggunaan dakwah melalui penulisan ini kurang digunakan dikhuatiri sasaran dakwah salah faham dalam memahami mesej atau teks dakwah yang ditulis.¹⁸⁰

3.5.3 Teladan (*Al-Hal*)

Kunjungan ke rumah-rumah *non-Muslim* dengan tujuan untuk menghubungkan persahabatan, berkenal-kenalan, berbincang kemudian sedikit demi sedikit terus menyalurkan da'wah Islamiah secara terbuka. Sebelum mengadakan kunjungan ini Pusat Da'wah Islamiah terlebih dahulu meminta keizinan dan menetapkan tarikh kedatangan mereka. Dengan cara ini menunjukkan sikap yang sangat baik sekaligus menzahirkan

¹⁷⁹ Mohammad Fathi Foad (Pegawai Ugama, Bahagian Media, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 24 Mac 2017.

¹⁸⁰ Hajah Siti Rasidah binti Haji Asmat (Pegawai Mubaligh, Unit Da'wah Temburong, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 21 November 2017.

peribadi pendakwah itu. Akhlak yang ditonjolkan secara tidak langsung melambangkan agama Islam itu sendiri. Penonjolan dan pembawaan imej Islam yang baik ini haruslah dikekalkan agar dapat menarik mereka untuk mempelajari corak kehidupan sebagai seorang Islam¹⁸¹.

3.5.4 Harta (*Al-Mal*)

Dakwah menggunakan cara ini adalah pendekatan dakwah yang berkesan secara positif. Penggunaan pendekatan berbentuk material secara wajar dapat dijadikan sebagai titik tolak bagi pembinaan hubungan mesra di antara pendakwah dengan sasarannya yang berasaskan kepada percaya mempercayai dan kerelaan memberi dan menerima. Pusat Da'wah Islamiah juga tidak ketinggalan dalam menggunakan pendekatan dakwah ini sama ada kepada orang yang belum memeluk agama Islam atau saudara-saudara baru dengan wang tunai mahupun benda, kemudahan perumahan, dan sebagainya¹⁸².

Antaranya:

a) Menarik/Tarikan

Menghulurkan bantuan berbentuk kebajikan seperti pemberian keperluan asasi, bergotong-royong dalam membina rumah. Kegiatan ini sekurang-kurangnya dilakukan sekali sebulan.

b) Berperingkat-peringkat

Membuat lawatan berperingkat-peringkat seperti aktiviti Ziarah Da'wah Pedalaman dan Ziarah Da'wah Bandar, lawatan ke kedai, sekolah dan pejabat-pejabat *non-Muslim*.


¹⁸¹ Haji Mohd. Amin bin Haji Abdul Rahim, *Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam*, (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011), 104-105.

¹⁸² Haji Mohd. Amin bin Haji Abdul Rahim, *Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam*, (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011), 30-31.

Selain dari itu Pusat Da'wah Islamiah mengadakan Lawatan Muhibbah ke tempat perkilangan, kedai-kedai dan syarikat syarikat yang dimiliki oleh bangsa Cina ataupun tempat-tempat yang mempunyai bilangan pekerja yang ramai terdiri dari bangsa Cina.

Kunjungan ke rumah-rumah *non-Muslim* dengan tujuan untuk menghubungkan persahabatan, berkenal-kenalan, berbincang kemudian sedikit demi sedikit terus menyalurkan da'wah Islamiah secara terbuka. Pusat Da'wah Islamiah juga mengadakan sukan muhibbah di antara ahli-ahli Pusat Da'wah Islamiah dengan masyarakat pedalaman, khusus yang penduduknya majoriti terdiri dari masyarakat *non-Muslim*. Kegiatan ini dilakukan sekurang-kurang dua kali sebulan.¹⁸³ Pendekatan ini merupakan program rutin yang dilakukan sepanjang tahun 2010 hingga 2016:

Rajah 3.2: Kekerapan Aktiviti Ziarah Dakwah Pada Tahun 2010 hingga 2016



Sumber: Pusat Da'wah Islamiah Brunei Darussalam, 2017.

¹⁸³ Hj Abd Aziz Hj Abd Kahar (Pemangku Pengarah, *Pusat Da'wah Islamiah*) dalam temubual dengan pengkaji, 11 Disember 2012, Jam 11.00 pagi.

Rajah di atas ini menunjukkan kekerapan aktiviti ziarah dakwah yang dilaksanakan oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam sama ada ke kawasan pedalaman atau kawasan bandar dari tahun 2010 hingga 2016.

Bermula 2012 jelas menunjukkan bahawa Pusat Dakwah Islamiah Negara Brunei Darussalam lebih memfokuskan dakwah kepada orang yang tinggal di kawasan pedalaman berbanding kawasan bandar.

Perkara ini turut dijelaskan oleh Ustazah Hajah Ruzaimah Haji Ibrahim¹⁸⁴ bahawa fokus ziarah dakwah ke kawasan pedalaman adalah atas sebab faktor kurangnya orang yang beragama Islam tinggal di sekeliling mereka. Adapun kawasan bandar mereka mudah terdedah dengan tatacara kehidupan orang Islam.

3.6 KESIMPULAN

Setentunya dalam suasana orang Islam di Negara Brunei Darussalam menikmati kehidupan bersama *non-Muslim*, usaha-usaha dakwah Islam kepada golongan ini tidak diabaikan. Dalam perkara ini, Pusat Da'wah Islam Brunei menjadi badan yang menggerakkan usaha dakwah kepada mereka. Pelbagai usaha dakwah telah dilaksanakan kepada *non-Muslim* sejak Pusat Da'wah ini beroperasi. Tidak dinafikan juga bahawa banyak impak positif dan kemajuan yang diperolehi oleh Negara Brunei Darussalam khususnya dari sudut menegakkan dan menyebarkan ajaran-ajaran Islam. Justeru, dapat disimpulkan bahawa Pusat Da'wah Islamiah Brunei memainkan peranan yang amat besar dan penting dalam pembangunan dan memartabatkan syiar-syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

¹⁸⁴ Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim (Pegawai Perkembangan, Bahagian Kajian Dan Penyelidikan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 7 Jun 2017, Jam 12.30 tengahari.

**BAB 4: MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PUSAT DA'WAH
ISLAMIAH DALAM PELAKSANAAN PENDEKATAN DAKWAH ISLAM
KEPADA *NON-MUSLIM* DI BRUNEI DARUSSALAM**

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji menghuraikan dan membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji tentang masalah-masalah pelaksanaan pendekatan dakwah Islam kepada *non-Muslim* di Negara Brunei Darussalam. Bagi mendapatkan data bagi tujuan analisis, pengkaji telah menemubual beberapa orang pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam pada bulan Mac hingga Jun 2017.

4.2 Masalah Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Pusat Da'wah Islamiah

Pada zaman yang kian rancak membangun ini banyak masalah yang dihadapi oleh dakwah sekarang tidak kira dari sudut pendakwah dan sasaran dakwah tidak kira sama ada orang Islam atau *non-Muslim*.¹⁸⁵ Masalah-masalah ini tidak terlepas dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam dalam menjayakan dan melaksanakan tugas-tugas dakwah khususnya kepada *non-Muslim*.

Dr.Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni¹⁸⁶ ada menyebutkan di dalam kitabnya permasalahan dakwah itu terbahagi kepada dua bahagian, dan dalam setiap bahagian itu melalui temubual pengkaji dengan informan kajian yang terdiri dari pegawai-pegawai Pusat Da'wah Islamiah, mendapati masalah-masalah utama pendekatan pelaksanaan dakwah kepada *non-Muslim* terdiri dari 4 sudut iaitu pendakwah, medium dakwah, sasaran dakwah dan strategi dakwah.

¹⁸⁵ Abd Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 235.

¹⁸⁶ Muhammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, (Beirut: Al-Risalah), 345.

4.2.1 Masalah Dalam

Masalah dalam ialah permasalahan yang timbul daripada pendakwah itu sendiri sama ada dari segi kefahaman dakwah, pendekatan dakwah yang digunakan dan juga gaya bahasa. Setentunya tenaga pendakwah memainkan peranan yang sangat penting dalam menyebarkan syiar Islam khususnya kepada *non-Muslim*.

Berdasarkan temu bual individu separa berstruktur, pengkaji telah mengenal pasti beberapa masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam. Di antara masalah-masalah yang diperolehi ialah:

a) Pendakwah

I. Kurang Tenaga Pendakwah

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam salah satu masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islam ialah kekurangannya tenaga pendakwah.

Menurut Ustaz Muhammad Asrul Nizam, salah satu faktor yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam ialah kurangnya tenaga pendakwah khususnya dalam menjalankan penyebaran dakwah kepada *non-Muslim*. Beliau juga menjelaskan bahawa kekurangan tenaga pendakwah ini mengakibatkan kesanggupan para pendakwah ini untuk memasuki ke kawasan pedalaman, iaitu tempat tinggal sasaran dakwah, adalah terbatas.¹⁸⁷

“Menjadi satu kepayahan (kesusahan) bagi pendakwah kitani kan (untuk) berdakwah ke kawasan pedalaman pasal (kerana) kitani (kita) inda (tidak) banyak

¹⁸⁷ Muhammad Asrul Nizam bin Haji Ahmad (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

pendakwah...dan jua (juga) pasal (kerana) inda banyak pendakwah ani (ini) tah (lah) terbatas kesanggupan dorang (mereka) kan (pergi) ke kawasan pedalaman atu (itu)...”

Perkara ini dapat dilihat dari sudut pendakwah yang menyebarkan dakwah kepada *non-Muslim* yang terdiri dari bangsa Cina, puak Iban dan Dusun di Negara Brunei Darussalam adalah terdiri dari pendakwah atau orang yang sama sahaja.¹⁸⁸

Ustazah Hajah Ruzaimah juga menyatakan bahawa tenaga pendakwah yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam berdakwah tidak ramai. Perkara ini menyebabkan proses menyebarkan dakwah Islam kepada golongan *non-Muslim* di Negara Brunei Darussalam lambat berkembang.¹⁸⁹

“Pendakwah orang kitani (kita) yang ada banyak pengalaman berdakwah ani (ini) alum (belum) lagi ramai...iatah puncanya penyebaraan dakwah atu (itu) lambat kan (hendak) berkembang...”

Hal ini turut sama dipersetujui oleh Ustazah Norhayati¹⁹⁰ dan juga Ustazah Norwana.¹⁹¹

Ringkasnya, hasil kajian mendapati isu kekurangan tenaga pendakwah khususnya kepada *non-Muslim* merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam. Dari pengamatan pengkaji ketika membuat temubual bersama informan kajian juga didapati kebanyakan pendakwah kepada *non-Muslim* adalah dari orang yang sama. Perkara ini sudah setentunya boleh menjejaskan

¹⁸⁸ Muhammad Asrul Nizam bin Haji Ahmad (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

¹⁸⁹ Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim (Pegawai Perkembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 7 Jun 2017.

¹⁹⁰ Norhayati binti Haji Abd Rahman (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 20 Jun 2017.

¹⁹¹ Norwana binti Haji Emran (Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 20 Jun 2017.

rancangan dakwah Islam kepada *non-Muslim* yang berlainan latarbelakang dan kepercayaan.

II. Penguasaan Bahasa Sasaran Dakwah

Penguasaan bahasa menjadi elemen penting dalam menyampaikan keberkesanan sesuatu mesej. Begitu juga halnya dalam berdakwah, penggunaan dan penguasaan bahasa sasaran dakwah menjadi faktor penting dalam menyebarkan kefahaman isi dakwah Islam.

Profesor Doktor Wahabah Al-Zuhaili menjelaskan bahawa jika seorang pendakwah itu gagal mengetahui bahasa golongan yang hendak didakwah, akan menjadi sukar baginya untuk memahami kebudayaan mereka dan mengadakan perbincangan, perdebatan dan menjalankan gerakan dakwah. Lebih parah lagi tanpa pengetahuan bahasa mereka ini, boleh mengakibatkan ditipu dan mendapatkan kejahatan dari masyarakat tersebut.¹⁹²

Menurut Ustazah Nur Hikmah bahawa di Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam kepakaran pendakwah dalam menguasai pelbagai bahasa khususnya bahasa sasaran dakwah adalah kurang. Perkara ini dapat dilihat dari keramaian pendakwah di Pusat Da'wah yang kebanyakannya terdiri pendakwah yang pandai berbahasa Melayu sahaja.¹⁹³

“Yang pastinya tu (itu) kurang penguasaan bahasa sasaran dan jua (juga) ilmu perbandingan agama atu (itu)...”

Perkara ini juga turut dijelaskan oleh Ustazah Dk Ida Fariani bahawa antara faktor masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah pada masa ini ialah kurangnya

¹⁹² Wahbah Al-Zuhaili, *Kewajipan Memahami Bukan Islam Tentang Islam*, terj. Dr. Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari, (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2004), 89.

¹⁹³ Nur Hikmah Hj Idris (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

menggunakan bahasa sasaran dakwah ketika berdepan dengan mereka dalam mengongsikan tentang ajaran-ajaran Islam.¹⁹⁴

“Secara peribadi... dari sudut pendakwah... masalah yang dihadapi ialah kekangan bahasa, pengetahuan yang luas dalam perbandingan agama...”

Hal yang sama turut dijelaskan oleh Ustazah Hajah Noraini yang menyatakan kefasihan kepelbagaian bahasa dalam menyebarkan dakwah Islam adalah satu aspek penting namun di Pusat Da’wah Islamiah Negara Brunei Darussalam, perkara penguasaan bahasa ini adalah ditahap yang masih tidak memuaskan.¹⁹⁵

“Bagi saya perlu tah (sangat perlu) ada ilmu dakwah dan kefasihan berbagai bahasa...”

Ustazah Latifah juga menyatakan perkara yang sama mengenai masalah penguasaan bahasa sasaran dakwah di kalangan pendakwah Negara Brunei Darussalam.¹⁹⁶

“Pendakwah...dorang (mereka) kurang dalam memahami bahasa yang kan (hendak) di dakwah..”

Hal ini juga dapat dilihat dari sudut pendakwah yang ada di Pusat Da’wah Islamiah pada masa ini yang mahir dalam bahasa Cina hanya ada seorang sahaja iaitu Ustaz Kamal Leang bin Abdullah. Perkara ini juga turut disokong oleh Ustazah Hajah Nazilah.¹⁹⁷

Kesimpulannya, hasil kajian melalui temubual pengkaji bersama informan kajian mendapati kebanyakan mereka menyatakan bahawa penguasaan bahasa sasaran dakwah

¹⁹⁴ Dk Ida Fariani binti Pg Haji Kamaluddin (Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da’wah, Pusat Da’wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Jun 2017.

¹⁹⁵ Hajah Noraini binti Haji Saman (Pegawai Ugama, Bahagian Penyebaran Da’wah, Pusat Da’wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 21 Jun 2017.

¹⁹⁶ Latifah binti Haji Ismail (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penyelidikan, Pusat Da’wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 8 Jun 2017.

¹⁹⁷ Hajah Nazilah binti Haji Kula (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penyelidikan, Pusat Da’wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 8 Jun 2017.

bagi pendakwah di Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam masih kurang dan belum memuaskan. Oleh yang demikian, perkara mengenai penguasaan bahasa sasaran dakwah merupakan masalah yang begitu ketara di Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam. Perkara sebegini setentunya boleh menyebabkan penerimaan sasaran dakwah kepada ajakan agama Islam kurang mendapat perhatian mereka. Di samping itu juga, kurang mahir dalam pertuturan bahasa sasaran dakwah juga boleh menyukarkan memahamkan mereka terutama sekali golongan tua dan golongan tidak mempunyai latar belakang yang berpendidikan tinggi.

III. Kemahiran Ilmu Dakwah

Kemahiran dalam berdakwah merupakan salah satu aspek penting dalam menjayakan misi berdakwah. Perkara ini harus dititik berat oleh institusi dakwah jika mahu dakwah Islam itu tersebar meluas di sesebuah negara.

Ustazah Dk Ida Fariani menjelaskan bahawa salah satu masalah yang ada dalam kalangan pendakwah Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam ialah kurangnya pengetahuan yang luas dalam perbandingan agama.¹⁹⁸

“Secara peribadi... dari sudut pendakwah... masalah yang dihadapi ialah kekangan bahasa, pengetahuan yang luas dalam perbandingan agama...”

Hal yang sama juga dinyatakan oleh Ustazah Nur Hikmah dalam masalah ini.¹⁹⁹

“Yang pastinya tu (itu) kurang penguasaan bahasa sasaran dan jua (juga) ilmu perbandingan agama itu (itu)... kekurangan ilmu psikologi one of lah tu ah (salah satu) dalam kalangan pendakwah. Dan jua (juga) kemahiran bercakap dapan (dikhlayak)

¹⁹⁸ Dk Ida Fariani binti Pg Hj Kamaluddin (Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Jun 2017.

¹⁹⁹ Nur Hikmah Hj Idris (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

orang ramai (public speaking) menjadi satu masalah dalam kalangan pendakwah di Pusat Da'wah Islamiah...”

Setentunya masalah kurangnya kemahiran ilmu dakwah khusus dari aspek ilmu perbandingan agama boleh menjejaskan misi dakwah. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Dato Seri Setia Dr Haji Amin dalam bukunya bahawa adalah perkara mustahak bagi pendakwah untuk mengutamakan isu atau subjek perbandingan agama. Dengan mengenali agama sasaran dakwah, pendakwah dapat membincangkan titik persamaan dalam agama ketika berdakwah kepada *non-Muslim*.²⁰⁰

Dalam satu kajian yang telah dijalankan kepada *non-muslim* di Negara Brunei Darussalam telah mendapati salah satu faktor penolakan *non-Muslim* di Negara Brunei Darussalam ialah kurangnya kemahiran pendakwah dalam menerangkan tentang ajaran-ajaran Islam dengan lebih mendalam dan padat. Ini menyebabkan keyakinan mereka terhadap kebenaran Islam tidak begitu tinggi.²⁰¹

Selain itu juga, Ustazah Nur Hikmah berpendapat bahawa kekurangan ilmu psikologi dalam kalangan pendakwah merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam. Salah satu aspek ilmu psikologi yang dimaksudkan ialah melaksanakan dakwah Islam tanpa dipengaruhi oleh sentimen dan emosi yang tidak baik.²⁰² Setentunya pembawaan pemikiran yang negatif dalam diri seorang pendakwah ketika berdakwah kepada golongan *non-Muslim* boleh menggagalkan perancangan dakwah yang diatur.

²⁰⁰ Haji Mohd Amin Bin Haji Abd Rahim, *Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 106.

²⁰¹ Mohammad Redzuan Bin Meludin, *Persepsi Masyarakat Cina Terhadap Masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam*, (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015), 100.

²⁰² Nur Hikmah Hj Idris (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

Ustazah Nur Hikmah juga menyuarakan bahawa kemahiran dalam bercakap dikhalayak ramai (*public speaking*) menjadi satu masalah dalam kalangan pendakwah di Pusat Da'wah Islamiah. Sikap malu dan tidak berkeyakinan diri ketika berdakwah akan menjadikan kebenaran Islam samar-samar dan tidak jelas pada pemikiran sasaran dakwah.²⁰³ Perkara sebegini semestinya berlaku jika persediaan dan perancangan dakwah kepada golongan yang hendak didakwah belum cukup mantap dan teratur.

Ustaz Mohd Fathi Foad juga turut menyokong hal ini dengan menyuarakan bahawa kemahiran ilmu dakwah diantara golongan *Muslim* dan *non-Muslim* tidak boleh disamakan. Ini disebabkan dakwah kepada orang *Muslim* lebih kepada pembaikan adapun dakwah kepada *non-Muslim* lebih kepada ajakan memeluk agama Islam. Setentunya dua fokus utama ini terhasil dari strategi yang berbeza. Oleh itu pendakwah hendaklah mahir dalam membezakan strategi yang hendak digunakan bagi menjayakan misi dakwah Islam.²⁰⁴

“Berdakwah kepada Muslim dan non-Muslim ani ada bezanya..Muslim lebih kepada islah (pembaikan) kalau non-Muslim lebih kepada ajakan...Jadi pendakwah itu (itu) mesti ia (pendakwah) mahir strategi mana yang patut dan sesuai dipakai (digunakan)...”

Melalui dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa pendakwah di Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam tidak terlepas dari masalah kekurangan kemahiran dalam ilmu-ilmu yang perlu mahir dalam diri seorang pendakwah seperti ilmu perbandingan agama, ilmu psikologi dan kemahiran *public speaking*.

b) Medium Dakwah

²⁰³ Nur Hikmah Hj Idris (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

²⁰⁴ Mohd Fathi Foad (Pegawai Ugama, Bahagian Media, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 24 Mac 2017.

I. Kepelbagaian Medium Dakwah

Dalam dunia yang serba moden ini kepelbagaian medium dakwah hendaklah digunakan sebaiknya bagi memastikan dakwah Islam tersebar meluas. Di Negara Brunei Darussalam khususnya Pusat Da'wah Islamiah selaku nadi kerajaan dalam menyebarkan syiar Islam tidak terlepas dari memaksimumkan penggunaan medium dakwah yang ada. Namun tidak dinafikan terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah dari sudut medium dakwah ini.

Ustaz Muhd Asrul Nizam menyatakan bahawa Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam menggunakan pelbagai medium dakwah yang ada, namun kepelbagaian medium dakwah ini tidak luas digunakan untuk berdakwah kepada *non-Muslim*. Medium yang digunakan untuk golongan ini ialah kebiasaannya dengan mengunjungi sasaran dakwah. Ada pun medium dakwah dari segi penulisan kurang dipraktikkan.²⁰⁵

“Banyak sebenarnya...tapi iatah yang malar (sering) dibuat jenis kunjungam muhibbah sama (dan) ziarah... “

Hal yang sama turut dijelaskan oleh Ustazah Hajah Noraini yang menyatakan bahawa secara kunjungan adalah medium dakwah yang paling kerap dilakukan.²⁰⁶

“Kami membuat lawatan ke rumah-rumah non-Muslim...sambal-sambil atu (itu) bersuai kenal...sama (dan) bertanya pasal (perihal) keluarga dorang (mereka)...”

Ustazah Hajah Ruzaimah turut menjelaskan ketika ditemubual bahawa medium dakwah yang sering dijalankan adalah lawatan ke rumah-rumah *non-Muslim*.²⁰⁷

²⁰⁵ Muhammad Asrul Nizam bin Haji Ahmad (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

²⁰⁶ Hajah Noraini binti Haji Sama (Pegawai Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 21 Jun 2017.

²⁰⁷ Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim (Pegawai Perkembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 7 Jun 2017.

“Berziarah dan melakukan lawatan sekaligus memberikan bantuan peralatan seperti generator, mengadakan ramah mesra, dan bergotong-royong sebagai satu usaha untuk menjinakkan mereka sebelum didakwah...”

Hal yang sama turut disokong oleh Ustazah Latifah.²⁰⁸

“Membuat lawatan ke kawasan pedalaman, sambil atu (itu)... ada bantuan jua lah seperti keperluan harian, bantuan kewangan dan jua kemudahan peralatan seperti generator, tangka air...mesin rumput..mesin menuai dan lain-lain...”

Pada pengamatan pengkaji ketika menemubual dengan informan kajian yang terdiri dari pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam, hampir kesemua mereka hanya memfokuskan satu medium dakwah sahaja iaitu metode mengunjungi sasaran dakwah. Hasil dari temubual ini dapat dikatakan kepelbagaian metode berdakwah yang digunakan oleh Pusat Da'wah Islamiah kepada *non-Muslim* tidak begitu meluas.

II. Penguasaan Teknologi Masa Kini

Zaman kini berada dalam persekitaran serba maju lebih-lebih lagi kemunculan pelbagai teknologi komunikasi yang dikaitkan dengan komputer dan satelit. Justeru pendakwah memang perlu celik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).²⁰⁹

Menurut Ustaz Muhd Asrul Nizam salah satu aspek yang menjadikan pendekatan dakwah Islam kepada golongan *non-Muslim* di Negara Brunei Darussalam kurang memberangsangkan ialah kurangnya kemahiran dalam penggunaan teknologi masa kini. Hal ini disebabkan pendakwah takut pemahaman *non-Muslim* terhadap Islam disalah

²⁰⁸ Latifah binti Haji Ismail (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penyelidikan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 8 Jun 2017.

²⁰⁹ Zulkiple Abd Ghani, *Dakwah Dalam Era Siber Di Malaysia*, (Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 2010), 21.

ertikan kerana golongan ini dikhuatiri salah memberi erti maksud yang ingin disampaikan dan untuk menjaga sensitiviti agama lain.²¹⁰

“Kebanyakan pendakwah kitani (kita) jarang kan makai (menggunakan) yang canggih-canggih (teknologi masa kini, ICT) ani (ini), dorang (mereka) lebih selesa ataupun barangkali (berkemungkinan) sudah terbiasa berdakwah eye-to-eye (berdepanan)...dan jua ditakuti penyampaian dakwah atu (itu) tersalah erti jadi untuk mengelak kejadian cematu (itu) inda (tidak) cuba untuk mengambil risiko besar..”

Perkara ini turut disokong oleh Ustaz Mohd Fathi Foad yang menjelaskan bahawa penggunaan teknologi masakini memang ada digunakan akan tetapi kurang dipraktikkan untuk menyampaikan kepada golongan *non-Muslim*. Dalam radio misalnya, ajaran-ajaran Islam ada disiarkan melalui radio tetapi lebih fokus kepada orang yang beragama Islam. Ini bermaksud dakwah Islam kepada *non-Muslim* dengan cara tidak langsung (*indirect*) sahaja. Beliau juga menambah bahawa *facebook* merupakan salah satu platform yang besar untuk menyebarkan Islam khususnya kepada golongan *non-Muslim*. Namun perkara ini belum lagi dititik beratkan oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam kerana takut akan menimbulkan kekacauan jika tidak mahir dalam berdakwah teknologi sebegini.²¹¹

“Seperti yang kitani tau (tahu), rancangan radio berbentuk islamik hanya tertumpu pada satu rangkaian saja (sahaja) iaitu rangkaian Nur Islam. Dah tantu (sudah tentu) golongan non-muslim inda (tidak) berminat kan (hendak) mendengar (dengar) rangkaian ani (ini). Kalau dangar (dengar) di rangkaian yang lain yang berbentuk hiburan unsur

²¹⁰ Muhammad Asrul Nizam bin Haji Ahmad (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

²¹¹ Mohd Fathi Foad (Pegawai Ugama, Bahagian Media, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 24 Mac 2017.

dakwah islam hanya sedikit alum (belum) cukup...seperti yang ada tazkirah sebelum azan dan selepas azan...masani kitani (kita) ada sudah facebook PDI tapi medium ani (ini) penggunaannya masih lagi alum (belum) meluas...”

Ustazah Hajah Ruzaimah juga memberikan jawapan yang sama, penguasaan teknologi masih kurang dan belum dilakukan secara meluas, hal yang sedemikian mungkin menjadi sebab kenapa penyampaian dakwah Islam lambat untuk menembusi sasaran dakwah masakini. Terdapat pembentukan imej sosial yang baru iaitu mereka yang menguasai ICT dianggap golongan yang mempunyai banyak kelebihan.²¹²

“PDI mungkin kekurangan penguasaan IT dan media baru untuk menyampai dakwah yang lebih efektif...”²¹³

Hal ini juga turut disokong oleh Ustazah Nur Hikmah,²¹⁴ Ustazah Norhayati²¹⁵ dan juga Ustazah Dk Ida Fariani²¹⁶ masing-masing menekankan agar penguasaan teknologi masa kini dapat diberikan keutamaan sewajarnya supaya penyampaian dakwah Islam akan lebih cepat tersebar dalam masa yang semakin cepat berlalu ini.

Ringkasnya, hasil kajian membuktikan bahawa penggunaan teknologi masa kini kurang dipraktikkan oleh para pendakwah di Negara Brunei Darussalam terutama sekali dalam berdakwah kepada golongan *non-Muslim*. Keadaan ini adalah disebabkan dikhuatiri akan menimbulkan salah faham terhadap ajaran-ajaran Islam jika kemahiran

²¹² Zulkiple Abd Ghani, *Dakwah Dalam Era Siber Di Malaysia*, 21.

²¹³ Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim (Pegawai Perkembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 7 Jun 2017.

²¹⁴ Nur Hikmah Hj Idris (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

²¹⁵ Norhayati binti Haji Abd Rahman (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 20 Jun 2017.

²¹⁶ Dk Ida Fariani binti Pg Hj Kamaluddin (Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Jun 2017.

dalam penggunaan teknologi masakini belum lagi mendalam. Pendakwah pelapis khususnya di kalangan generasi muda perlu diperkukuhkan akidah dan keupayaan bersaing bagi membentuk dunia baru yang lebih selamat.²¹⁷

c) Sasaran Dakwah

Agama Islam adalah agama universal yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW kepada seluruh umat manusia. Di Negara Brunei Darussalam ajaran agama Islam sering dititik beratkan oleh kerajaan untuk disebarakan lebih-lebih kepada *non-Muslim*. Walaupun bermacam-macam kegiatan dakwah sering dirancang dan dilaksanakan kepada golongan ini, institusi dakwah khususnya Pusat Da'wah Islamiah tidak terlepas dari menghadapi masalah-masalah sasaran dakwah antaranya ialah:

I. Kepercayaan *non-Muslim*

Dato Seri Setia Dr Haji Mohd Amin menerangkan salah satu masalah yang seringkali dihadapi oleh pendakwah ketika melaksanakan tugas dakwah ialah sasaran dakwah sukar untuk menerima agama Islam disebabkan kepercayaan yang kuat kepada agama mereka. Ini kerana mereka sudah terbiasa dan selesa dengan agama yang mereka anuti selama ini. Mereka berpendapat beragama Islam atau tidak adalah sama sahaja dari sudut bahawa semua agama bermatlamatkan kebaikan dari segala aspek kehidupan.²¹⁸

Ustaz Muhammad Asrul Nizam menyokong fakta ini dengan menyatakan bahawa masalah kepercayaan agama yang sudah lama sebatu dalam diri sasaran merupakan salah satu masalah yang menyebabkan mereka tidak mahu menerima agama Islam.²¹⁹

²¹⁷ Zulkiple Abd Ghani, *Dakwah Dalam Era Siber Di Malaysia*, 22.

²¹⁸ Haji Mohd Amin Bin Haji Abd Rahim, *Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 51.

²¹⁹ Muhammad Asrul Nizam bin Hj Ahmad (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penerbitann Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 23 Mac 2017

“Puak Murut tah (ialah) yang paling payah (susah) kan (untuk) kami ampiri (dekati)...kuat pegangan dorang (mereka) arah (pada) agama nenek moyang terdahulu”

Ustazah Norwana juga ada menyebutkan hal ini ketika ditemubual oleh pengkaji. Mereka kurang berminat untuk mendengar tentang dakwah Islam yang ingin disampaikan. Mereka berpendapat bahawa ajaran Islam dan juga ajaran agama mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu mengajak kepada melakukan kebaikan dan menjauhi segala kejahatan.²²⁰

“Dorang (mereka) inda (tidak) berapa mau (mahu) mendengar (mendengar) pasal (akan) dakwah Islam sebab bagi dorang (mereka) ajaran Islam dan ajaran mereka sama saja...menyuruh buat baik...jauhi perkara yang inda (tidak) baik...”

Turut sama mempersetujui akan hal ini ialah Ustazah Hajah Noraini dengan menyatakan bahawa mereka lebih cenderung kepada agama yang sekian lama mereka anuti dan merasa selesa dengan keadaan mereka. Kepercayaan yang sangat kuat lebih-lebih lagi golongan mereka yang sudah tua.²²¹

“Orang yang paling payah (susah) kan (hendak) di dakwah ialah orang tua...”

Dalam hal yang sama Ustazah Latifah,²²² Ustazah Nur Hikmah²²³ dan juga Ustaz Mohd Fathi Foad²²⁴ turut menyokong bahawa kepercayaan *non-Muslim* terhadap agama anutan mereka adalah sangat kuat.

²²⁰ Norwana binti Haji Emran (Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 20 Jun 2017.

²²¹ Hajah Noraini binti Haji Sama (Pegawai Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 21 Jun 2017.

²²² Latifah binti Haji Ismail (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penyelidikan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 8 Jun 2017.

²²³ Nur Hikmah Hj Idris (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

²²⁴ Mohd Fathi Foad (Pegawai Ugama, Bahagian Media, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 24 Mac 2017.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam dari sudut sasaran dakwah ialah kesukaran golongan *non-Muslim* dalam menerima ajaran-ajaran Islam. Sememangnya masalah sebegini memerlukan usaha dakwah yang gigih dan keras dari para pendakwah di Negara Brunei Darussalam.

II. Tidak Mahu Bergaul

Menjalinkan hubungan dengan sasaran dakwah merupakan salah satu strategi dakwah yang diguna pakai oleh Pusat Dakwah Islamiah di Negara Brunei Darussalam dalam mengajak *non-Muslim* kepada agama Islam.²²⁵ Namun begitu, tidak semua golongan ini dapat bergaul mesra dengan pendakwah yang datang mengunjungi mereka.

Misalnya, puak Murut mempunyai kecenderungan untuk membuat perkampungan mereka sendiri yang tidak bercampur dengan puak lain untuk mengekalkan tradisi 'masyarakat tertutup' dan hubungan kekeluargaan yang rapat yang mereka amalkan sejak dahulu lagi.²²⁶ Hal ini sudah pasti menyukarkan bagi para pendakwah untuk melaksanakan tugas dakwah kepada mereka.

Masalah seperti ini dijelaskan oleh Ustazah Hajah Ruzaimah yang menyatakan bahawa sebilangan orang yang didakwah tidak/kurang memberikan layanan ketika kunjungan Pusat Da'wah Islamiah ke kawasan mereka dibuat.²²⁷

"Boleh saja... pendakwah kitani (kita) datang mengatok (mengetuk) pintu rumah dorang (mereka)...diam saja inda (tidak) kana (kena) bukai (dibukakan) pintu..."

²²⁵ Haji Mohd Amin Bin Haji Abd Rahim, *Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 104.

²²⁶ Brunei, Jabatan Muzium-Muzium, *Sejarah Kedatangan Islam ke Brunei, Pameran Sejarah Perkembangan Islam di Brunei Darussalam*, 1982:2, Ms 5

²²⁷ Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim (Pegawai Perkembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 7 Jun 2017.

Ustazah Latifah menjelaskan ketika ditemubual bahawa

Layanan yang kurang mesra ini setentunya mengecilkan ruang penerimaan dakwah Islam dalam diri mereka.

Hal yang sama juga diceritakan oleh seorang pengkaji dari Negara Brunei Darussalam dalam penulisan hasil kajian beliau mengenai golongan *non-Muslim* di Negara Brunei Darussalam. Beliau menyatakan bahawa terdapat golongan kecil *non-Muslim* khususnya masyarakat Cina yang tidak mahu memberi kerjasama apabila beliau ingin mengagihkan borang soal selidik bagi tujuan kajian terhadap mereka ini. Jumlah golongan yang kurang memberi layanan yang baik ini tidaklah ramai bahkan hanya sedikit sahaja namun ia memberikan impak yang besar dan menjejaskan kelicinan dan kelancaran dalam mendapatkan data kajian.²²⁸

Kesimpulannya, berdasarkan temubual dan pengamatan pengkaji terhadap masalah yang dihadapi dalam melaksanakan tugas dakwah ialah kurangnya layanan yang baik dari sasaran dakwah dan lebih parah lagi jika mereka enggan memberikan kerjasama dengan pendakwah. Setentunya masalah sebegini sudah wujud sejak zaman Nabi SAW lagi dan sehingga zaman yang serba maju ini tidak terlepas dari menghadapinya.

III. Tempat Tinggal *non-Muslim*

Umumnya, kejayaan sesuatu dakwah itu bergantung kepada kegigihan usaha pendakwah dalam menyebarkan agama Islam kepada *non-Muslim*. Salah satu metode yang sering digunakan ialah dengan cara mengunjungi ke kawasan *non-Muslim* dengan seberapa kerap yang mungkin.²²⁹

²²⁸ Mohammad Redzuan Bin Meludin, *Persepsi Masyarakat Cina Terhadap Masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam*, (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015), 13

²²⁹ Haji Mohd Amin Bin Haji Abd Rahim, *Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 104.

Menurut Ustazah Hajah Ruzaimah bahawa salah satu faktor masalah yang dihadapi oleh pendakwah Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam pada masa kini ialah kesukaran para pendakwah untuk datang ke kawasan tempat tinggal Dakwah.²³⁰

Hal ini jelas dapat dilihat dari sudut geografi misalnya kawasan tempat tinggal puak Dusun, puak Murut dan puak Iban yang sebahagian besar tinggal di kawasan-kawasan yang agak jauh dari bandar iaitu di kawasan pedalaman. Terdapat juga perkampungan mereka terletak di kawasan yang berbukit-bukau dan di tebing sungai.²³¹

Selain itu juga, menjadi satu masalah bagi pendakwah untuk turun kepada puak-puak ini jika berlakunya banjir. Perkara sebegini akan menjejaskan pergerakan dakwah Islam kepada *non-Muslim* khususnya bagi mereka yang di kawasan-kawasan pedalaman.²³²

Dalam hal yang sama, Dr Haji Mohd Amin menjelaskan bahawa antara penyebab para pendakwah susah menghubungi sasaran dakwah ialah disebabkan kawasan mereka yang tinggal jauh di pedalaman dan terpencil dari dunia luar.²³³

4.2.2 Masalah Luaran

Masalah luaran ialah permasalahan yang timbul daripada luar pendakwah itu sendiri sama ada dari segi kefahaman dakwah, pendekatan dakwah yang digunakan, dan juga gaya bahasa. Antara masalah-masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam ialah seperti berikut²³⁴:

²³⁰ Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim (Pegawai Perkembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 7 Jun 2017.

²³¹ Haji Mohd Amin Bin Haji Abd Rahim, *Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 40.

²³² Penulis tidak diketahui, *Perkembangan Agama Islam di Kalangan Puak Iban Di Negara Brunei Darussalam*, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1996), 3.

²³³ Haji Mohd Amin Bin Haji Abd Rahim, *Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012), 51.

²³⁴ Haji Mohd Amin Bin Haji Abd Rahim, *Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam*, 367-369

a) Sumber Kewangan

Agama Islam di Negara Brunei Darussalam merupakan agama rasmi. Ajaran agama Islam sering dititik beratkan oleh kerajaan untuk disebarakan lebih-lebih lagi kepada *non-Muslim*. Walaupun bermacam-macam kegiatan dakwah sering dirancang dan dilaksanakan kepada golongan ini, sebahagiannya masih mampu diteruskan dan ada terdapat sebahagiannya terpaksa diberhentikan untuk sementara waktu. Walaupun institusi dakwah khususnya Pusat Da'wah Islamiah merupakan institusi di bawah naungan kerajaan juga tidak terlepas dari menghadapi masalah-masalah kewangan yang tidak mengizinkan pergerakan dakwah untuk diteruskan.

b) Gerakan bukan Islam

Gerakan bukan Islam memang telah lama wujud di Negara Brunei Darussalam. Pusat Da'wah Islamiah giat menjalankan pelbagai usaha untuk membentras kegiatan agama luar ini dari terus berkembang. Terdapat juga usaha-usaha yang masih dalam perancangan.

Menurut Ustaz Haji Abd Aziz²³⁵ gerakan Kristianisasi memang ada tersebar di Negara Brunei Darussalam seperti di Daerah Temburong. Daerah ini menjadi tumpuan gerakan badan agama bukan Islam kerana lokasinya yang jauh dari kawasan bandar dan perjalanan ke tempat ini mengambil masa yang lama. Namun begitu, salah satu inisiatif dakwah yang dijalankan oleh Pusat Dakwah Islamiah ialah dengan mengadakan lawatan muhibbah seberapa kerap yang mungkin.

²³⁵ Haji Abd Aziz bin Haji Abd Kahar (Pemangku Pengarah, *Pusat Da'wah Islamiah*) dalam temubual dengan pengkaji, 11 Disember 2012, Jam 11.00 pagi.

Berhadapan dengan masalah ini, Pusat Da'wah Islamiah menerima persaingan daripada gerakan Kristianisasi ini sebagai suatu cabaran yang semestinya dihadapi dengan penuh iltizam dan perasaan tanggungjawab.

4.3 Kesimpulan

Walaupun usaha-usaha dakwah giat dirancang dan dilaksanakan oleh Pusat Da'wah Islamiah Brunei kepada *non-Muslim*, pusat ini tidak terlepas dari menghadapi bermacam-macam masalah. Dari sudut tenaga pendakwah masih kurang dan terdapat di antara mereka yang masih belum mahir menguasai ilmu dakwah. Selain itu juga, penggunaan ICT masih ditahap yang rendah menyebabkan kepelbagaian medium dakwah tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Di samping itu juga, salah satu masalah yang dihadapi dari sudut sasaran dakwah seperti kediaman mereka di pedalaman dan tabiat mereka yang tidak suka bergaul menyukarkan kejayaan misi dakwah. Walaupun bermacam-macam masalah yang dihadapi, Pusat Da'wah Islamiah selaku badan kerajaan dalam memartabatkan syiar Islam tetap menjalankan misi dakwah bahkan memperbaiki segala kekurangan yang ada.

BAB 5: PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji merumuskan keseluruhan hasil penyelidikan dan memberikan beberapa saranan-saranan yang sewajarnya kepada pihak tertentu berpandukan dapatan kajian yang sudah dianalisis.

5.2 Rumusan

Kesimpulan yang boleh didapati dalam hasil penyelidikan ini telah dapat dirumuskan dan dihuraikan seperti berikut:

- 1) Pelaksanaan pendekatan dakwah Pusat Da'wah Islamiah kepada *non-Muslim*.
- 2) Masalah pelaksanaan pendekatan dakwah Pusat Da'wah Islamiah kepada *non-Muslim*.

5.2.1 Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Pusat Da'wah Islamiah Kepada *Non-Muslim*

Pusat Da'wah Islamiah Negara Brunei Darussalam melaksanakan tugas dakwah kepada *non-Muslim* dengan empat pendekatan iaitu: Lisan (*Al-Qawl*), Penulisan (*Al-Kitabah*), Teladan (*Al-Hal*), Harta (*Al-Mal*).

Penggunaan empat pendekatan ini setentunya memainkan peranan penting dalam menjayakan misi dakwah lebih-lebih lagi kepada golongan *non-Muslim* sama ada di kawasan pedalaman mahupun kawasan bandar.

Untuk memastikan dakwah Islam berjalan dengan lancar pendekatan yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan keadaan dan tempat. Pusat Da'wah Islamiah

juga tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan pendekatan dakwah Islam di Brunei Darussalam. Antara pendekatan-pendekatan dakwah yang digunakan adalah:

a) Lisan (*Al-Qawl*)

Percakapan yang digunakan hendaklah jelas, terang dan tidak mengandung kesamaran ataupun keraguan oleh pendengar agar mesej dakwah itu sampai kepada mereka. Pusat Da'wah Islamiah juga tidak ketinggalan dalam menggunakan pendekatan dakwah ini. Antaranya mudah, jelas, peringatan dan berulang-ulang.

b) Penulisan (*Al-Kitabah*)

Pendakwah haruslah menghasilkan penulisan dengan menggunakan bahasa yang mudah dan senang untuk difahami, makna yang jelas. Pusat Da'wah Islamiah juga ada menggunakan dakwah penulisan ini akan tetapi belum ada penerbitan majalah dakwah Islam yang khusus kepada *non-Muslim*.

c) Teladan (*Al-Hal*)

Kunjungan ke rumah-rumah *non-Muslim* dengan tujuan untuk menghubungkan persahabatan, berkenal-kenalan, berbincang kemudian sedikit demi sedikit terus menyalurkan da'wah Islamiah secara terbuka. Berdasarkan kajian ini, telah didapati bahawa Pusat Da'wah Islamiah sering menggunakan metode berkunjung ke rumah-rumah *non-Muslim*.

d) Harta (*Al-Mal*)

Penggunaan pendekatan berbentuk material secara wajar dapat dijadikan sebagai titik tolak bagi pembinaan hubungan mesra di antara pendakwah dengan sasarannya yang berasaskan kepada percaya mempercayai dan kerelaan memberi dan menerima. Pusat

Da'wah Islamiah juga tidak ketinggalan dalam menggunakan metode ini dengan menyalurkan bantuan kebajikan dan menyumbangkan bantuan kewangan.

5.2.2 Masalah Pelaksanaan Pendekatan Dakwah Pusat Da'wah Islamiah Kepada *Non-Muslim*

Ringkasnya, Pusat Da'wah Islamiah tidak terlepas dari menghadapi masalah pelaksanaan pendekatan dakwah kepada golongan *Non-Muslim* sama ada masalah itu berbentuk dalaman Pusat Da'wah itu sendiri atau pun luaran.

Ada pun masalah dalaman ialah seperti kurangnya tenaga pendakwah lebih-lebih lagi pendakwah yang khusus untuk berdakwah kepada *Non-Muslim*. Jumlah pendakwah khusus bagi golongan *Non-Muslim* ini lebih-lebih lagi yang mahir menguasai bahasa mereka adalah sangat terhad.

Selain itu jua, penguasaan kepelbagaian medium dakwah kepada *Non-Muslim* kurang dipraktikan. Ini dapat dilihat para pendakwah lebih kerap menggunakan medium ziarah untuk berdakwah kepada golongan *Non-Muslim*. Ada pun medium penulisan sama ada dalam bentuk penulisan buku atau di media sosial kurang dimanfaatkan.

Dalam perkara yang sama, antara masalah pelaksanaan pendekatan Pusat Da'wah Islamiah kepada *Non-Muslim* ialah kepercayaan golongan ini yang sudah lama diwaris dari nenek moyang mereka menyebabkan misi dakwah itu menjadi sukar. Selain itu, terdapat golongan yang sangat sensitif apabila menyentuh tentang agama. Ini menjadikan mereka kurang mesra dan tidak mahu bergaul dengan para Pendakwah yang menjalankan tugas dakwah. Tidak dinafikan juga masalah yang dihadapi dalam melaksanakan dakwah ialah jarak kediaman golongan *Non-Muslim* yang terletak jauh di kawasan pedalaman. Ini

serba sedikit menjejaskan pelaksanaan dakwah Pusat Da'wah Islamiah kepada golongan *Non-Muslim* ini.

Selain masalah dalaman ini, Pusat Da'wah Islamiah Brunei Darussalam juga menghadapi masalah luaran seperti sumber kewangan yang terhad dan terdapat gerakan bukan Islam seperti pendakwah Kristian yang berleluasa di kawasan yang jauh dari bandar.

5.3 Saranan

Setelah mendapati beberapa penemuan dalam penyelidikan ini, pengkaji memberikan beberapa saranan untuk dilaksanakan dan dipertimbangkan kepada:

- 1) Ahli akademik dan pelajar
- 2) Pusat Da'wah Islamiah
- 3) Pendakwah

5.3.1 Ahli Akademik Dan Pelajar

- a) Berdasarkan hasil kajian pengkaji bahawa di antara masalah yang dihadapi oleh Pusat Da'wah Islamiah Brunei ialah kurangnya tenaga pendakwah kepada *non-Muslim*. Justeru, adalah disarankan kepada ahli akademik memperbanyakkan lagi pengambilan pelajar untuk mengikuti kursus-kursus dakwah khususnya dakwah kepada *non-Muslim*. Kesedaran betapa pentingnya dakwah kepada golongan ini seharusnya sudah dipupuk dalam kalangan pelajar sejak awal lagi.
- b) Hasil kajian juga mendapati penguasaan bahasa sasaran dakwah adalah kurang. Oleh yang demikian pembelajaran asas bahasa sasaran dakwah hendaklah diwajibkan kepada pelajar-pelajar yang mengikut kursus dakwah.

- c) Selain itu, disarankan bagi pelajar-pelajar kursus dakwah Islam bukan sahaja secara teori dan pembelajaran dalam kelas bahkan lebih kepada praktikal seperti mengunjungi ke kawasan-kawasan sasaran dakwah dan seterusnya mengajak mereka kepada agama Islam. Pembelajaran secara praktikal ini boleh dibuat dengan cara kalibrasi bersama Pusat Da'wah Islamiah Brunei.

5.3.2 Pusat Da'wah Islamiah

Bagi Pusat Dakwah Islamiah selaku nadi untuk menyebarkan dakwah Islam di Brunei Darussalam, beberapa saranan berdasarkan hasil penyelidikan telah pengkaji kemuka untuk tindakan selanjutnya. Antara saranan tersebut ialah:

- a) Hasil penyelidikan ini mendapati bahawa pendekatan dakwah yang digunakan oleh Pusat Da'wah Islamiah menunjukkan ke arah positif. Namun dari sudut cara penyampaian dakwah belum lagi ditahap yang memuaskan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan bagi Pusat Da'wah Islamiah Brunei Darussalam untuk mengatur beberapa langkah yang strategik dan mempelbagaikan cara penyampaian mesej dakwah untuk menarik minat golongan *non-Muslim* untuk memeluk agama Islam.
- b) Selain beberapa saranan untuk para pendakwah dan metodologi dakwah, pengkaji turut memberi beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh Pusat Da'wah Islamiah bahagian pengurusan pentadbiran. Antara cadangan tersebut ialah:
- a) Lazimnya pembelajaran tentang ilmu dakwah sudah diajar dan diperkenalkan seawal peringkat persekolahan lagi. Justeru, dicadangkan agar ilmu dakwah secara praktikal pula dapat diserapkan supaya sehati dalam diri pendakwah, sekaligus penonjolan dan pembawaan imej Islam yang baik ini dapat diperlihatkan dan dikekalkan untuk menarik sasaran dakwah mempelajari corak kehidupan seorang Islam.

- b) Pengkaji berpendapat bahawa untuk melahirkan pendakwah Islam yang mahir dalam bidang dakwah dan memahami dengan lebih jelas akan tanggungjawabnya sekaligus boleh melicinkan gerakan dakwah itu. Lebih-lebih lagi dakwah kepada *non-Muslim* Adalah pengkaji mencadangkan kepada penubuhan institusi khas dakwah kepada *non-Muslim* sahaja. Di sini segala kerja bidang dakwah kepada *non-Muslim* akan dapat dipandang berat dan lebih mendapat tumpuan.
- c) Walaupun hasil kajian mendapati banyak program dakwah yang dijalankan namun terdapat beberapa cadangan program yang belum dapat dilaksanakan dan terdapat beberapa program dakwah terpaksa diberhentikan atas sebab masalah kekurangan kewangan. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan kepada bahagian pengurusan pentadbiran agar menyediakan bantuan kewangan yang mencukupi supaya dakwah Islam dapat berjalan dengan lancar dan segala perancangan dapat diaplikasikan.

5.3.3 Pendakwah

Beberapa cadangan yang dicadangkan bagi pendakwah yang akan datang antaranya ialah seperti berikut:

- a) Pendakwah perlu mendalami metode dakwah untuk menarik minat golongan *non-Muslim*. Penghayatan yang mendalam akan metode dakwah yang lebih berkesan juga mampu untuk menarik minat sasaran dakwah. Adalah dicadangkan kepada pendakwah-pendakwah mengikuti kursus dakwah Islam secara praktikal yang diadakan di dalam mahupun di luar negara. Ini kerana perbezaan sasaran dakwah dari berbagai negara dapat membantu para pendakwah membandingkan metode dakwah dan cara dakwah yang lebih berkesan untuk digunakan.
- b) Mendalami ilmu perbandingan agama. Adalah dicadangkan kepada pendakwah mempersiapkan diri dengan ilmu berbagai agama. Ini kerana dengan memiliki ilmu

mengenai perbezaan agama akan memudahkan pendakwah lebih bijak untuk memberikaan jawapan persoalan yang mungkin akan menyentuh sensitiviti mereka.

- c) Mendalami bahasa sasaran dakwah yang berbeza. Adalah dicadangkan kepada pendakwah-pendakwah untuk mengikuti kursus bahasa. Ada baiknya bahasa yang hendak dikuasai itu mengikut kepentingan sasaran dakwah sesebuah negara. Jika kebanyakan sasaran dakwah terdiri dari bangsa Cina maka pelajarilah dan kuasailah bahasa Cina dengan mendalam kemudian jika bangsa India kedua terbanyak maka pelajarilah bahasa India dan begitulah seterusnya. Pendakwah Islam yang mahir dalam pertuturan bahasa boleh melicinkan gerakan dakwah itu.
- d) Pendakwah perlu lebih memahami adat dan budaya *non-Muslim* agar tidak menyentuh sensitiviti mereka. Justeru, adalah dicadangkan untuk melahirkan pendakwah dari kalangan saudara-saudara baru. Ini kerana mereka lebih memahami budaya mereka dan memahami akan agama lama nenek moyang mereka. Dengan melahirkan pendakwah dari kalangan saudara baru ini sekaligus dapat mempercepatkan penyampaian mesej dakwah itu.
- e) Dalam era yang seringkali berubah-ubah dengan perkembangan teknologi, adalah disarankan kepada para pendakwah di Pusat Da'wah Islamiah Brunei untuk mempelajari dan mengaplikasikan kemudahan ICT yang ada dengan mahir. Dengan kemahiran seperti ini sudah pasti para pendakwah yang ada tidak akan dilabelkan sebagai orang purba atau ketinggalan zaman.

Sebagai penutup, kajian-kajian yang berterusan tentang pendekatan dakwah dan permasalahan sekeliling yang berkaitan haruslah diambil berat agar dapat menyumbang kepada kepelbagaian cabang ilmu. Di samping itu, kajian sebegini dapat menunjukkan betapa berusahanya kita agar golongan *non-Muslim* dapat menerima Islam sebagai agama

mereka di samping menunjukkan pemedulian kepada mereka. Oleh yang demikian, kerjasama dari semua pihak adalah penting bagi menjayakan dakwah kepada orang bukan Islam.

Universiti Malaya

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien menaiki takhta pada tahun 1950 dan menjadi sultan Brunei yang ke 28. Baginda memerintah kerajaan Brunei selama 17 tahun iaitu bermula pada tahun 1950 hingga 1967. Baginda mangkat pada tahun 1986.

Abd Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah Islamiah* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1992).

_____, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001).

_____, "Dakwah dan Golongan Minoriti: Pendekatan dan Strategi", (International Da'wah Conference on Minority Group 2016 (10 November 2016: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)).

Abdi Syahrial Harahap, "Pelaksanaan Dakwah Persatuan Islam Tionghoa Indonesia (PITI) di Medan Sumatera Utara: Kajian Tentang Masalah Dan Cabaran", (Tesis Doktor Falsafah, UM, 2015).

Abdul Ghafar Don, Hailan Hj Salamon, "Dakwah kepada *Non-Muslim* di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran", *Jurnal Al-Hikmah* 1 (2009).

Abdullah Muhammad Zin, "Dakwah Kepada Masyarakat Non-Muslim di Malaysia: Konsep Dan Metod (Seminar Dakwah dan Kepimpinan, Peringkat Kebangsaan ke-2, Bangi, 2-3 oktober 1993).

Abdul Karim Zaydan, *Usul al-Da'wah*, (Al-Manar, 1976).

_____, *Usul al-Da'wah*, (Beirut: Mu'asisah al-Risalah Nasyirun, 2012).

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, "Metodologi dakwah Kepada Non-Muslim Menurut Perspektif al-Quran", (Seminar Warisan al-Quran, Peringkat Kebangsaan, Pulau Pinang, 24-25 Okt. 2001).

Brunei, Jabatan Muzium-Muzium, *Sejarah Kedatangan Islam ke Brunei, Pameran Sejarah Perkembangan Islam di Brunei Darussalam*, 1982:2.

Chong Ah Fok, "Institusi Keluarga Puak Dusun", *Beriga*, Bil. 53, (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka).

Dk Ida Fariani binti Pg Hj Kamaluddin (Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 20 Jun 2017.

Dayang Hajah Tuning binti Abdullah, *Kepercayaan Puak Dusun di Brunei, Kepercayaan Masyarakat Cina, Iban dan Dusun di Negara Brunei Darussalam*, (Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah).

Dayang Latifah binti Haji Ismail, “Bahagian Penyebaran Da’wah di Pusat Da’wah Islamiah dan peranannya dalam penyebaran Da’wah Di Negara Brunei Darussalam” (Latihan Ilmiah Akademi Pengajian Brunei, Maktab Sultan Haji Umar Ali Saifuddin, 2002).

Erny Izatun Salwa Bt Kamaruddin, Muhammed Yusof, “Pendekatan Dakwah Kepada Pelancong Bukan Islam di Masjid-Masjid Sekitar Lembah Klang”, (International Da’wah Conference on Minority Group 2016 (10 November 2016: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)).

Fathi Yakan, *Menuju Kepada Islam Mengajak Umat Ke Jalan Allah*, terj. Dra. Chadidjah Nasution (Selangor Farul Ehsan: Thinker’s Library SDN BHD, 1994)

_____, *Bagaimana Menyeru Kepada Islam*, terj. Ibnu Qasim dan Abu M. Baqir, (Dewan Pustaka Fajar, sept 1987).

Hajah Rasinah binti Haji Ahim, “Penerimaan dan Kefahaman tentang Islam dalam Kalangan Masyarakat Dusun dan Murut di Brunei Darussalam”, (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, 2010).

Haji Awang Abdul Aziz Bin Awang Juned, *Islam Di Brunei Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1992).

Haji Abd Aziz Bin Haji Abd Kahar (pemangku pengarah, Pusat Da’wah Islamiah) dalam temubual dengan penulis, 11 Disember 2012, Jam 11.00 pagi.

Hj Abd Kadir Leong, *Kehidupan Agama Orang Cina*, (Bandar Seri Begawan: Pusat Da’wah Islamiah, 2005).

Haji Abd Karim bin Haji Abd Rahman, “Puak Tutong: Satu perbincangan Tentang Sejarah dan Latar Belakangnya”, *Beriga*, (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka).

Haji Mohd Amin Bin Haji Abd Rahman, “Dakwah Kepada Orang Bukan Islam Di Negara Brunei Darussalam”, (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 1997).

_____, *Perkembangan Dakwah Di Negara Brunei Darussalam*, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012).

Haji Mohammad Bin Haji Abd Rahman, *Islam Di Brunei Darussalam*, c.3, (Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa Dan Pustaka Brunei, 2005).

_____, “Kepimpinan Islam Mengikut Pengalaman Negara Brunei Darussalam”, (Kertas Kerja Seminar Kepimpinan Islam Serantau, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 14-15 Jun 1999).

_____, *Merealisasikan Negara Zikir Melalui Pendidikan*, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 2011).

Hajah Nazilah binti Haji Kula (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penyelidikan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 8 Jun 2017.

Hjh Noraini binti Hj Saman (Pegawai Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 21 Jun 2017.

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim (Pegawai Perkembangan Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 7 Jun 2017.

Hasan Abd.Rauf Mohd Al-Badawi, *Fiqh al-Dakwah al-Islamiah*, (cet. Ke-1, Kaherah: Jamiah Al-Azhar, 1987).

Husin Hamid Umar Al-Dib, *Tuhfat al-Areb Bima lil al-Dakwah Min Wasail Wa Asalib*, (Kaherah).

_____, *Ithaf al-Abrar Bi Da'wah al-Mushthafin al-Akhyar*, (Kaherah).

Ibn Faris al-Qazwini, *Mu'jam Maqayis al-Lughah*, (Mesir: Maktabah Mustafa, t.t).

Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, (Kuala Lumpur: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009).

Imam Bukhari, *Al-Adab Al-Mufrad: A Code for Everyday Living, The Example of The Early muslims*, (UK Islamic Academy), no. 594.

Jabatan Kemajuan Islam, "Dakwah Kepada *Non-Muslim* Di Malaysia: Peranan Pendidik Muslim" (Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Islam 2011 (23-24 Februari 2011: Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), *Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2011* (Brunei Darussalam: Jabatan Perancangan Dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, 2012).

Kamus Dewan ed. ke-4, (cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa, 2013).

Kementerian Hal Ehwal Ugama, *Perkembangan Agama Kristian di Temburong*, (Brunei Darussalam: Pusat Dakwah Islamiah, 1996).

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2011(Brunei Darussalam: Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2013).

Laporan Tahunan 2016 Pusat Da'wah Islamiah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.

Latifah binti Hj Ismail (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penyelidikan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 8 Jun 2017.

Matussin Haji Md.Tahir, "Puak Dusun dan Adatnya", *Beriga*, Bil. 13, (Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, Okt-Dis 1986).

Mariam Abd Majid, Marlon Pontino Guleng, "Masjid Dan Aplikasi Pendekatan Dakwah Terhadap Masyarakat Multi Etnik Di Malaysia", *Jurnal Hadhari* 8 (2016).

Mohammad Abu Al-Fath Al-Bayanuni, *Al-Madkhal Ila Ilmi ad-Dakwah*, (cet. Ke-4, 2010).

_____, *Al-Madkhal Ila 'Ilm Al-Da'wah*, (Beirut: Al-Risalah).

Miles, M.B., & Huberman, A.M. 1994. *Qualitative data analysis*. Second Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.

Mohd Fathi Foad (Pegawai Ugama, Bahagian Media, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 24 Mac 2017.

Mohd Faridh Hafez Mhd Omar, Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, "Sumbangan Organisasi Cina-Muslim Dalam Keharmonian Beragama di Malaysia: Tinjauan Terhadap Peranan dan cabaran PERKIM dan MACMA", (International Da'wah Conference on Minority Group 2016 (10 November 2016: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)).

Mohammad Redzuan Bin Meludin, *Persepsi Masyarakat Cina Terhadap Masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam*, (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2015).

Mohd Rosmizi Abd Rahman *et al.*, *Agama-Agama Di Dunia*, (cet. Ke-2, Negeri Sembilan: Universiti Sain Islam Malaysia, 2012).

Mohd Sabri Ismail, *Konsep Dakwah dan Strategi Perlaksanaan Menurut Surah An-Nahl:125*, (Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn, 2004).

Muhammad Asrul Nizam bin Haji Ahmad (Pegawai Ugama, Bahagian Kajian dan Penerbitan, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

Muhammad Ghazali, *Ma'a Allah Dirasat Fi al-Da'wah wa al-Du'at*, (Dimasq: Dar al-alam, 1989).

Muhammad Nur Manuty, "Permasalahan Imej Islam Di Dunia Modern" (Seminar Kefahaman Orang-Orang Bukan Islam Tentang Islam dan Pembangunan Imej Islam, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1993).

Muhd Qutb, *Salah Faham Terhadap Islam*, terj. Yusoff Zaky Yacob (Kota Bharu: Dian Darul Naim Sdn. Bhd, 1994).

"Muzium Journal", (Brunei Darussalam: Jabatan Muzium), 1.

Norasidah binti Haji Duraman, (Pusat Dakwah Islamiah Unit Penapisan dan Kawalan Terbitan-terbitan, Latihan Industri, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, 2009).

Norhayati binti Haji Abd Rahman (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 20 Jun 2017.

Norsaida binti Shari, *Dakwah PERKIM Kepada Non-Muslim: Satu Kajian Di Pulau Pinang*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1992).

Norsharita binti Abdullah, "Fonologi Bahasa Lun Bawang (Murut)", (Latihan Ilmiah B.A, Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, 1995/996).

Norwana binti Haji Emran (Pembantu Kanan Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual bersama pengkaji, 20 Jun 2017.

Nur Hikmah Hj Idris (Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah) dalam temubual dengan pengkaji, 23 Mac 2017.

Jabatan Penerangan, "Titah Di Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Da'wah Islamiah Pada 1 Muharram 1406 / 16 September 1985", dalam *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987*, (cet. ke-1, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam , 2017).

Jabatan Penerangan, "Titah Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1428 Hijrah / 2007 Masihi pada 10 Zulhijah 1428/19 Disember 2007", dalam *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2007*, (cet. ke-1, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, 2016).

Jabatan Penerangan, "Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam", dalam *Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 1984, 1985, 1986 dan 1987*, (cet. ke-1, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam , 2017).

Penulis tidak diketahui, *Perkembangan Agama Islam di Kalangan Puak Iban Di Negara Brunei Darussalam*, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, 1996).

Penulis tidak diketahui, *Proses Dakwah kepada Non-Muslim Di Negara Brunei Darussalam*, ed. Ke-1, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, 1997).

Rancangan Strategik Pusat Dakwah Islamiah 2010-2014, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah).

Ristaan Dan Pencapaian 25 Tahun Pusat Dakwah Islamiah, (cet. ke-1, Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, 2011).

Ristaan Dan Harapan Kecemerlangan Dakwah Abad ke-21, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah).

Sobir Ahmad Thaha, *Perkembangan Dakwah Islam Di Negara Brunei Darussalam* (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, 2008).

Syed Othman Al-Habshi, "Peranan Dakwah Membasmi Kemiskinan dan Kejahilan", (Kertas Kerja Kongres Dakwah Islamiah SeMalaysia, UUM, YADIM, 10-12 Ogos 1990).

Tajudin bin Parang, *Pandangan Orang Murut Terhadap Agama Islam*, (Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah, 1993).

Wang Gungwu, *The Nanhai Trade*, *JMBRAS*, Vol. XXXI, Pt. 2, (1958).

Wahbah Al-Zuhaili, *Kewajipan Memahami Bukan Islam Tentang Islam*, terj. Dr. Basri bin Ibrahim Al-Hasani Al-Azhari, (Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, 2004).

Yusuf al-Qardawi, *Thaqafatul al-Da'iyah*, (cet. ke-2, Beirut: Muassasah al-Risalah, 978).

Zulkiple Abd Ghani, *Dakwah Dalam Era Siber Di Malaysia*, (Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 2010).